

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Khamis 12 Mac 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Dewan di sambung semula pada jam 10.00 pagi.

**I DOA.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

Tajuk: Kos Perjalanan Menteri Besar Ke Luar Negara:

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kos perjalanan Menteri Besar ke luar Negara yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bermula dari tahun 2000 hingga sekarang. Dan siapakah agen terbabit yang menguruskan hal perjalanan Menteri Besar tersebut.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, mengenai kos perjalanan Menteri Besar ke luar negara; menurut rekod waran perjalanan udara yang diperolehi daripada Pejabat Menteri Besar, kos tambang yang Y.A.B Dato' Menteri Besar ke luar negeri dari tempoh 2001 hingga 2008 berjumlah RM349,134.00. Jumlah ini melibatkan 21 perjalanan ke luar Negara. Jumlah kos seperti penginapan, makanan dan minuman serta kos lain yang berkaitan masih lagi dalam semakan oleh kerana data tidak dikumpulkan secara terperinci. Walau bagaimanapun, perincian perjalanan ke luar negara berdasarkan waran perjalanan udara yang diperolehi dinyatakan sebagai berikut:

Tahun 2001, berjumlah RM19,563.00. Tahun 2002, berjumlah RM19,735.00. Tahun 2003, meningkat ke RM49,874.50. Bagi tahun 2004, meningkat ke RM74,972.00. Tahun 2005, berjumlah RM41,064. Tahun 2006, berjumlah RM61,466.00. Tahun 2007, berjumlah RM20,231.00. Tahun 2008, sehingga Februari, berjumlah RM32,229.00. Jumlah keseluruhan sebanyak RM349,349,134.50. Agen yang terlibat, *Green Adventure Holiday Sdn Bhd.* Namun mulai tahun 2001 terdapat agen lain seperti ASM Travel dan Carnival Travel bagi perjalanan satu atau dua waran. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Pertanyaan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa syarikat *Green Adventure Holiday* ini mempunyai kaitan dan hubungan kekeluargaan dengan mantan Menteri Besar. Yang

keduanya apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya perkara seperti ini tidak berulang di mana hanya satu sahaja syarikat yang monopoli semua perjalanan Kerajaan Negeri khususnya Pejabat Menteri Besar dan apakah Kerajaan Negeri boleh menyenaraikan pendekkan berapa buah syarikat lain yang mempunyai trek rekod yang baik untuk mengendalikan perjalanan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya tidak mempunyai maklumat mengenai perhubungan persaudaraan. Walau bagaimanapun, ini merupakan tanggungjawab mereka yang berkenaan untuk menyatakan terdapat "*conflict of interest*". Kalau ada, dia perlu menyatakan dan ini tidak memberi kesan terhadap proses urus niaga. Kedua, sekarang Kerajaan Negeri ada membuat beberapa keputusan untuk mengawal dan memantau penggunaan perbelanjaan. Kerajaan Negeri ada meminta syarikat Tourism Selangor Sdn. Bhd. Sebagai agen untuk mengaturkan tiket-tiket perjalanan bagi semua perkhidmatan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, saya ada menyatakan kepada Tourism Selangor supaya mereka bersikap "*competitive*" tidak bersikap monopoli dan kita hendak aturkan supaya diwujudkan beberapa *travel* yang di undang untuk membuat tawaran tersebut. Saya juga difahamkan beberapa Ahli EXCO kita yang "celik komputer", yang lebih senang menggunakan "*internet booking*". Ini tak perlu menambahkan kos permohonan jika menggunakan "*internet booking*" terutama menggunakan jenama "Air Asia". Dia boleh terus membuat "*claim*" tak perlu ada kos agensi. Dan ini juga terima. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN CERUN TERUS RANCAK DI HULU KELANG**

8. Tidak sampai dua bulan selepas tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, kerja-kerja penggondolan bukit dan penebangan hutan di kawasan-kawasan berhampiran dengan Empangan Klang Gate berjalan dengan lancar:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peruntukan-peruntukan undang-undang dalam pelupusan tanah dan kebenaran membangunkan kawasan yang telah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini yang menjadi penghalang kepada kerajaan Pakatan Rakyat pada hari ini daripada bertindak menghentikan pembangunan yang bakal mengundang bencana pada masa hadapan?
- b) Apakah dasar sebenar kerajaan terhadap pembangunan di kawasan-kawasan yang bakal mengundang bencana dan tragedi dalam masa 10 hingga 30 tahun dari sekarang?
- c) Adakah kerajaan merancang untuk menggunakan undang-undang untuk membeli balik atau merampas tanah-tanah yang telah dilupuskan oleh kerajaan lalu demi melindungi keselamatan nyawa rakyat dan generasi masa hadapan?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW :**

- a) Peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara 1965 yang menjurus kepada pelupusan tanah tidak menjadi penghalang kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengawal apa-apa pembangunan yang dikira berisiko yang boleh menimbulkan kesan negatif ke atas alam sekitar. Dalam hubungan ini, tanah yang diluluskan pemberimilikan dan kemudiannya didaftarkan hak milik masih terlibat dengan pematuhan pelbagai keperluan syarat dan undang-undang semasa peringkat pembangunannya dan perkara ini dikawal selia oleh Jabatan Teknikal khususnya Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 6/2008 pada 2 April 2008 bersetuju supaya Kerajaan Negeri tidak akan memberikan kelulusan projek pembangunan di kawasan tanah tinggi bagi Kelas II dan IV iaitu yang melebihi tahap kecerunan 25 darjah.

Manakala di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) telah di peruntukan dua (2) dasar yang melibatkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang bakal mengundang bencana iaitu:

Dasar RFN 18 - Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) perlu diintegrasikan dalam perancangan dan pengurusan guna tanah serta sumber semula jadi bagi memastikan pembangunan mampan.

Dasar RFN 19 - *Central Forest Spine* (CFS) akan diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian kawasan sensitif Alam Sekitar seperti Taman Warisan Negeri Selangor perlu dikekalkan sebagai sebahagian "*Central Forest Pine*".

Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 yang telah diwartakan pada 14 Jun 2007 No. Warta 1541 telah menggariskan tiga (3) dasar yang melibatkan pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar iaitu:

Dasar FZ 5 - Kawasan Sensitif Alam Sekitar Di Negeri Selangor Perlu diwartakan Serta Diurus Berdasarkan Jenis Pembangunan Atau Guna tanah Yang Telah Ditetapkan.

Dasar FZ 6 - Sekurang-kurangnya Tiga Puluh Peratus Daripada Keluasan Negeri Selangor Diwartakan Sebagai Kawasan Hutan Simpan Kekal Atau Kawasan Pemeliharaan.

Dasar FZ 8 - Perancangan Dan Pengurusan Bersepadu Alam Sekitar perlu Dilaksanakan Dengan Kerjasama Dan Penglibatan Semua Pihak.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Laporan Hala tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Ketiga Penggal Pertama 2008 yang mana telah menetapkan 2 teras utama yang berhubung kawasan sensitif yang bakal mengundang bencana iaitu:



Teras 3 : Menyediakan Panduan Strategik Mengenai Arah Dan Corak Perbandaran Dan Penggunaan Tanah

Teras 5 : Menguruskan Pembangunan Alam Sekitar Yang Mampan  
Tuan Speaker, pada peringkat ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengguna Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi melaksanakan pengambilan tanah bagi kawasan tersebut.

Berhubung dengan isu perampasan tanah-tanah terlibat, ianya hanya boleh dilakukan dalam keadaan-keadaan berikut mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negara Seksyen 1965: iaitu

- Pelanggaran syarat (Seksyen 129, KTN); dan
- Kegagalan pemilik tanah menjelaskan cukai tanah dan Pentadbir Tanah Daerah akan mengguna pakai peruntukan undang-undang bagi kes-kes yang spesifik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tambahan, soalan saya, adakah ataupun siapakah yang memberitahu kepada pemaju tentang keputusan Kerajaan Negeri pada April 2008 menghalang pembangunan cerun kerana apabila saya turun di Hulu Kelang, saya dapati pemaju tak tahu menahu. Itu soalan yang saya nak tanyakan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Mengenai Tragedi Bukit Antarabangsa kita masih tunggu JKR menyiapkan laporan yang detail dan walau bagaimanapun laporan yang ada interim yang ada itu telah diberitahu dan satu seminar ataupun satu mesyuarat telah diadakan oleh Menteri sendiri dengan penduduk dan juga pemaju di kawasan Ampang. Jadi kalau masih ada pemaju yang tidak memahami apa yang hendak dibuat dan sebagainya mengenai pembangunan kecerunan saya rasa kita akan teruskan usaha inilah supaya semua orang faham dan saya difahamkan sebagai satu langkah untuk menangani masalah kecerunan, saya difahamkan Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan Sebanyak RAM 50 juta untuk usaha ini. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tentang tindakan merampas tanah bagi pemaju yang tidak mempunyai syarat, apabila saya turun tapak pembangunan di Melawati, Kemensah, memang nyata. Saya bawa Jurutera MPAJ mengesahkan bahawa ada bahagian-bahagian pembinaan platform jalan dan infrastruktur tidak memenuhi pelan yang dinyatakan. Ini berlaku dua minggu yang lepas.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, kalau macam itu saya memang telah memberi arahan kepada MPAJ memantau semua pembangunan Bukit Antarabangsa dengan teliti. Saya dan rakan-rakan EXCO yang lain telah membuat beberapa lawatan ke tapak-tapak yang dikatakan ada risiko. Kalau perkara ini baru sahaja berlaku dua minggu yang lalu, saya haraplah saya akan memberi arahan sekali lagi kepada MPAJ supaya mengadakan pemantauan yang lebih teliti dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Tuan Speaker, soalan tambahan Yang Berhormat. Selepas berlaku kejadian di Bukit Antarabangsa, apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap projek-projek pembangunan tanah tinggi yang sedang berlaku ataupun sedang diusahakan sekarang ini sama ada telah diberi arahan berhenti ataupun bagaimana tindakan kerajaan negeri sekarang. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. Selepas tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa usaha daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Kerja raya, NGO-NGO seperti REHDA juga telah secara sukarela memberi bantuanlah dalam hal pemantauan. Selain daripada itu beberapa projek yang dikatakan berisiko telah diberhentikan selepas kejadian itu dan walau bagaimanapun projek-projek ini telah dimulakan semula selepas mengenal pasti risiko-risiko yang dapat ditangani dan lepas itu projek itu harus dimulakan. Dan saya mengakulah pemantauan daripada PBT amatlah penting tetapi apa yang berlaku sekarang wang ataupun kewangan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan segala pembangunan di lereng bukit atau cerun amatlah besar dan kita rasa kerajaan negeri rasa kita memerlukan bantuan daripada kerajaan pusat. Sebab itu kita minta kerjasama daripada Kementerian Kerja raya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR :** Tuan Speaker, soalan nombor 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : MASALAH PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

9. Kerajaan Negeri mempunyai satu senarai projek-projek perumahan yang terbengkalai di negeri ini. Usaha untuk mengatasi masalah ini adalah merupakan suatu usaha yang berlarutan. Ada projek yang telah dapat disiapkan namun masih banyak lagi projek yang masih belum dapat diselesaikan disebabkan masalah-masalah tertentu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini agar tidak berlarutan tanpa sebarang penyelesaian?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Soalan ini telah pun dijawab pada sidang yang lepas. Hari ini saya akan memberikan perkembangan-perkembangan yang terkini. Selain daripada meneruskan usaha-usaha yang pernah dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu, seperti pemantauan ke atas projek-projek terbengkalai, kerajaan menjalankan usaha-usaha baru untuk menyelesaikan masalah ini. Di antara perkara yang drastik dengan izin yang telah kita lakukan adalah penubuhan dengan izin *Task Force* Jawatankuasa Khas Projek-projek Terbengkalai yang dipengerusikan oleh YB. Hulu Kelang. Dengan kerjasama jawatankuasa ini untuk membantu menilai projek-projek

yang terbengkalai. Jawatankuasa ini telah mengenal pasti pemaju-pemaju baru dan pemaju-pemaju penyelamat untuk menyelamatkan projek-projek yang berpotensi untuk dihidupkan semula. Daripada 144 projek terbengkalai, 80 telah dikaji tahun lepas, 40 telah dikenal pasti sebagai berpotensi. Dalam tahun 2008, jawatankuasa khas ini telah berjaya memulihkan 8 projek dan telah siap 100 %. Dua darinya telah mendapat sijil layak menduduki bangunan ataupun CF. Dan ini meliputi ataupun melibatkan lebih kurang 2,710 unit. Lokasinya adalah 2 di Shah Alam, 2 di Klang, 1 di Hulu Langat, 1 di Puchong dan 1 di Hulu Selangor dan 1 di Gombak. Dan juga pada 5 Mac yang lepas, 5 lagi projek telah diambil alih oleh pemaju-pemaju baru. Ini adalah atas inisiatif jawatankuasa khas ini. 3 projek di Hulu Langat, 1 di Sepang, 1 di Ampang yang merangkumi 664 unit. Buat masa ini jawatankuasa khas ini ataupun *Task Force* dengan izin sedang mengkaji dengan terperinci 46 projek-projek untuk dipadankan dengan pemaju-pemaju baru. Yang ini melibatkan 9,364 unit. Dan untuk mempercepatkan pemulihan projek-projek ini, kerajaan negeri menjemput pihak-pihak yang berkemampuan untuk mengambil alih projek-projek yang terbengkalai dan berpotensi ini. Ingin saya jelaskan di sini bahawa kita tidak hanya mengehadkan kerjasama jawatankuasa ini bersama dengan tiga perunding itu tetapi peluang dibuka seluas-luasnya kepada semua pihak. Kita memerlukan pemulihan ataupun penglibatan sektor swasta. Lagipun masalah ini berpunca daripada sektor swasta. Kerajaan menerusi jawatankuasa atau *Task Force* ini bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara. Selain daripada itu Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kerajaan juga membantu menyelesaikan sebarang masalah di antara pemaju baru dan Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Permintaan telah diterima berkaitan dengan cukai tanah tertunggak yang ditinggalkan oleh pemaju lama. Kalau pemaju baru hendak memasuki memulihkan projek tersebut, mereka mendapati kesukaran oleh kerana terdapat hutang cukai tanah yang tertunggak. Kerajaan boleh berbincang bagaimana cukai ini boleh dibayar secara ansuran atau dilunaskan setelah projek tersebut siap. Sebab terdapat projek bahawa cukai yang tertunggak itu hampir kepada RM1 juta. Selain dari itu pada akhir Mac ini, laman web Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor akan memuatkan maklumat status projek-projek terbengkalai di Negeri Selangor. Ini untuk membantu para pembeli yang hendak tahu status projek mereka. Sebab masih ramai yang tidak tahu adakah projek mereka sudah diambil alih, sudah terberhenti ataupun apakah masa depan projek mereka itu. Jadi, kalau kita muatkan di dalam laman web tersebut, mereka dapat mengetahui di mana kedudukan projek mereka. Selain daripada itu ianya dapat menjadi suatu iklan atau *advertisement* dengan izin kepada mana-mana pihak untuk membangunkan projek-projek yang terbengkalai. Dan juga yang paling penting kita hendak rakyat tahu pemaju-pemaju mana yang sebenarnya yang gagal memajukan atau menyelesaikan atau membina rumah-rumah mereka. Sebab kita tidak mahu perkara ini berlaku tahun demi tahun. Dan kita juga sedang dalam kajian untuk mempamerkan dalam laman web ini nama dan nombor-nombor kad pengenalan ahli Lembaga Pengarah yang terlibat dalam projek-projek yang terbengkalai sebagai suatu amaran kepada pemaju-pemaju supaya apabila hendak melakukan apa-apa projek memastikan ianya dapat diselesaikan. Selain daripada itu, pemaju yang mempunyai projek yang lambat tetapi kita sebenarnya memantau projek-projek itu dengan mengadakan lawatan tapak dan mesyuarat secara berkala. Ada kes-kes di mana pemaju meminta bayaran tambahan jika mahu rumah mereka disiapkan. Menurut pemaju bahawa bayaran tambahan ini perlu kerana kos pembinaan yang meningkat dan kos-kos yang lain. Ada pembeli yang bersetuju jika bayaran tambahan ini berpatutan tetapi mereka tidak lagi percaya kepada pemaju. Inilah di mana kerajaan boleh berperanan kerana kita boleh melantik pihak ketiga untuk menerima pembayaran itu dan pembayaran itu segala dana yang diterima hanya akan

diberikan kepada pemaju apabila diperlukan untuk membuat pembinaan. Pembeli tidak mahu dia bayar duit tambahan tetapi rumah masih tidak siap. Jadi, ingin saya memberikan tentang penerangan mengenai pampasan tanah projek-projek terbengkalai yang diumumkan pada sidang yang lepas di mana 2 projek di Kuala Selangor telah dihantar notis untuk dirampas. Ini berdasarkan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara kerana tidak membayar cukai tanah, Seksyen 129 kerana melanggar syarat guna tanah. Satu projek di Kuala Selangor melibatkan tanah 399.49 hektar dengan 6620 unit kediaman. Yang ini telah kita hantar notis untuk dirampas dan 1 lagi projek yang melibatkan tanah 194.85 hektar yang melibatkan 924 unit kediaman telah juga dihantar notis dan notis ini telah hampir tamat. Kalau tamat kita akan mencari pemaju-pemaju yang berwibawa untuk mengambil alih dan menyelesaikan projek tersebut. Juga EXCO telah meluluskan satu projek di Sg Buaya, kita tahu projek Sg Buaya akan dirampas, dan akan diambil alih oleh syarikat yang baru sekiranya telah cukup notis tersebut. Usaha-usaha lain yang turut dilakukan Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, kita sentiasa melakukan rundingan dengan bank-bank bagi meringankan beban pembeli, kita melakukan pemantauan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita juga membantu pembeli menubuhkan Jawatankuasa Bertindak untuk berunding dengan pemaju untuk memulihkan projek. Sebab kadangkala pembeli-pembeli tak tahu hendak pergi ke mana. Inilah peranan kerajaan negeri untuk membantu mereka menubuhkan Jawatankuasa Bertindak supaya dapat kita berbincang dengan pemaju. Dan juga Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, kita mengesahkan projek perumahan terbengkalai agar Kementerian Perumahan dapat mengeluarkan surat kepada pembeli dan mereka dapat berbincang dengan bank untuk menyusun semula pinjaman mereka juga menjadi fasilitator dapat berunding untuk menstrukturkan semula pinjaman mereka. Dan juga menjadi fasilitator untuk perbincangan di antara pemaju dengan pegawai penerima. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga mengumumkan rangsangan baru pakej ekonomi bernilai RM50 bilion yang turut merangkumi pembangunan semula perbandaran dan pemulihan projek-projek terbengkalai. Kita berharap bahawa agar rangsangan ekonomi ini akan dapat menyelesaikan kebanyakan daripada projek-projek perumahan yang terbengkalai. Bagaimana pula dengan projek-projek yang sedang berjalan di masa akan datang. Usaha Kerajaan di antaranya adalah kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan memaklumkan mereka pemaju-pemaju yang perlu disenaraihitamkan dan dibatalkan lesen mereka. Lesen pemaju perumahan dikeluarkan oleh Kementerian dan bukan kerajaan negeri. Jadi, mereka atau pemaju yang gagal untuk menyelesaikan atau untuk meneruskan projek mereka kita berharaplah supaya lesen-lesen mereka akan datang dapat dibatalkan atau ditangguhkan. Nombor dua Pihak Berkuasa Tempatan diarah supaya sentiasa memantau projek di bawah kawasan tadbir mereka kita nak tahu sebelum keadaan menjadi parah kerajaan negeri mahu isyarat awal atau *warning* dengan izin, projek itu terbengkalai kita nak tahu lebih awal supaya dapat dilakukan langkah-langkah tertentu seperti memasukan pemaju baru atau apa-apa bantuan sekalipun dilakukan. Itu sahaja terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Bangi mempunyai beberapa kawan yang terjebak dengan hutang kerana meminjam bank untuk membeli rumah dan kedai. Tetapi ternyata kemudiannya projek terbengkalai. Tidak adakah peruntukan yang membolehkan pinjaman itu dihentikan apabila projek itu terbengkalai dan pemaju itu didenda mesti membayar balik bayaran yang telah dibuat

dan dengan hukuman-hukuman yang lain supaya pembeli tidak teraniaya. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Selalunya apa yang terjadi bahawa kita mengeluarkan surat mengesahkan projek tersebut terbengkalai. Begitu juga Kementerian Perumahan mengeluarkan surat tetapi benda ini telah banyak kali perbincangan dengan pihak bank dan ia perlu juga peranan dari Bank Negara. Bank Negara dapat membuat satu keputusan bahawa dalam kes-kes sedemikian bahawa pinjaman itu ditangguhkan sehingga projek siap maka ia boleh dilakukan. Jadi kita terus melakukan perbincangan sebab bidang kuasa ini bukan bidang kuasa kerajaan negeri tetapi bidang kuasa kerajaan pusat.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Soalan Tambahan. Saya ingin memaklumkan bahawa satu projek itu yang dimajukan di DUN Paya Jaras. Dan dengar khabarnya pun dah berjumpa Yang Berhormat Persatuan Penduduk dan sebagainya, saya ingin tahu apakah tindakan yang selanjutnya. Sebab yang dimaklumkan tadi sebanyak lima projek yang telah pun dikenal pasti tidak termasuk projek yang berada di Paya Jaras. Kemudian kita tahu bahawa ramai peminjam-peminjam bank untuk membiayai pinjaman rumah tersebut yang kini dalam proses *bankruptcy* dengan izin dan tentulah banyak lagi 40 lebih projek mungkin yang terlibat sama, maka saya ingin tahu apakah status sejauh mana yang boleh kita bekerjasama antara kerajaan negeri ataupun pihak swasta yang dicadangkan tadi. Kerana sebelum pilihan raya yang sudah ada pihak-pihak swasta yang telah berbincang dengan pihak AD LAW dan saya harap kalau bolehlah kerajaan negeri dapat memantau juga bekerjasama supaya pemaju yang siapa sahaja yang dicadangkan itu boleh menjalankan tugas tersebut dan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam pun saya rasa tiada masalah. Maka dengan itu saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Kita sentiasa terbuka kepada daripada pihak swasta untuk membantu dan mengambil alih. Kalau tak silap saya projek tersebut juga dalam senarai, juga dalam senarai untuk dipulihkan dan kita terbuka kepada pihak-pihak swasta untuk memasuki untuk mengambil alih projek-projek yang *viable* dengan izin yang berpotensi. Sebab kita akui banyak projek-projek yang tidak dapat diteruskan kerananya pemaju yang tidak mempunyai pengalaman telah meneruskan atau mengadakan projek tersebut dan tidak boleh dijual atau banyak masalah-masalah lain tetapi saya yakin dalam empat puluh dua projek yang telah kita kenal pasti kita akan memamatkan bahawa akhir tahun ini akan dapat diselesaikan. Tapi kita terbuka, masih terbuka kepada mana-mana pihak sekali pun yang hendak memajukan projek-projek terbengkalai. Itu sebab kita mengadakan *web site* atau laman web tersebut bagi seluruh dunia pihak swasta dapat mengetahui yang mana satu *viable* dengan izin dan yang mana satu yang boleh diselamatkan. Tentang pinjaman yang terpaksa dibayar walaupun, walaupun projek tersebut terbengkalai, saya merasakan bahawa ini memerlukan penyelesaian di peringkat kebangsaan. Itu sebab saya berharap dan saya mungkin akan berusaha supaya satu perbincangan bukan hanya di adakan oleh pihak kerajaan negeri dengan pihak kerajaan pusat, tetapi masalah ini juga dihadapi oleh setiap mereka yang memberi projek terbengkalai tidak kira di mana di seluruh Negara. Jadi perbincangan itu perlu di adakan di peringkat pusat bersama-sama dengan negeri-negeri yang lain. Dan insya-Allah kalau oleh kerana negeri Selangor mempunyai terlampau banyak projek terbengkalai dan mungkin terlampau banyak pembeli-pembeli

yang mengalami nasib yang sedemikian, maka Negeri Selangor akan memulakanlah, kita akan *initiate* dengan izin perbincangan ini dengan pihak bank Negara dengan semua pihak yang terlibat.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baru.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker peraturan tetap 24 kurungan (2) soalan No. 10.

**TUAN SPEAKER :** 24 2 kata apa. Kena beritahu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Kurungan 2 Tuan Speaker, jika seorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawapan mulut itu tidak bangun, mengeluarkan pertanyaannya maka sesiapa ahli lain boleh mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaan sendiri dan bolehlah ia berdiri di tempatnya mengeluarkan pertanyaan itu mengikut seperti yang ditetapkan di atas tadi.

**TUAN SPEAKER:** Jadi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Jadi saya bertanya, wakil bagi pihak.

**TUAN SPEAKER:** Mengambil pertanyaan itu sebagai pertanyaan kamu sendiri. Cakap cara itu tak payah baca. Boleh dibenarkan.

**TUAN SPEAKER:** Benarkan, benarkan, beritahu saja tak payah baca. Beritahu bahawa soalan no...

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih. Soalan No. 10.

**TUAN SPEAKER:** Ia terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : MASALAH PENYAKIT NYAMUK AEDES DAN CHIKUGUNYA**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

10. Negeri Selangor dikenal pasti tempat pembiakan nyamuk aedes, ianya telah di isytihar kawasan panas dan mencatat kes yang tinggi, sehingga kini sebanyak 18 kes kematian dan sebanyak 6700 kes di kesan. Jika keadaan ini meningkat ianya boleh membawa keburukan kepada rakyat Selangor.

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan pencegahan terutama di kawasan Bandar di mana terdapat longkang-longkang tersumbat, kawasan semak dalam pekan yang menyebabkan pembiakan jentik-jentik?

- b) Rumah kosong atau bangunan yang terbiar merupakan punca dan tempat pembiakan nyamuk aedes, apakah tindakan Kerajaan Tempatan menghadapi masalah tersebut?
- c) Bolehkah memberi statistik pencegahan, yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengambil tindakan pembasmian?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker. Ini berkenaan denggi dan chikugunya di negeri Selangor. Bagi mengatasi denggi di negeri Selangor, pelbagai usaha dan tindakan telah di ambil di semua PBT negeri Selangor. Antara tindakan-tindakan tersebut :

- i) Menjalankan aktiviti pemeriksaan jentik-jentik (*aedes survey*) di premis-premis kediaman, perniagaan, tapak-tapak projek, projek-projek terbengkalai dan tapak-tapak pasar.
- ii) Menjalankan aktiviti pengasapan (*fogging*) untuk membunuh nyamuk dewasa.
- iii) Menjalankan aktiviti "*larviciding*" untuk membunuh jentik-jentik.
- iv) Menganjurkan ceramah dan pameran anti denggi di kawasan bermasalah dan juga di sekolah-sekolah.
- v) Mengedarkan risalah mengenai demam denggi dan *abate* percuma yang diberi kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan.
- vii) Mengadakan operasi bersepadu dengan pelbagai pihak bersama penduduk dengan mengadakan aktiviti gotong-royong, kempen kesedaran bahawa denggi.
- vii) Mengenakan notis atau denda kepada individu atau syarikat yang tidak menjaga kebersihan dan terdapat jentik-jentik di premis berkenaan dan bekerjasama dengan ADUN, Ahli Majlis Jawatankuasa Penduduk (JKP) untuk memberi kesedaran kepada penduduk tentang demam denggi.

Tuan Speaker, bagi rumah kosong atau bangunan yang terbiar, pemilik rumah atau bangunan tersebut akan dikenal pasti. Seterusnya tindakan notis akan diberi kepada pemilik premis bagi mereka memastikan harta mereka bebas dari tempat pembiakan jentik-jentik. Sekiranya masih ingkar setelah tempoh notis tamat, maka tindakan kompaun akan dikenakan. Sekiranya kerja-kerja pembersihan tidak dijalankan PBT boleh membersihkan kawasan tersebut. Walau bagaimana pun segala kos pembersihan akan ditanggung oleh pemilik yang akan dikenakan melalui '*direct billing*' atau cukai pintu.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Batang Kali.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tuan Speaker. Soalan tambahan. Soalan tambahan saya kepada YB. Setakat hari ini berapakah kompaun yang telah dikeluarkan terutamanya di kawasan Hulu Selangor yang saya dapati kawasan yang

agak tinggi masalah denggi dan apakah tindakan yang *drastik* yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri terhadap kawasan seperti ini. Terima kasih Speaker.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ikutan laporan yang terkini sampai berakhir tujuh hari bulan, bulan ini. Batang Kali dari Hulu Selangor, akibat denggi tidak ada kematian. Kes demam denggi yang dilaporkan di dalam Hulu Selangor dua ratus lima puluh lima (255), kes demam berdarah denggi di laporkan lima (5). Jumlahnya dua ratus enam puluh (260). Ini kes laporan sahaja. Bukan lagi pastikan bahawa kes dua ratus enam puluh (260) ini sudah akibat denggi kah tidak. Dari peraturan yang kita tahu empat puluh persen (40%) sahaja dari dua ratus enam puluh (260) kes ini kita akan *confirm* dia ada dapat denggi ke tak ada. Yang lain semua yang biasa demam sahaja. So laporan ini yang kita ada. Tetapi kompaun yang ditanyakan oleh kita telah teruskan dengan program ini dan keseluruhannya untuk bilangan kompaun yang telah diberi di kawasan- kawasan tertentu kalau ikutan yang kita ada, di Hulu Selangor tidak ada banyak. Sebab rumah-rumah yang terbengkalai di Batang Kali ramai sekali, nak cari orang-orang yang berkenaan kita ada masalah. Susah, tapi kita telah lakukan apa yang kita boleh buat di dalam kawasan itu. Tetapi inilah masalah yang dulu punya kerajaan yang ada dengan kita. Masalah nya ialah berapa tempat-tempat terbengkalai yang ada di dalam kawasan Hulu Selangor terdapat di Bukit Beruntung sama sekali satu tempat pembiakan denggi yang tertinggi di Selangor ialah sebab bangunan-bangunan yang terbiar untuk berapa tahun macam itu dengan dia mengadakan, membiarkan denggi dalam kawasan dia. Dan sekarang Jabatan Kesihatan Negeri kerjasama dengan PBT telah berturun untuk membuat kerja dan saya nak katakan kita telah dapatkan *result* yang baik yang di mana kita telah menurunkan kes denggi di dalam kawasan Hulu Selangor khususnya.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker saya soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada YB EXCO yang bertanggungjawab. Adakah Yang Berhormat tahu berapakah jumlah kes demam denggi di daerah Gombak sehingga ke hari ini iaitu daripada satu hari bulan Januari sehingga ke hari ini. Yang Kedua, berapa jumlah kematian yang telah berlaku. Saya nak bertanya kerana ini memang tanggungjawab kerja YB EXCO, saya tahu jawapannya, tapi saya nak tahu juga kalau boleh dengan izin berapa jumlah kematian yang telah berlaku di daerah Gombak sehingga kini. Yang kedua adakah kerajaan negeri bercadang untuk melakukan kerja-kerja seperti pembersihan dan *fogging* dengan rumah-rumah yang tidak penghuni seperti yang dilakukan oleh kerajaan pusat seperti yang di maklum oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa kita tidak mahu lagi memberi notis dan sebagainya tetapi terus bila kita kenal pasti rumah itu kosong maka kita kena masuk untuk membuat *fogging* kerana keadaan denggi memang cukup merbahaya di negeri Selangor dan mungkin boleh dikatakan sebagai satu *appedemix* yang cukup merbahaya. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Jawapan dia di Gombak, sampai tujuh hari bulan Mac tahun ini yang dilaporkan 'notifikikasi' kepada Pejabat Kesihatan ialah empat ratus lima puluh sembilan kes. Demam denggi ialah empat ratus satu( 401) dan laporan demam denggi berdarah ialah lima puluh lapan (58) dan kematian di kawasan Gombak tujuh (7) sampai sekarang. Saya ingat sebelum semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri timbulkan masalah denggi dengan chikugunya. Saya haraplah semua Ahli Dewan Undangan Negeri baca dan faham penyakit ini dahulu. Penyakit ini bukan satu-satu penyakit yang senang untuk kita



hapuskan terus menerus. Tetapi semua langkah telah diambil, semua langkah telah diambil dan kita hadapi dengan beberapa masalah di dalam kawasan tertentu. Saya nak mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan di semua PBT yang telah untuk satu tahun ini bekerja berterus dengan semua pihak di dalam kawasan tertentu, masuk kawasan-kawasan ADUN dan Pejabat ADUN juga.

Masalah-masalah yang kita ada kalau you nak katakan demam denggi dengan chikungunya kita akan ambil satu hari untuk bincang ataupun lebih satu hari untuk bincang. *It's a multi factorial dengan izin kita multi factorial focal deases* yang kita ada di dalam kawasan ini dan kita tidak boleh atasi masalah dengan senang-senang wajarnya sahaja. Dengan adakan dengan izin *climatic changes* di dalam kawasan kita ini jadi satu fenomena yang baru di mana meningkatkan denggi ini kita telah dimaklumkan oleh WHO pada bulan sepuluh tahun yang lepas. Di seluruh dunia kita akan nampak peningkatan denggi dalam bulan satu, dua, 2008 dan trend dia bukan saja untuk 2008, trend dia sudah meningkatnya denggi pada 2007, 2006, 2005 sampailah 1998 yang kita nampak kalau kita tengok dan baca fakta- fakta yang ada. So masalah ini kita telah mengatasi dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Negeri dan juga PBT-PBT yang kita ada. Kalau kita atasi masalah denggi dan chikugunya dalam negeri kita, saya minta pihak persekutuan yang telah adakan *stimulus packages* untuk 50 bilion, 60 bilion ringgit ini untuk turunkan separuh daripada *stimulus packages* itu kepada negeri untuk kita melaksanakan tugas kita. Tanggungjawab persekutuan bukan sahaja untuk Barisan Nasional, tanggungjawab persekutuan ialah untuk semua penduduk-penduduk di negeri Selangor yang bayar cukai pada selama-lama ini.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, boleh saya menyampuk.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Duduk-duduk. Ini yang you – you .....

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Jangan cakap pasal barisan. Ini kita sebagai wakil rakyat tanya soalan jawablah. Itu sahaja sebagai EXCO bertanggungjawab. Bukan main politik. Ini untuk kepentingan rakyat.

**TUAN SPEAKER :** Tenang, tenang, duduk, duduk. Yang Berhormat- Yang Berhormat jangan jauh sangat Yang Berhormat. Jangan jauh sangat.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Masalahnya ialah kita telah mengadakan beberapa program yang untuk mengatasi masalah ini, dan kita akan kerja bersama-sama dengan semua pihak di dalam negeri Selangor mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat yang sebelah itu jangan sampai pesanan Menteri, bila sampai pesanan menteri sudah di bawah Barisan Nasional, itulah kedua-dua pihak kena ikut peraturan. Kalau satu tak ikut mesti yang lain tak ikut. Ya saya minta jangan politikkan kat sini.

**YB TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SYARIKAT YANG DI BAWAH MB INC**

11. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:
- a) Berapakah bilangan syarikat yang terdapat di bawah MB Inc.
  - b) Adakah terdapat syarikat kewangan seperti MB Inc bawah Kerajaan Negeri Selangor?
  - c) Berapakah bilangan syarikat yang membuat keuntungan dan kerugian?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, mengenai Menteri Besar Diperbadankan, ataupun singkatnya MBI, ia ditubuhkan menurut enakmen No. 3 Tahun 1994. Tetapi ia tidak dioperasikan dan apabila saya melihat keadaan ini, iaitu MBI ini diserahkan dalam jagaan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), saya berpendapat kuasa MBI diserahkan dalam jagaan mutlak KDEB.

Oleh itu pada tahun lepas saya mengubahnya dan saya melakukan apa yang disebut penyusunan semula, dan saya memansuhkan kuasa yang diberikan oleh kerajaan negeri. Saya ingat sebelum Sungai Panjang lagi hal ini sudah berlaku dan saya sudah mansuhkan. Saya pergi ke mahkamah untuk memansuhkan kuasa tersebut dan selepas itu dipulihkan semula. Sekarang MBI- *Menteri Besar Selangor Incorporated* sudah dioperasikan dan walaupun ia memakan masa 5 bulan untuk menyelesaikan masalah itu, tetapi pada Disember dan Januari 2009 dia boleh dioperasikan sebagai satu entiti dan pada masa hadapan kita boleh melihat akaun dan laporan *MBI* sebagai entiti yang menjadi puncak bagi semua pelaburan Kerajaan Negeri. Sebagaimana kalau di peringkat Kerajaan Persekutuan ia disebut *Minister Of Finance Incorporated* ataupun Menteri Kewangan Diperbadankan.

Syarikat-Syarikat dalam MBI sekarang sebagaimana disenaraikan:

- i) Kumpulan Darul Ehsan Berhad;
- ii) Permodalan Negeri Selangor Berhad;
- iii) Selangor State Investment Centre Berhad;
- iv) Pendidikan Industri Yayasan Selangor Bhd;
- v) PKPS;
- vi) Bukit Beruntung Golf & Country Club Bhd;
- vii) Rangkaian Mesra Sdn Bhd;
- viii) Tourism Selangor Sdn, Bhd;

- ix) MSNS Holdings Sdn Bhd;
- x) Kumpulan Semesta Sdn Bhd;
- xi) Communication Corporation Sdn Bhd;

dan beberapa Syarikat hendak dikumpulkan dan terdapat satu kumpulan audit yang memantau perjalanan operasi syarikat-syarikat tersebut. MBI bukan sahaja sebagai *investment holding*, tetapi menurut enakmen, MBI mempunyai kuasa sebagai berikut:-

- i) Membuat kontak,
- ii) Memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menguasai jenis harta dan boleh mengurus niaga;
- iii) Memindahkan, menyerahkan, memberikan balik dan memulangkan, apa yang dikatakan beberapa usaha penyusunan semula yang boleh dilakukan oleh MBI.

Berdasarkan Penyata Kewangan yang belum diaudit 2008, enam syarikat yang sudah kita dapati laporannya.

- i) KDEB membuat keuntungan sebanyak RM 27,80,000.00
- ii) PNSB RM 19,200,000.00
- iii) SSIC RM 1,000,000.00
- iv) PIYSB RM 6,000,000.00
- v) MSNS – RM 246,000.00
- vi) KSSB RM 2,000,000.00

Angka-angka ini masih belum diaudit dan ia perlu dilaporkan sebagai laporan biasa untuk maklumat Dewan setiap kali laporan itu dikeluarkan. Terima kasih.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya, Teman Medan.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Taman Medan ingin tahu, sama ada terdapat pemerbadanan yang selain daripada MBI yang kedua, adakah? Syarikat-Syarikat yang mengalami kerugian yang dinyatakan itu sebelum ini telah menunjukkan trend kerugian, dan apakah tindakan kerajaan negeri terhadap anak-anak syarikat tersebut.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Buat masa ini, untuk mengemaskinikan perjalanan pentadbiran negeri kita bahagikan kepada dua bahagian, satu bahagian pengurusan dan pentadbiran negeri iaitu di bawah Menteri Besar dan Kerajaan Negeri sebagai pentadbiran dan pejabat awam, dan kemudian kita selalu akan dipanggil sebagai GLC . Semua GLC, *government incorporated investment* akan dimasukkan di bawah MBI

*Incorporated*. Jadi buat masa ini lagi 6 bulan dia akan dikemaskinikan dan semua saya bercadang untuk memasukkan semua pelaburan-pelaburan negeri di bawah jagaan MBI *Incorporated*, supaya kita dapat pantau dan kita kemaskinikan pengurusan dan operasi mereka.

Kedua, kita telah melihat ada juga syarikat-syarikat yang tidak beruntung seperti *Tourism Selangor* tetapi kita ubah suai tentang cara-cara pengurusannya supaya dia terdapat dua pengurusan, satu pengurusan untuk *business* lagi satu pengurusan sebagai satu usaha mempromosikan pelancongan di Negeri Selangor dan itu tidak boleh diambil kira sebagai *business*, jadi itu saya telah dan walau bagaimanapun tidak banyak syarikat tidak ada saya nampak syarikat rugi dan biasanya kalau syarikat itu dalam keadaan kerugian selama 3 tahun lembaga pengarah mestilah membuat keputusan sama ada untuk meneruskan operasinya atau menutup syarikat tersebut.

**YB TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. CHEAH WING YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PELABURAN ASING LANGSUNG (FDI) DAN PELABURAN TEMPATAN**

12. Ekoran krisis ekonomi global yang melanda Selangor jua, pelaburan asing langsung dan pelaburan tempatan nampaknya merosot.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Dianggarkan berapa nilainya kejatuhan tersebut?
- b) Apakah kesannya pada ekonomi Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil untuk menangani kesan-kesannya?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, memang krisis ekonomi global telah pun melanda seluruh Malaysia, juga seluruh dunia termasuk di Selangor, kalau kita lihat gambaran secara keseluruhan, pada suku penggal ke empat tahun lepas, kadar pertumbuhan KDNK negara kita adalah 0.1% berbanding dengan 6.3% dalam 9 bulan sebelumnya, satu kejatuhan yang begitu drastik dan kalau kita meneliti maklumat yang diberi oleh Y.A.B. Menteri Kewangan merangkap Timbalan Perdana Menteri pada dua hari yang lepas beliau menjangka kadar pertumbuhan Malaysia akan jatuh daripada 3% ke negatif 1% hingga 1% pada tahun ini.

Jadi kalau kita lihat, kejatuhan pertumbuhan KDNK Singapura adalah lagi teruk kerana mereka menjangka kejatuhan ekonomi mereka akan menjadi negatif 10% pada tahun ini, jadi bagi Selangor dalam tempoh 2 tahun yang lepas Negeri Selangor telah pun mencatatkan pelaburan yang amat memberangsangkan dengan jumlah pelaburan yang diperolehi melebihi 11 bilion ringgit, dalam sektor perindustrian dan juga pengeluaran dan pada tahun yang lepas kami mencatat 11.8 bilion ringgit dari segi pelaburan dalam sektor perindustrian dan pengeluaran ini adalah angka yang diberi oleh MIDA.

Walau bagaimanapun pelaburan ini dijangka akan mengalami penguncupan akibat kelembapan ekonomi global, jadi pada masa ini, kerajaan negeri mensasarkan pelaburan berjumlah 3 atau 4 bilion ringgit pada tahun ini, walau bagaimanapun anggaran ini akan dikaji dari masa ke semasa berasaskan keadaan ekonomi semasa.

Jadi dari segi, nilai kejatuhan yang kadar pertumbuhan ekonomi atau KDNK dijangka akan merosot akibat penguncupan ekonomi dalam sektor perindustrian disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran oleh sektor perindustrian terutamanya di sektor elektrik dan juga elektronik.

Mengenai soalan macam mana dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Selangor untuk menangani kesan penguncupan ekonomi ini, kita telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Tindakan Menangani Pemberhentian Pekerja. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat setiap minggu bagi mendapatkan maklum balas terkini tentang isu-isu pemberhentian pekerja di Negeri Selangor.

Dan kedua, kami juga telah membuka kaunter pendaftaran khas bagi mendaftar pekerja yang hentikan pada setiap hari Sabtu di 8 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Zakat Selangor bagi mengenal pasti bentuk bantuan menerusi program yang sedia ada yang boleh diberikan sama ada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan juga lain.

Selain itu, kerajaan Selangor telah pun membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan.

Kerajaan Selangor juga telah pun membangunkan *Selangor Career Exchange* bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan;

Kerajaan Selangor juga telah menawarkan bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di Negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ini juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan;

Selain itu Kerajaan juga telah pun menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklum balas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di Negeri Selangor.

Kita juga melalui SSIC Berhad, kami juga mengadakan beberapa program dialog di antara pihak EXCO Kerajaan Negeri dengan industri untuk mendapat maklum balas berkenaan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri serta mencari penyelesaian terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan.

**TUAN SPEAKER:** Masa pertanyaan sudah tamat.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Sambungan usul menyembang ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### III. USUL

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk meneruskan perbahasan saya mempersilakan Yang Berhormat Teratai untuk menyambung tapi saya hanya membenarkan lima minit dan selepas itu saya hanya membenarkan dua puluh minit untuk setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap memandangkan ramai lagi yang hendak berucap. Dan apabila saya memukul tukul kayu untuk kali pertama bererti ada dua minit lagi untuk menggulung. Bila saya memukul tukul kayu buat kali yang kedua bererti tamat masa. Dipersilakan Yang Berhormat Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan saya menyambungkan ucapan saya untuk menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Ini *point* yang akhir ialah pengambilan air di Negeri Selangor. Air merupakan hadiah dari Tuhan. Dan setiap rakyat menikmati air dengan harga yang berpatutan. Namun sekarang ia telah diperalatkan oleh segolongan kecil untuk mengaut keuntungan yang dijamin dan lumayan. Sudah lima belas tahun pengurusan air di swasta ataupun *dicorporatize* atau di atas nama apa-apa. Takrif air sekarang sudah mencapai satu tahap yang mana golongan miskin tidak sukar menanggung kosnya dan Kerajaan Pakatan Rakyat yang begitu prihatin dengan memberi air yang percuma dan sekarang juga berusaha gigih supaya mengambil alih syarikat-syarikat pengurusan air untuk membekalkan air dengan harga rendah kepada rakyat. Dan baru-baru sahaja Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga berjanji kalau satu hari Negeri Selangor mengambil alih air, kita akan menurunkan harga air dan memberikan air yang begitu bersih dan jernih kepada semua rakyat di Negeri Selangor. Tetapi pada masa ini kita juga mengalami halangan dalam proses pengambilan air ini. Rintangan ini bukan sahaja dari syarikat swasta yang sudah dapat konsesi lima belas tahun tambahan pula dengan campur tangan dari Kerajaan Pusat. Kalau Kerajaan Pusat memang bekerja berusaha untuk rakyat, kita amat terima dengan hati yang terbuka tetapi nampaknya bukan. Mereka *bypass* dengan izin Kerajaan Negeri dan terus runding dengan syarikat-syarikat konsesi. Sedangkan kita berusaha gigih memastikan rakyat menikmati sumber-sumber alam semula jadi dengan kos yang minima. Nampaknya Kerajaan Pusat tidak senang hati dengan dasar-dasar yang pro-rakyat yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri. Bukankah itu kewajipan kita sebagai Wakil Rakyat adalah berkhidmat untuk rakyat. Kalau kita cuba membenteng satu dasar adalah membawa manfaat kepada rakyat mengapa konsortium-konsortium terbabit enggan bekerjasama dan menggalakkannya? Jelasnya Kerajaan pusat mempunyai kepentingan sendiri di sebalik.

Walau bagaimanapun saya akan menyokong sepenuhnya projek pengambilan air syarikat-syarikat pengurusan air kerana air merupakan sumber asas kepada setiap insan. Justeru itu ia haruslah diurus oleh Kerajaan dan bukan syarikat swasta kerana syarikat swasta objektifnya ialah mengaut keuntungan semata-mata. Dan matlamat

Kerajaan Pakatan Rakyat adalah menjamin kebajikan rakyat. Kini mungkin sini ada ramai ADUN-ADUN tak faham mengapa saya kritik sangat dengan Kerajaan sebab saya tahu kita ada kelebihan dan juga ada kelemahan. Kita sekarang ADUN-ADUN di sini, Kerajaan di sini bukan sahaja, bukan menyambungkan kebudayaan politik yang dahulu. Kita sekarang di sini mencapai satu politik yang baru bukan untuk Negeri Selangor sahaja tetapi menunjukkan kepada seluruh negara. Kita sekarang mengamalkan sikap berdemokrasi di Dewan yang mulia ini. Jadi setiap perbincangan ini haruslah kita ada isu-isu yang kukuh dan kita juga tidak mengamalkan sikap rundingan dan juga kritik dan juga kita menerima apa-apa cadangan yang bagus. Tak sama dengan dulu yang mana Barisan Nasional semua ahli-ahli hanya menghadap kepada Sungai Panjang sahaja. Sekarang kita menghadap kepada Sultan dan juga berkhidmat untuk rakyat dengan sekuat-kuat yang kita boleh. Genaplah satu tahun Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan. Dasar-dasar yang baik hendaklah kita teruskan. Namun kalau ada masalah atau kesilapan perlulah kita membetulkan dengan segera. Kita perlu melapangkan dada menerima kritik termasuk kritik dari pembangkang dan pujianlah kalau ada. Walaupun saya seorang ahli penyokong Kerajaan, saya juga bertanggungjawab kepada kebajikan dan penduduk-penduduk di kawasan saya. Kita Pakatan Rakyat di sini mengutamakan prinsip tanggungjawab dan pentadbiran bersama dan bukan seperti Barisan Nasional yang mana sekelompok kecil dari UMNO boleh membuat keputusan. Ahli politik dari Kumpulan BN suka tak suka hanya dua jawapan, ia dan betul. Dan itulah ucapan saya hari ini dan sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi ruang untuk sama-sama membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kita harus bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang berjiwa rakyat serta sentiasa peka akan hal ehwal yang berlaku di Negeri Selangor ini. Maka Tuanku juga sangat mengambil berat tentang masalah-masalah yang sedang berlaku hinggan titah Baginda merangkumi hal ehwal pentadbiran, agama, sosial, ekonomi dan lain-lain dan juga Tuanku berharap agar segala perancangan yang direncanakan akan dimakbulkan. Namun demikian, kerjasama di antara rakyat dan pemimpin, begitu juga pemimpin dengan pemimpin yang lain harus diutamakan.

Tuan Speaker, di sidang Dewan Rakyat dua hari yang lepas lebih kurang Timbalan Perdana Menteri telah membentangkan bajet rangsangan bajet yang kedua yang bernilai RM60 bilion. Bajet RM60 bilion ini adalah peruntukan pakej yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun ini iaitu 2009 dan 2010. bagi merangsang ataupun kegiatan ekonomi bagi mengelak Negara daripada terjejas teruk oleh krisis ekonomi yang berlarutan yang tidak baik dalam disifatkan teruk dalam tempoh tujuh puluh tahun ini. Maka Timbalan Perdana Menteri juga telah mengajak semua pihak sama ada di pihak Kerajaan, pihak pembangkang duduk sama-sama memikirkan dan mencadangkan cara dan formula untuk menyelesaikan masalah dan membantu rakyat keseluruhannya. Pakej rangsangan ini juga sudah pasti akan dinikmati oleh Kerajaan Negeri Selangor ataupun rakyat di Negeri Selangor. Apatah lagi seperti titah Tuanku bahawa Negeri Selangor ini adalah sebuah negeri yang dah termaju dan sudah pasti segala kemelesetan dan ekonomi ketika ini amat dirasai oleh rakyat di Negeri Selangor. Maka apa yang mengecewakan adalah apabila bajet tersebut dibentangkan dan dibahaskan, satu demi satu Ahli Parlimen pembangkang telah keluar Dewan hinggan

meninggal ketua pembangkang keseorangan. Maka adakah bajet rangsangan ini hanya untuk tertentu sahaja ataupun..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang kita berada di Dewan Undangan Negeri di Selangor.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Tahu, tapi saya hendak beritahu..

**TUAN SPEAKER:** Yang berlaku di Parlimen itu tidak berkenaan, ia kalau mesej dalam mini bajet tapi kalau dah keadaan dalam Dewan Parlimen itu tidak berkenaan ya.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Ok maka dengan itu

**TUAN SPEAKER:** Saya minta balik pada Dewan Undangan Negeri ya. Kalau hendak pergi Parlimen penggal lain.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya mencadangkan supaya kita RM60 bilion ini kita ambil sama rata. Di Selangor ini seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua supaya kita tidak ketinggalan. Di Negeri Selangor kita hendak beritahu kalau Subanglah contohnya Parlimen Subang, saya ada dua klinik. Satu di DUN satu di peringkat Parlimen di mana kalau kita lihat lebih kurang lima puluh peratus masalah yang timbul adalah masalah tidak bekerja, kemiskinan, ibu tunggal dan tidak mampu membiayai rumah dan juga anak-anak persekolahan. Maka tentulah bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini yang kita boleh dapat sedikit sebanyak peruntukan pakej-pakej tersebut. Itu yang saya ingin maksudkan. Maka tentulah perkara-perkara lain yang terjadi contohnya jalan yang tidak dapat kita urus dengan baik, berlubang sana sini, SMS yang kita terima hari-hari. Ini berlaku kepada semua. Maka apa yang kita hendakkan adalah kalau boleh kita bincang, bahas di sini apa yang patut kita buat termasuklah tadi pengurusan air yang kita hendak lakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Bajet-bajet yang tertentu itu tentulah datang daripada bajet rangsangan yang telah dibuat pada hari tersebut. Maka kita kadar kemiskinan di Negeri Selangor ini kian bertambah. Klinik rakyat dan sebagainya telah kita buat. Maka apa yang kita hendak bincangkan di sini adalah supaya kita dapat selesaikan masalah rakyat tersebut.

Perkara kedua, kita telah dimaklumkan dan telah mengetahui bahawa baru-baru ini telah diadakan pemilihan jawatankuasa di peringkat masjid-masjid. Ia berlaku seperti satu pemilihan atau pilihan raya yang telah dibuat di setiap masjid termasuklah di Paya Jaras ini. Namun demikian, di Paya Jaras tidak mempunyai masalah, Alhamdulillah. Yang menang yang kalah pun bersama saya, saya dulu pernah bawa mereka ke Langkawi, Terengganu, Melaka, mengadakan program-program ilmiah di mana kalau kita rasakan di sini tidak pernah berlaku. Tapi apa yang telah disyaratkan oleh pihak-pihak tertentu JAIS dan sebagainya, saya ingin menyarankan di sini bahawa ada sedikit pergeseran di kampung-kampung, di tempat-tempat, di taman dan sebagainya oleh kerana sedikit masalah pemilihan pada hari itu. Namun demikian, kita Wakil Rakyat semua Yang Berhormat – Yang Berhormat patut cuba menyelesaikan masalah ini. Maka dengan itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Gombak Setia. Telah yang, seperti yang disyaratkan sebelum ini tidak mungkin seorang yang memegang jawatan dalam parti, apa-apa parti memegang jawatan-jawatan tertentu termasuklah Nazir. Saya ingin memaklumkan di sini ada seorang yang memegang jawatan iaitu Ketua Bahagian Parti



Keadilan Rakyat di Sabak memegang jawatan Nazir yang telah dipilih di Masjid Al-Faizin, Desa Jaya. Maka saya mengharapkan supaya masjid ini tidak dipolitikkan tentulah harapan saya selaku Wakil Rakyat di kawasan yang berhampiran mengharapkan bahawa perkara-perkara sebegini tidak akan berlaku. Ini harapan kita supaya masyarakat lebih menilai bahawa masjid ini adalah tempat kita beriktikaf dan juga melaksanakan tanggungjawab kita terhadap Agama Islam.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah, Tuan Pengerusi?

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Silakan.

**TUAN SPEAKER :** Ia, bagaimana Bangi hendak celah? Ia, sila.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak bertanya Paya Jaras, apakah cara pemilihan jawatankuasa masjid yang dijalankan di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat iaitu dengan secara pemilihan oleh rakyat ini lebih baik daripada cara pelantikan yang dilakukan pada zaman pemerintahan UMNO dan BN sebelumnya?

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya berpendapat begini. Sebab masjid, kita tahu masjid rumah ibadat. Apa-apa sahaja agama yang kita anuti adalah satu tempat kita beramal, ibadat dan kita lupakan segala-galanya dari segi fahaman yang tertentu. Maka tentulah dulu apabila masjid, pemilihan dalam masjid kita atur dengan baik. Kalau di tempat saya, saya tidak ikut apa pun fahaman. Boleh tanyalah. Saya terima apa sahaja dan saya tidak ubah dari dulu lagi. Yang pastinya adalah kita selaku umat kalau umat Islam kena bersatu kalau agama lain bangsa lain pun dia pun kena ada sama juga matlamatnya bagi yang baru-baru ini oleh kerana ada pertandingan begitu ramai sekali yang saya nampak maka ada sedikitlah perselisihan pendapat ada sedikit tapi kita kena perbaikilah.....

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras, Sejangkang, nak minta laluan ke? Sejangkang, ya .....sila.....

**YB TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Paya Jaras, saya ingin bertanyakan sama ada adakah Paya Jaras sedar bahawa peraturan pemilihan yang kita lakukan sekarang ini adalah termaktub dalam enakmen macam Agama Islam di Negeri Selangor dan ini telah kita praktikkan dengan baik, kalau kita bandingkan dengan cara pemilihan oleh kerajaan sebelum ini.

**YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya tidak menafikan cara pemilihan itu cuma apa yang saya sarankan kepada semua supaya kita balik dan memikirkan bagaimana kita hendak merapatkan balik perhubungan ini dan supaya ia tidak berlarutan seterusnya. Baru-baru ini kita adakan majlis Maulidur Rasul saya tak rasa janggalah tapi ada kawasan-kawasan yang rasa janggal sekali dengan keadaan yang baru-baru berlaku beberapa bulan yang lepas Cuma itulah saranan saya bukan mengatakan pemilihan itu tidak baik dulu, hari ini dan sebagainya bagaimana pula kita merapatkan balik ukhuwah kita, itu saja. Tuan Speaker, saya ingin menyarankan di sini kebiasaannya kita digemparkan masalah-masalah runtuh hakisan tanah apabila hari hujan khasnya di Bukit Antarabangsa dan juga Bukit Gasing contohnya, ini tidak terlepas ujian tersebut di tempat-tempat yang lain yang mempunyai bukit . Ini sama ada sedar

tidak sedar di kawasan-kawasan yang lain sama ada pemaju-pemaju ataupun pengusaha-pengusaha haram yang kita patut errrr ...mengetahui perkara ini termasuklah sebuah bukit di Paya Jaras, Bukit Lagong namanya ia kata orang kepalanya nun di dekat Pegawai Daerah er Pejabat Daerah Gombak, hujungnyanya di Paya Jaras. Maka saya ingin nyatakan di sini bahawa saya ada beberapa pengusaha Kuari yang telah dijalankan semenjak dulu lagi. Dan apabila saya menjadi Wakil Rakyat tahun 2004 saya telah memanggil semua pengusaha-pengusaha ini termasuk Yang Berhormat Kuang ketika itu berdialog dengan pemimpin, berdialog dengan rakyat berdialog dengan semua lapisan masyarakat, bagaimana kalau boleh menyelesaikan masalah ini termasuklah anggota-anggota pegawai daripada Pejabat Kerajaan Negeri Selangor dan apa yang kita lihat banyak insiden atau tragedi-tragedi yang terjadi termasuklah runtuhannya yang tidak dapat kita kawal. Begitu juga termasuklah ada yang maut sebabkan dilanggar lori ada yang tempang capik pun ada dilanggar lori ada juga jalan-jalan yang rosak di baik pulih oleh Majlis Perbandaran Selayang dan juga yang paling kecil pun batu jatuh atas kepala. Maka tentulah yang berkepentingan terhadap ini agak begitu kata orang rakus bagaimana mereka dapat meneruskan program-program ataupun menjalankan pengusaha kuari. Maka berbagai cara yang telah dibuat termasuklah baru-baru ini ahli Parlimen Subang sendiri yang telah bersama-sama berdialog dengan masyarakat di sana. Apa yang ingin saya nyatakan di sini sebelum pilihan raya 2008 tahun 2007 kita bersama Yang Berhormat EXCO Infra ketika itu melawat kawasan bersama saya dan telah kita cadangkan satu laluan khas terus kepada *Guthrie Highway* kalau tak silap saya dan saya harap mungkin pihak Jabatan Kerja Raya bersama pada hari itu sama-sama telah membuat kertas Kerja. Bagaimana kita menyelesaikan masalah itu adalah masalah rakyat juga. Dan pada hari ini dalam masa dua tiga hari ini kemungkinan ada juga piket, demonstrasi dan sebagainya yang akan berlaku di sana atas... err masalah-masalah yang begitu teruk. Maka apa yang saya ingin nyatakan di sini adalah dapat sekiranya kerajaan negeri ataupun pihak-pihak yang berwajib mengambil tindakan. Dahulu kita cuba sekat masa, buat syarat-syarat tertentu mengenakan kompaun, tetapi hari ini hingga lewat malam beratus-ratus lori masih berjalan di Jalan di matang Pagar tersebut.

Maka.... maka dengan itu dengan saya mengharapkan tindakan yang lebih tegas dan keras terhadap perkara ini. Tuan Speaker, saya ingin memaklumkan bahawa kalau kita cerita pasal bukit ni kita akan berada di dua buah bukit, Bukit Selambau dan Bukit Gantang. Dan mintak Bukit Antarabangsa taklah kot, Bukit .....aaahh...Bukit Gasing....kita ada banyak bukit dan satu lagi ke Batang Ai. Saya juga tidak terlepas, tempat saya ada sebuah bukit, Bukit Lanjan namanya. Dan ketika ini saya tak nak membicarakan pasal Bukit Lanjan, cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa selaku menerajui kepimpinan tidak kira apa kepimpinan yang kita pegang sama ada kepimpinan di rumah, di pejabat, masjid, surau, berhala, sekolah termasuklah pemimpin-pemimpin seperti kita ini. Seharusnya kita memikirkan apa yang kita nyatakan di sini adalah sekiranya kita nak merakyatkan ekonomi negeri Selangor serta menjadi tauladan kepada semua tentulah harapan kita sama ada daripada Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat kita kena berganding bahu. Namun demikian, insiden-insiden yang berlaku dari masa ke semasa seperti yang berlaku di tempat negeri-negeri yang lain kita mungkin juga mungkin berlaku di negeri-negeri yang lain seperti Selangor dan sebagainya. Namun apa yang ingin saya jelaskan banyak perkara-perkara fatwa-fatwa dari segi agama telah dikeluarkan. Kalau di Kuala Terengganu, saya ingin nyatakan isu yang paling kuat dimainkan adalah Hukum Hudud. Masa itu, saya tidak tahulah sebab saya cetek dalam hal agama. Mungkin saya belum lagi sampai satu tahap yang boleh kata orang ni emmm.....membahas menceritakan hal-hal tertentu. Tetapi apa yang

saya ingin nyatakan di sini ada setengah-setengah pemimpin kadang-kadang dulu mengatakan pihak UMNO ini kalau yang haram dihalalkan, kalau halal diharamkan. Saya tidak juga ingin menarik perhatian seperti yang terjadi di kawasan saya bila isu itu timbul bahawa ada yang mengatakan bahawa kalau telanjang pun tidak ada masalah. Kalau dalam bilik. Saya nak tanya sikitlah, kalau orang-orang Islam di sini, hukum kalau nak mandi pun kita kena tutup semua, nak berjimak pun kita tahu apa kita buat, kalau ikut hukum betul, tetapi kalau kita mainkan sentimen-sentimen yang tersekat-sekat maka rakan-rakan kita yang bukan beragama Islam berpendapat yang berbeza-beza dan akhirnya tercemar juga agama kita. Maka saya ingin menyarankan di sini kalau kita ingin berpolitik kita cakap politik. Tapi kalau kita nak cakap bab agama kita cerita pasal bab agama, yang lebih baik lagi daripada itu. Maka marilah sama-sama, tuan-tuan, Yang Berhormat-yang Berhormat sekalian bahawa bukan senang untuk menyatakan sesuatu. Bukan senang kita untuk menyatakan sesuatu itu kepada rakyat bahawa kita ni adalah seorang pemimpin yang sah, soleh.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker, minta laluan

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan Seri Setia.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Eerr.....saya ingin mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat Paya Jaras sebentar tadi dan saya berharap beliau menunjukkan sikap yang sama apabila ada pemimpin Melayu Islam daripada UMNO pun terlibat dalam perkara-perkara yang tidak mencerminkan akhlak sebagai orang Islam. Terima kasih.

**YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya tidak mengatakan sesiapa. Tetapi ia patut dikenal pasti. Maka dengan itulah saya amat yakin dan percaya bahawa negeri Selangor ini yang diterajui oleh Pakatan Rakyat yang disarankan oleh Tuanku dua hari yang lepas supaya menjaga moral dan sebagainya maka tentu pastilah kita juga mencerminkan bahawa pemimpin di Negeri Selangor ini mestilah yang mempunyai bukan saja kualiti yang tertentu namun di atas kepimpinannya juga mestilah begitu dipandang bersih dan sebagainya. Maka saya mendoakan... errr.....Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya dipanjangkan umur dan dapat bersama dengan rakyat setiap masa dan Insya-Allah kita jalinlah usaha yang begitu baik ini demi kepentingan rakyat negeri Selangor dan harapan kita bersama dengan Tuanku supaya beliau juga... Tuanku juga akan dapat , err....terus melihat perkara-perkara yang penting dan menasihati semua rakyat supaya kita dapat err.....memastikan bahawa Selangor ini merasai kegemilangan dari masa ke semasa . Sekian, *Assalamualaikum waramahtullahi wabarakatuh.....*

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Tuan Speaker.....

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Tuan Speaker, terima kasihlah Tuan Speaker kerana memberi peluang menyertai perbahasan-perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terlebih dahulu Damansara Utama hendak kembali ke perbahasan kelmarin di antara Sg. Panjang dan Sekinchan dan Kampung Tunku. Disindir bahawa Kampung Tunku mungkin berusia muda sangat dan tidak memahami konsep filosofi Sekolah Kebangsaan. Maka Damansara Utama yang berumur lebih 50 tahun lebih mungkin

berkelayakan iaitu dari segi Sungai Panjang. Sungguhpun filosofi Sekolah Kebangsaan adalah baik tetapi itu adalah gelaran saja. Pada hakikatnya banyak Sekolah Kebangsaan, pengurusannya sekarang sudah bercorak seolah-olah kurang kebangsaan. Tak payahlah menjelaskan lanjut. Lagipun di banyak Sekolah Kebangsaan bukan bertaraf Kebangsaan lagi. Sehingga ramai ibu bapa tiada yakin kepada sekolah-sekolah, sehingga ramai yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah aliran lain sama ada Sekolah Cina, Sekolah Tamil, Sekolah Agama. Dianggarkan lebih daripada 50 juta anak-anak bangsa Melayu yang belajar di Sekolah Cina. Sungai Panjang mesti turun padang barulah memahami keadaan yang sebenarnya. Jikalau tidak akan berterusan terperangkap dalam zon alam tak fahaman semacam penggal pertama tahun lalu. Kasihan... Dalam perbincangan kelmarin juga menyentuhi politik di negeri Perak. Sungai Panjang berkata ada yang mengatakan Melayu sudah rampas kuasa daripada Cina. Tak tau mana Sungai Panjang dengar itu. Itu berbau kata-kata perkauman yang niat jahat. Siapa yang mengatakannya? Besar kemungkinan dari golongan UMNO. Kenyataan yang tepat ialah Barisan Nasional sudah merampas kuasa daripada rakyat. Barulah kita dapat memahami kedudukan di Perak. Damansara Utama menarik perhatian kepada titah Tuanku dan titah Baginda Raja Perlis. Di muka surat 73, Tuanku mengatakan.. mengarahkan semua pihak memupuk perpaduan yang erat di kalangan semua kaum. Sikap hormat-menghormati di antara kaum di Negara ini perlu sentiasa diamalkan bersama bagi menjamin perpaduan yang erat di kalangan masyarakat dan melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Saya ulangi, melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Damansara Utama meminta kebenaran membaca daripada Utusan Malaysia juga, muka surat 3, 6hb. Mac, pernyataan pelbagai pihak yang mengungkit isu ketuanan dan keistimewaan sesuatu kaum. Hak beragama dan kemuliaan Raja-raja memerlukan pendekatan yang bebas daripada emosi, penghuraian berdasarkan fakta dan keterbukaan berlandaskan realiti. Dan di akhbar News Straits Time terdapat gambaran yang lebih jelas dengan izin *The Raja of Perlis, Tuanku Said Sirajuddin Putera Said Jamalullai yesterday took to task House to propounding the ketuanan Melayu (Malay supremacy) policy, accusing them of using narrow minded ways to achieve personal objective Baginda said, every Malaysian irrespective of age, gender, social status or religion enjoy equal right. The ruler says some Malaysians were making a big issue of the ketuanan Melayu issue and asking the supremacy or right be given only to a particular race. It's unfortunate to see those self interested parties raising sensitive issue which who could damper the spirits of hope some millions of people. In Malaysia every race is tuan.*

Tuan Speaker, sekarang negara kita sesama dengan dunia sudah memasuki satu zaman yang amat kluatir, ekonomi yang sedang melembap. Sentimen pengguna dan peniaga amat penting di sesuatu negara. Laporan penyelidikan *Delortte* Malaysia daripada kaji selidik baru-baru ini yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia sungguh menggerunkan walaupun bukan menghairankan. Ia menunjukkan bahawa indeks persekitaran perniagaan, *business sentiment* terjun sebanyak 45.8 mata dalam suku keempat 2008 berbanding dengan suku yang sebelumnya. Dan juga indeks sentimen pengguna juga turun 17.5 mata dalam masa itu juga. Sektor industri kita yang menyumbang 40% daripada kepada keluaran dalam negara kasar juga jatuh sebanyak 7.7%. Ini adalah sangat membimbangkan.

Tuan Speaker, biarlah Damansara Utama meluahkan keluhannya tentang bakal masalah yang akan datang. Sungguhpun amalan tabiat menabung di atas termasuk di Asia, termasuk Malaysia masih tinggi berbanding dengan Amerika Syarikat namun begitu matlamat terperinci ialah menggerunkan. Damansara Utama sangat bimbang

atas kedudukan rakyat khususnya di Selangor. Masalah pemberhentian pekerja yang bertambah dan tidak boleh dinafikan lagi. Satu kaji selidik yang dibuat oleh *Citibank* suku akhir tahun 2008 menimbulkan statistik-statistik yang amat dikhuatiri sekalian. Jikalau dapat disimpulkan kaji selidik ini mendapati secara purata simpanan rizab respondennya hanya mampu bertahan untuk tempoh masa 11 minggu sahaja. Hanya 39% iaitu dua daripada 5 responden mempunyai tabiat menabung secara konsisten. Yang bimbang sangat ialah 21% membayangkan simpanan mereka dapat bertahan 4 minggu sahaja.

Tuan Speaker, janganlah kita berharap-harap sangat kepada negara lain termasuk Negara Cina atau India kerana keadaan mereka pun menghadapi cabaran bersendirian. Kelmarin di tayangkan di *Bloomberg News* negara Cina menghadapi penguncupan eksport di bulan Mac -15%, di bulan Februari -25%, statistik import mereka pun amat pudar. Bulan Januari -43% dan bulan Februari -24%.

Tuan Speaker, oleh kerana iklim ekonomi yang pudar ini, Damansara Utama mengalu-alukan usaha seperti *Selangor Retrenchment Help Line, Job fair dan Job clinic* dengan izin yang dilancarkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

Tuan Speaker, cara memutarbelitkan malang yang dihadapi oleh penganggur-penganggur hanyalah melalui penciptaan peluang-peluang aktiviti ekonomi. Ini akan terjadi jikalau kita memupuk, menggalakkan serta mencari pengusaha melabur di negeri Selangor dan tugas ini bukan senang sedangkan iklim lembap di global dan di Asia Tetapi kita tidak ada cara lain. Oleh sebab itu, Damansara Utama mengalu-alukan inisiatif Kerajaan Selangor melancarkan Rangsang Baru Pakej Ekonomi untuk negeri Selangor. Inisiatif Kerajaan Pusat, Damansara Utama pun menyambut dengan baik. Rancangan fiskal kedua-dua langkah ini berpatutan dan munasabah. Apa yang patut disebutkan ialah pelaksanaannya dan proses pemantauan dan penyelenggaraan aktiviti-aktiviti supaya ini cukup berkesan dan mengelakkan tirisian dan kebocoran.

Tuan Speaker, Damansara Utama hendak menyentuh tentang peranan ADUN-ADUN di tugas tersebut. Semestinya semua ADUN patut menggalas tanggungjawab ini bersama-sama dengan jentera Kerajaan.

Tuan Speaker, percanggahan pendapat di fikiran politik patutlah diketepikan buat sementara kerana menghadapi ribut taufan kemelut ekonomi yang di depan negeri kita. Sekalian ADUN mestilah merentasi perbezaan politik dan menangani cabaran ekonomi tersebut demi kepentingan rakyat khususnya di negeri Selangor. Damansara Utama, menyeru kepada sekalian ADUN-ADUN daripada rakan pembangkang termasuk juga rakan-rakan di sebelah ini supaya menjadi lebih proaktif, pro *development* dengan izin sedikit dalam suasana kita mesti menggalakkan segala pengusahaan yang tulen yang akan memanfaatkan ekonomi tempatan. Tentulah ada sedikit masalah di setiap pelan perniagaan permohonan tetapi cuba lah selesaikan dan mengatasi kekangannya.

Tuan Speaker, Damansara Utama hendak membuat seruan di beberapa peringkat. Seruan kepada Menteri Besar, Damansara Utama bergema sama dengan Bukit Antarabangsa dengan peranan, pesanan supaya bagi tanah perumahan pemilikan tanah terhad digubal ke pemilikan kekal. Pada tanah industri dan komersial usaha memanjangkan tempoh masa tersebut patut disenangkan. Langkah ini sebagai dinyatakan oleh Bukit Antarabangsa akan memberi pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan kutipan cukai tanah melalui pemilikan tanah terhad. Lagi pun harga

tanah akan meningkat. Lagi pun harga tanah kekal akan melambung dan pemilik tanah akan berkeyakinan untuk mengubah, melabur mengubahsuaikan rumah mereka mengakibatkan kegiatan ekonomi. Seruan kepada PBT khususnya kepada Datuk Bandar, YDP dan Ahli Majlis PBT selain daripada menolong si malang seperti Ibu Tunggal, OKU dan sebagainya tekanan sewajarnya patut diberikan kepada pengusaha dan pemaju yang tulen dalam iklim ekonomi sekarang. Seruan kepada penduduk-penduduk, RA dan RT masa sudah sampaikah tahap seolah-olah darurat ekonomi. Pihak penduduk-penduduk RT mestilah mengambil kira kedudukan seluruhnya bukan sahaja kepentingan diri sendiri tanpa pembangunan pengusaha tidak akan tanpa pembangunan dan pengusaha tidak akan ada peluang aktiviti ekonomi. Lama kelamaan akan timbul pemberhentian pekerja di kalangan mereka dan anak-anak mereka dan ekornya timbullah kesan sosial yang berlarutan. Kita mesti tahu tiada siapa yang suka mengagihkan kemiskinan hanya agihkan kekayaan. Jikalau setiap orang mengatakan tidak mahu pembangunan dekat rumahnya maka ke mana ada pembangunan langsung. Siapa pengusaha dan pemaju yang akan melabur di Lubuk Hantu atau *Timbuktu*. Namun begitu, Damansara Utama berjanji akan adil seimbang dengan pihak penduduk dan pemaju. Janganlah kerana sedikit lagi ke penuh sesakan trafik di bantah langsung projek-projek pembangunan. Di pertengahan DUN Damansara Utama, mengalir lebuhraya Damansara Perdana, LDP yang selalu penuh sesak. Damansara Utama, setiap hari menggunakan LDP sekurang-kurangnya dua kali sehari. Janganlah kerana alasan sumbangan trafik lebih kereta, permohonan pembangunan di tolak langsung. Kita tahu masalah trafik tetapi ianya masalah lama warisan pembuat dan pelaksana dasar Barisan Nasional yang lalu. Kerajaan Pakatan Rakyat sudah mengiktiraf masalah ini dan berazam membetulkannya dengan pelan meluaskan sistem pengangkutan bagi seluruh Selangor. Salah satu daripada lima serampang untuk mencipta pemangkin pembangunan ekonomi Selangor. Langkah ini, mesti dilaksanakan serentak dengan aktiviti ekonomi pembangunan. Tidak boleh batalkan salah satu, sabarlah sedikit, tahanlah sedikit ketidakselesaan demi ekonomi keseluruhannya. Kepada pengusaha dan pemaju satu amaran mesti diberikan. Masa yang melampau zaman dahulu sudah lepas tidak akan diulangi lagi janganlah tamak sangat sehingga ke Syarikat Talam. Kerajaan Pakatan Rakyat tidak akan membiarkannya itu.

Saya mengakhiri ini dengan harapan, Tuanku akan lanjutkan usianya selama-lamanya itu. Sekian, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Bukit Melawati.

**YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY:** Tuan Speaker, kerana memberi peluang mengambil bahagian dalam titah ucapan Tuanku. Dalam titah ucapan Tuanku, Tuanku amat serius mahukan Kerajaan Negeri meneruskan bantuan kepada golongan petani, penternak dan nelayan miskin. Tuanku juga amat gembira dengan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menangani peminggiran masyarakat pekerja ladang. Anak-anak pekerja ladang di seluruh Negeri Selangor sering ketinggalan dan diabaikan pelajarannya. Program tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang dan program membina asrama penempatan anak-anak ini, adalah tindakan yang terus akan mengatasi masalah ini. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO Negeri. Kerajaan Negeri juga mesti ambil tindakan untuk memperoleh kawasan tanah bagi kebanyakan Sekolah Tamil yang sekarang dimiliki oleh ladang-ladang swasta dan jika perlu membeli kawasan-kawasan tanah ini dengan harga yang munasabah. Di DUN Bukit Malawati ada enam (6) buah Sekolah Tamil, kawasan tanah lima (5) daripada enam (6) ini adalah hak milik 'estet'. Saya telah

menjalankan kerja-kerja ukur dan pelan-pelan ukur tanah telah pun disediakan. Hasil kajian sedang dijalankan. Dalam dua (2) minggu lagi saya akan menyerahkan laporan pelan ukur dan cadangan saya untuk sekolah-sekolah ini kepada Pejabat Menteri Besar. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengambil tindakan yang sewajarnya. Kawasan tanah sekolah yang telah digazet akan menjadi sekolah bantuan penuh dan akan jatuh di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan. Lepas itu Kerajaan Negeri boleh membantu sekolah-sekolah ini mengikut keperluan mereka masing-masing.

Tuan Speaker, Tuanku telah memberitahu bahawa pengiktirafan hak semua warga Selangor merupakan prinsip asas kerajaan Negeri. Dengan itu, Tuanku menekankan perlu mengiktiraf dan memelihara tanah orang asli yang telah dirampas dari mereka.

Tuan Speaker, hak milik atas sungai atau anak sungai dan rizabnya yang diberi oleh kerajaan lama kepada pihak-pihak tertentu di kawasan Assam Jawa di Bukit Malawati, dipandangkan dari segi yang sama juga. Hak milik ini mesti ditarik balik. Kerajaan mesti bertindak untuk menukar syarat dalam kod tanah supaya semua sungai dan rizabnya di gazet kan. Dengan arahan daripada Pejabat Menteri Besar, Pejabat Daerah sedang berusaha untuk menarik balik kawasan sungai dan rizabnya daripada mereka yang diberi hak milik kawasan tersebut di Asam Jawa. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kepada Pegawai Daerah Kuala Selangor. Senario di kawasan Asam Jawa amat mengecewakan selama 18 tahun anak sungai ditutup. Akibatnya penghidupan seribu nelayan telah terjejas. Harapan saya adalah pihak kerajaan mendapat rizab tanah yang cukup untuk rizab sungai, jeti, gerai-gerai perniagaan hasil laut, untuk membina kampung tersusun nelayan supaya kehidupan nelayan dapat ditingkatkan. Selain daripada itu, saya menyeru agar kerajaan Negeri berusaha memulihkan ekosistem yang telah dimusnahkan oleh penternak udang di kawasan Assam Jawa ini.

Tuan Speaker, Tuanku dalam ucapan telah menekankan bahawa keharmonian dan perasaan muhibah perlu terus diperkukuhkan dalam kalangan penduduk Negeri Selangor dengan menerapkan semangat hormat-menghormati dan kerjasama antara kaum. Lima Puluh Satu (51) tahun sejak kita telah mencapai kemerdekaan tetapi keharmonian dan perasaan muhibah masih dipersoalkan. Kita tidak boleh menafikan bahawa keharmonian dan perasaan muhibah antara kaum berbilang bangsa dan agama belum mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan. Apakah kita harus lakukan untuk mengurangkan jurang antara kaum dan seterusnya meningkatkan persefahaman keharmonian dan perasaan muhibah. Pada pendapat saya langkah pertama yang kita mesti ambil ialah memelihara identiti setiap kaum, identiti kaum adalah berasaskan empat perkara iaitu:

1. Bahasa Ibunda
2. Agama
3. Adat Istiadat, dan;
4. Sejarah

Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil perlu diberi perlindungan. Rakyat bukan hanya harus diberi peluang untuk belajar Bahasa Ibunda mahupun diberi galakan belajar bahasa-bahasa yang lain. Rakyat mesti diberi jaminan untuk mempraktikkan agama Islam Taoisme, Hinduisme, Kristianiti, Budhisme dan agama-agama lain secara bebas. Adat istiadat semua kaum mesti dipelihara. Sejarah asal setiap kaum

mesti diserap dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan yang telah dimainkan oleh setiap kaum. Dalam ucapan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa telah menyentuh sejarah Melayu dan peranan Hang Tuah, Hang Jebat dan Tun Perak; ini perlu menjadi tauladan dan panduan kepada kita semua.

Langkah kedua adalah kita harus mewujudkan kefahaman perlembagaan di kalangan rakyat. Perlembagaan telah menjamin kuasa dan kedaulatan raja-raja. Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi, Islam sebagai agama rasmi hak istimewa orang Melayu dan peluang-peluang saksama kaum-kaum yang lain. Kefahaman tentang perkara-perkara tersebut akan membantu rakyat menyedari hak sendiri dan hak orang lain. Dengan itu, akan wujud sikap hormat menghormati, sikap 'patriotisme' terhadap Negara dan akhirnya akan lahir perpaduan dalam perbezaan '*Unity in Diversity*'. Seterusnya ini akan membantu melahirkan masyarakat Malaysia sebenar.

Dengan itu visi Pakatan Rakyat akan tercapai, visi ketuanan rakyat. Empat Puluh (40) tahun Barisan Nasional telah menggunakan perkataan 'sensitif' apabila seorang menimbulkan isu berkaitan dengan bahasa atau agama. Tindakan seperti ini menyekat kebebasan rakyat. Hak asasi rakyat tidak harus dicabul. Rakyat mesti diberi kebebasan pendapat dan ekspresi '*freedom of speech and freedom of expression*'.

Tuan Speaker, pada masa sekarang rakyat berusia kurang daripada empat puluh lima (45) tahun lebih memahami perlembagaan. Mereka tidak mahu tunduk kepada perkataan sensitif lagi. Mereka sudah menyedari hak asasi mereka dan sudah mula memberi pendapat secara bebas; mereka tidak boleh lagi ditipu atau membodohkan 44 peratus penduduk Selangor terdiri daripada golongan belia di antara usia 18 tahun dan 45 tahun. Selain daripada kumpulan kecil daripada pemuda UMNO, pemuda keseluruhannya mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk berfikir secara bebas dan jelas. Syabas diucapkan kepada ADUN-ADUN dalam dewan ini yang termasuk dalam golongan tersebut golongan muda. Mereka adalah harapan masa depan negara kita ini. Mereka bertindak luar batasan agama dan bangsa. Mereka berjuang untuk keadilan semua bangsa Melayu, Cina ataupun India.

Insya-Allah, perkataan 'Allah' telah menjadi isu sekarang pula. Tok Guru saya, Tok Guru Nik Aziz berkata "Tidak Salah Menggunakan Perkataan Ini Oleh Orang Bukan Agama Islam". Apakah yang penting?, yang penting ialah perkataan ini disebutkan oleh orang yang bermulut suci.

Untuk saya, Tok Guru seumpama Mahatma Gandhi abad ke 21, saya adalah seorang beragama Hindu, falsafah asas Hindu adalah dengan izin dalam Bahasa Tamil (*Ounreh Kulam, Ouruvane Thevan*) bererti yang bermaksud "Semua Manusia Terdiri Daripada Satu Kaum dan Semua Manusia Mempunyai Satu Tuhan Sahaja". Mahatma Gandhi berkata "Aku Beragama Hindu, dan Aku juga adalah seorang Islam, seorang Kristian, seorang Buddhist. Inilah konsep muhibah untuk semua kita ini. Sekian. Terima Kasih.

**PUAN SPEAKER:** Hulu Klang

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Puan Speaker. Bismillahi Rahmani Rahim, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Tuanku, di mana di dalam titah baginda, baginda menjelaskan perihal pentingnya demokrasi yang bermakna rakyat menentukan hala tuju masyarakat. Dalam konteks ini



demokrasi yang kita dukung adalah demokrasi yang memberikan ruang dengan izin 'space' untuk bersuara dan di bawah kendalian Kerajaan Pakatan Rakyat demokrasi semakin subur kerana sebagai buktinya pada pagi ini, semalam dalam sidang sesi dewan semua pihak diberikan ruang untuk bersuara, bercakap tanpa batasan, selagi mana dia membawa kebaikan dan kebijaksanaan kepada rakyat. Saya juga ingin menarik perhatian bahawa demokrasi juga bererti perkhidmatan yang cemerlang, di mana agensi-agensi kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan perlulah menterjemahkan dan menzahirkan pengertian demokrasi di mana rakyat merasakan mereka mendapat khidmat yang terbaik dalam suasana dan iklim demokrasi yang subur dan sihat. Dalam urusan tanah melibatkan kehidupan rakyat, permohonan sambungan pajakan, rakyat mesti merasakan bahawa mereka mendapat layanan mesra, pantas, cekap, amanah dan jujur. Saya ingin menarik perhatian pada sidang dewan pada satu konteks khidmat yang diberikan yang masih lagi belum ke tahap demokrasi yang patut diperkasakan iaitu dalam satu kes di Kuala Ampang, seorang yang bernama Tan Siew Wah dengan No. I/C: 490421065027 telah berulang kali sebanyak 22 kali, turun naik, turun naik ke Pejabat Daerah Gombak untuk mendapat sambungan kepada pajakan. 6hb.10. 2006, 12hb. 10. 2006, 13hb. 10. 2006, itulah keadaannya, hingga ke hari ini sehinggalah pada penghujung sesi pentadbiran kerajaan yang lama, 17hb. 12. 2007, 21hb. 12. 2007, 3hb. 1. 2008 hingga tidak selesai masalahnya dan lebih menyayatkan saya sebagai wakil rakyat apabila dia terpaksa mengaku bahawa setiap kali dia ingin mendapatkan perkhidmatan, dia terpaksa memberi sedikit ganjaran kepada pegawai yang bertugas, namanya ada dicatatkan di sini sebagai bukti. Demokrasi juga bererti bahawa rakyat di peringkat institusi dan agensi yang menjalankan khidmat kepada rakyat seperti PBT, kerajaan tempatan merasakan bahawa suara mereka didengari. Di peringkat MPAJ sebagai wakil rakyat berkali-kali sejak awal hingga hari ini, saya mendengar permintaan-permintaan sama ada melalui SMS, panggilan telefon ataupun pertemuan sejenak daripada kakitangan Gred B, Gred C dan Gred D yang meminta agar berlaku perubahan kepimpinan ditukar YDP, tapi sebagai ADUN saya masih akur kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan EXCO yang bertanggungjawab. Tetapi walau bagaimanapun kita perlu memahami dalam konteks demokrasi, rakyat tidak sepatutnya merasakan suara mereka tidak didengari, mesti ada satu saluran yang membolehkan suara rakyat ini diperkasakan, mesti ada satu sistem membolehkan rakyat merasakan pandangan mereka diambil kira walaupun mungkin tidak diterima. Inilah permintaan saya kepada Kerajaan Negeri dan EXCO yang bertanggungjawab agar perkhidmatan di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah, PBT dipertingkatkan agar pengertian dan erti penzahiran demokrasi itu dapat dirasakan dalam pentadbiran baru kerajaan Pakatan Rakyat.

Dan dalam konteks pentadbiran negeri, selepas setahun melihat perjalanan kerajaan negeri di peringkat ahli mesyuarat dan pengerusi tetap EXCO-EXCO yang berkenaan saya merasakan berlaku kejanggalan konsep kepimpinan di peringkat EXCO sama ada dari segi falsafahnya, dasarnya hinggalah kepada pelaksanaannya. Kita merasakan bahawa EXCO sepatutnya menunjangi satu perubahan dan disokong dengan satu sistem yang ampuh, yang kuat, yang membolehkan di antara dasar dan pelaksanaan, di antara perbincangan, keputusan dan pelaksanaan, dilaksanakan dengan lancar. Tetapi kalau kita pergi ke SUK, kita akan dapati bahawa dari segi fizikalnya sekalipun EXCO-EXCO ini agak terpisah daripada suasana pentadbiran negeri, ada jabatan-jabatan, ada Lembaga dalam konteks EXCO Perumahan, ada Lembaga Perumahan yang dalam konteks keputusan dan perlaksanaannya itu terpisah jadi tidak ada "continuity" dengan izin. Jadi tidak ada kesinambungan dalam konteks pemikiran, pengolah idea, pembuatan keputusan hinggalah perlaksanaan dan pemantauan tidak ada "continuity"

dengan izin. Jadi saya melihat bahawa pendekatan untuk membolehkan demokrasi ini diperkasakan di antara lain untuk menstrukturkan pentadbiran EXCO-EXCO ini semoga bukan hanya EXCO ini mencapai tahap seperti satu kementerian di peringkat pusat yang ada memimpin jawatankuasa tetap juga ada prasarananya jawatankuasa tetap ada setiausaha, dan setiausaha itulah yang melaksanakan terus *direct* bukan di bawah satu sekretariat seperti UPEN pada hari ini. Bagi pandangan saya, kerajaan negeri mempunyai 27 jawatankuasa tetap semuanya dikumpulkan di bawah satu sekretariat dinamakan UPEN, sedangkan EXCO itu agak "*aloof*" dengan izin daripada pelaksanaan dan pemantauan apa yang dilakukan UPEN. Saya mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan agar UPEN ini dirombak semula, disusun semula dan EXCO itu fizikalnya diletakkan di tengah-tengah aktiviti setiap jawatankuasa tetap maknanya bukanlah EXCO ini satu *floor* lain, bilik lain ada dua, tiga orang ada pembantunya, pegawai-pegawai yang dilantiknya kemudian kalau nak dilaksanakan di satu *floor* yang lain, di satu tingkat yang lain. Biar dari segi fizikal "*leadership*" dengan izin kepimpinan EXCO itu dirasakan, biar kepimpinan EXCO terhadap setiausaha, jawatankuasa tetap itu dilihat, dirasakan berterusan, biar ada *physical contact*, *physical presence*, kepimpinan EXCO, jadi saya merasakan dengan cara itu EXCO akan bertindak dengan lebih mantap dan demokrasi dalam konteks peranan-peranan Adun akan dapat diperingkatkan. Saya percaya bawah ADUN-ADUN Pakatan Rakyat dapat diperingkatkan boleh memainkan peranan bukan hanya sebagai pembantu EXCO, tetapi sebagai menggerakkan demokrasi membolehkan kerajaan ini kuat dari segi eksekutif, kerajaan kuat dari segi penggubalan dasar dan pemantauan dasar. Saya mencadangkan agar diperkasakan ahli-ahli yang berhormat Pakatan Rakyat dalam konteks ini. Bukan hanya dalam konteks menjadi pembantu EXCO dan mungkin saya ingin mencadangkan di dalam dewan yang mulia ini, ahli-ahli yang berhormat diberikan peranan lebih dalam konteks mengukuhkan dasar-dasar melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang boleh ditubuhkan oleh dewan dalam pakej rangsangan ekonomi, mungkin banyak jawatankuasa-jawatankuasa yang perlu dilihat, dibentuk dan inilah yang saya rasakan pada pandangan saya jawatankuasa-jawatankuasa yang boleh diperkasakan dan dengan itu berkemungkinan ahli-ahli yang berhormat daripada Pakatan Rakyat tidak perlu memainkan peranan sebagai pembantu EXCO tetapi lebih berfungsi sebagai ahli-ahli ataupun pengerusi-pengerusi bagi jawatankuasa-jawatankuasa terpilih yang ditubuhkan oleh Dewan. Saya menegaskan ini kerana apa, kalau kita nak mengambil model pentadbiran lama jalan singkatnya, setiap ahli jawatankuasa ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat ditempatkan sebagai Pembantu EXCO, membantu perjalanan kerajaan ataupun diletakkan sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah "*GLC*" dengan izin, anak-anak syarikat. Ini jalan mudah, mungkin model lama. Saya melihat demokrasi, dalam topik demokrasi ini, demokrasi ini boleh diperkasakan, kita mahu kerajaan kuat dari segi eksekutif, kita mahu kerajaan kuat dari segi pemantauan dan pelaksanaan dan dengan itu kita tidak mahu kepincangan-kepincangan yang lalu berlaku. Saya ingin mengambil contoh-contoh di mana apabila tidak ada "*check and balance*" dengan izin tidak ada semakan yang positif dan konstruktif inilah yang menyebabkan apabila Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun diletakkan dalam syarikat-syarikat sebagai pengarah-pengarah syarikat anak kerajaan, anak syarikat kerajaan masih lagi berlaku kelonggaran dari segi pemantauan. Ambil contoh tentang sebuah syarikat pemaju Talam Corporation saya tidak akan menyentuh dalam konteks ini tentang Talam tapi saya ingin menyentuh tentang peranan dan fungsi yang dimainkan oleh anak-anak syarikat kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ditempatkan sebagai Lembaga Pengarah. Dalam konteks ini dinyatakan dalam media pada tahun 2006 terdapat lebih 8,000 ekar tanah yang telah diluluskan kepada Talam Corporation dan Ketua Eksekutif menyatakan daripada 8,000 itu hanya 700 ekar sahaja yang efektif

untuk pembangunan sedangkan di bawah Talam Corporation ini adalah masalah besar projek-projek perumahan terbelang di seluruh negeri Selangor dan dalam masa yang sama pemaju yang mengatakan bahawa hanya 700 ekar daripada 8,000 ekar tanah-tanah yang telah dianugerahkan yang diberikan oleh kerajaan negeri bagi anak-anak syarikat berdaya maju mengumpulkan rizab yang bukan sedikit melibatkan ratusan juta di Singapura, Hong Kong, Vancouver, London dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang satu projek Taman Puncak Jalil dan Saujana Damansara yang melibatkan Maxisegar Sdn. Bhd. Yang melibatkan agensi kerajaan Yayasan Selangor yang telah diberikan 800 ekar tanah dan telah diserahkan kepada Maxisegar untuk dibangunkan sebagai Kampus UNISEL diikuti dengan pembayaran balik dengan tanah sebanyak 3,000 ekar di Batang Berjuntai, 110 ekar di Sungai Buluh menjadi Saujana Damansara dan 801 ekar sebelah Bukit Jalil menjadi Taman Puncak Jalil. Menurut perjanjian pemaju berjanji bayar RM750 juta, dengan bayaran bulanan RM60 juta dan menyiapkan kampus. Apa yang berlaku kampus siap tetapi tidak sempurna, Kerajaan Negeri terpaksa menanggung pembiayaan kerana peruntukan RM60 juta bayaran janji daripada syarikat pemaju telah tidak ditunaikan. Jadi apa persoalan yang dinyatakan di sini adalah kerana dia melibatkan agensi anak syarikat kerajaan dan di manakah peranan ahli-ahli yang berhormat pada masa itu yang dipilih yang diamanahkan oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab. Dengan itu hutang kerajaan negeri sebanyak RM165 juta tanpa mengira premium tanah, cukai tanah yang masih banyak belum diselesaikan.

Kedua, kes kedua adalah Saujana Puchong, Syarikat Expand Factor Sdn. Bhd. ada kait dengan Talam. Syarikat terlibat adalah Shah Alam Properties Sdn. Bhd. iaitu Kumpulan Hartanah Negeri Selangor agensi sebuah anak syarikat negeri Selangor, SAP, Shah Alam Properties Berhad telah jual tanah pada Talam sebanyak 400 ekar dengan harga RM160 juta telah dibangunkan sebagai kawasan perumahan rumah teres dua tingkat, kedai dan sebagainya, didapati geran tanah masih belum diproses, didapati premium tanah masih belum dibayar tetapi boleh dapat CF maknanya status tanah masih lagi tanah pertanian dan kerugian yang begitu besar ditanggung oleh Kerajaan Negeri di mana peranan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik oleh kerajaan untuk menjadi ahli-ahli Lembaga dan apakah peranan Shah Alam Properties sebagai agensi pada anak syarikat sebuah negeri Selangor.

Kemudian kes yang seterusnya adalah Putra Perdana, Syarikat Pemaju Ken Shine Corporation Sdn. Bhd. di bawah Talam agensi terlibat PNSB. PNSB telah menswastakan tanah sejumlah 800 ekar di Dengkil, Sepang. Tanah ini telah dimajukan sebagai kawasan perumahan, rumah siap dan berlaku penyerahan, masih hutang dengan PNSB, premium masih belum dibayar, status tanah masih lagi tanah pertanian dan ini menimbulkan begitu banyak kerugian kepada Kerajaan Negeri Selangor. Demikianlah contoh-contoh yang telah saya nyatakan tentang Talam tetapi fokusnya adalah peranan dan fungsi yang dimainkan oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor. Kalau kita tarik perhatian apa yang berlaku beberapa bulan sebelum pilihan raya tahun lalu, KDEB Kumpulan Darul Ehsan Berhad telah membuat keputusan untuk membeli sebuah kereta Mercedes Model S500 berharga RM1.5 juta untuk pengerusinya dan demikian juga membeli sebuah model Mercedes S350 bernilai berharga RM900,000.00 mencecah RM1 juta untuk Presiden Eksekutif. Jumlah belian RM2.5 juta, bayaran pada *Cycle & Carriage* sebagai agen kereta Mercedes adalah 40%, RM1 juta telah dibayar kemudian berlaku pilihan raya berlaku perubahan, duit RM1 juta tidak tahu ke mana, kereta S500 dan S350 tidak sampai, jadi persoalan kita

bagaimanakah keputusan ini boleh dibuat. Saya meminta jasa baik Yang Amat Berhormat Ijok untuk buat penelitian terhadap kes ini agar hak rakyat tidak dicuainya begitu sahaja. Demikian juga KDEB mempunyai pegangan 51% pada sebuah Syarikat Cekal Tulin yang membuat kerja-kerja pembangunan memajukan tanah dan telah membeli sebuah kereta jenis *Range Rover* bernilai RM500,000.00 untuk kegunaan syarikat untuk buat lawatan tapak tetapi sebaik kereta itu sampai kereta itu telah diberikan kepada isteri Pengerusi KDEB dan persoalan kita, bagaimanakah urusan korporat begini boleh berlaku di dalam anak syarikat di Selangor. Saya ingin menarik perhatian tentang isu yang telah ditimbulkan oleh Bukit Antarabangsa semalam tentang Apartment Al-Marwah Tower di Mekah bukan hanya PNSB yang terlibat tetapi KDEB, di atas nama KDEB. KDEB atas nama KDEB Presiden Eksekutif dan Pengerusi telah membuat lawatan, mungkin lawatan yang sama tetapi telah membeli dua buah unit dengan belian harga RM8 juta dan telah mengeluarkan cek peribadi pengerusi KDEB membayar sekian-sekian peratus wang pendahuluan bernilai RM800,000.00 dan menalipon dari sana untuk pengurusan di sini mengeluarkan pekeliling dengan izin "*rectify*" keputusan tersebut, keputusan tidak dibuat dalam Lembaga Pengarah tetapi apabila dilakukan *shopping* di Mekah keputusan dibuat *on the spot* dan pihak Lembaga diminta mengeluarkan pekeliling untuk *rectify* keputusan tersebut. Keputusan tidak dibuat di Kuala Lumpur tetapi dibuat oleh Pengerusi Eksekutif di Mekah dan meminta keputusan itu *backdate*kan untuk dibuat pembayaran. Persoalan kita bagaimanakah sebuah anak syarikat KDEB yang besar ini mengamalkan *good corporate governance* yang sedemikian. Jadi persoalan-persoalan yang ditimbulkan di sini perkara pembelian yang dilaporkan pada Lembaga Pengarah. Apakah manfaat yang diperolehi daripada Pelaburan ini kepada KDEB. Adakah unit ini didaftarkan atas nama siapa. Kalau ada kutipan sewa adakah kutipan sewa selama ini sampai kepada KDEB dan kalau ada S & P perjanjian jual beli tentang unit-unit tersebut siapakah yang menandatangani. Ini semua merupakan aspek demokrasi. Demokrasi bukan hanya kepada Pilihan raya kebebasan bersuara tetapi ketelusan kebertanggungjawaban dan keupayaan kita mengurus dengan baik. Satu lagi contoh yang saya ingin kemukakan tentang peranan yang dimainkan oleh anak syarikat yang dimainkan tentang pengurusan air. Dalam konteks Kumpulan Perangsang memegang 55%, Operasi Murni 45%. Kita dapati bahawa pegangan ini tidak cukup kuat. Pegangan anak Syarikat Selangor memegang 55% seolah-olah tidak cukup kuat untuk membolehkan satu keputusan menyokong dasar Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor untuk menamatkan *konsesi* dan membeli aset air hingga seolah-olah pegangan Operasi Murni Sdn. Bhd. 45% makin kuat dan kita dapati mengapakah *minority share holder* dengan izin tidak mahu membantu Kumpulan Perangsang Selangor untuk menerima tawaran membeli aset air dari Kerajaan Negeri Selangor.

Apakah peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli Lembaga yang mewakili kepentingan KDEB dalam Kumpulan Perangsang dan apakah agenda ini merupakan agenda yang sengaja dilakukan untuk menggagalkan agenda memberikan air percuma berterusan kepada rakyat sebanyak 20 meter padu setiap bulan dan kita dapati siapakah sebenarnya yang berada di belakang Operasi Murni Sdn. Bhd. Daripada kajian yang saya buat saya dapati bahawa Senator Dato' Ikhwan Salim Sujak Ketua UMNO Bahagian P.J Utara adalah pemegang saham dalam Operasi Murni dan jelas bersama-sama dengan Dato' Hj. Sumadi Ismail dan juga daripada kepimpinan UMNO Bahagian seolah-olah ini satu peranan mensabotaj hasrat Pakatan Rakyat yang memberi perkhidmatan yang terbaik dalam konteks khidmat kepada rakyat Negeri Selangor.

Puan Speaker saya ingin menarik perhatian satu sahaja dalam konteks demokrasi. Saya menegaskan di sini dengan penuh keyakinan dan mengharap sokongan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar peranan Ahli-ahli Yang Berhormat diperkasakan dalam membantu kerajaan Negeri Selangor memastikan bahawa anak-anak Syarikat Negeri Selangor menjalankan amanah, menjaga khazanah kekayaan, mentadbir dengan urusan korporat yang lebih sempurna dan memastikan ketelusan agar demokrasi yang dimaksudkan oleh Tuanku dapat disempurnakan dalam Pentadbiran Negeri Selangor. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** *Assalamualaikum Wrt. Wbt.* dan salam perpaduan. Tuan Speaker pertama-tama saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang kepada Sg. Air Tawar untuk memberi ucapan dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Perasmian DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Aziz Shah di persidangan pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor kali ke-12 pada hari kelmarin. Di antara titah nasihat Tuanku yang paling saya ingati ialah baginda mahu semua ahli Dewan mematuhi Peraturan Tetap Dewan Negeri ketika bersidang agar segala-galanya berjalan dengan lancar dan teratur. Semua ahli Dewan perlu saling hormat menghormati di antara satu sama lain tanpa perbezaan ideologi politik masing-masing.

Sehubungan itu saya suka mengingatkan diri saya dan rakan-rakan ADUN baik dari Kerajaan mahupun Pembangkang agar berhemah dan beradab sopan dalam masa kita mengeluarkan hujah. Doktor Yusuf Qadawi ada menyebut tidak diperdaya oleh diri sendiri dan kagum dengan pandangan sendiri. Confucious pula ada menyebut jika anda tidak suka orang lain melakukannya terhadap anda maka anda tidak patut melakukan terhadap orang lain. Dengan izin *Do good with others if you want other do good into you.*

Anak itik pandai menari  
anak angsa terlompat-lompat  
rupa cantik dapat dicari  
budi bahasa mana nak dapat.

Apa tanda batang tebu  
batang tebu lebar daunnya  
apa tanda orang berilmu  
orang berilmu sabar sifatnya.

Tuan Speaker saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan menjunjung kasih ke bawah DYMM Sultan Selangor kerana banyak menyentuh perkara yang menarik perhatian membabitkan pembangunan Negeri dan kesejahteraan rakyat antaranya berhubung dengan Pemodenan Pertanian dan pemberkasan di peringkat kampung-kampung. Saya agak tertarik tentang ungkapan akhir

Tuanku yang mahu Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memastikan matlamat Selangor sebagai negeri idaman, maju dan sejahtera dicapai. Negeri berkeadilan akan sentiasa membela dan bersikap adil kepada rakyatnya. Kerajaan perlu menjadi juara kepada semua isu rakyat sama ada tinggal di bandar mahupun di kampung-kampung. Slogan ini mesti diamalkan dan ada hasil yang terzahir dari slogan tersebut. Kata harus di

kota. Lembu dipegang pada tali, manusia dipegang pada janji. Kita hidup bukan sekadar atas pengharapan dan kata-kata yang memenuhi emosi tetapi dapat juga menikmati tuntutan dan kehendak fizikal, akal dan nurani.

Tuan Speaker menyentuh soal kesejahteraan dan kebajikan yang disebut dalam konteks di kampung-kampung saya rasa amat terkilan dengan isu pengambilalihan Balai Raya oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Kerajaan Negeri melalui Kerajaan yang terlibat atau JKKK Negeri telah merampas balai raya tersebut dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan. Kemudahan awam ini bukan sahaja ditutup malah kunci-kuncinya juga turut ditukar untuk mengelakkan pihak-pihak sebelum ini menggunakannya. Saya sedih melihat selepas pengambilalihan tersebut banyak Balai Raya tersebut sudah hilang peranannya dalam masyarakat. Sepatutnya kemudahan ini digunakan oleh masyarakat setempat untuk program pendidikan seperti Pra Sekolah kanak-kanak.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar Teratai nak mencelah.

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta laluan. Tak bagi saya peluanglah.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu dulu Teratai.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** *Do good into others, if you want others do good into you..* Terima kasih.

**YB DATO' HJ. WARNO B. DOGOL :** Saya mohon beri saya laluan.

**PUAN SPEAKER:** Sabak pula nak mencelah. Macam mana pertimbangannya Sg. Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Dia bolehlah.

**PUAN SPEAKER:** Boleh pula. Cari kroni.

**YB DATO' HJ. WARNO B. DOGOL:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sg. Air Tawar. Saya tertarik bila Yang Berhormat Sg. Air Tawar menyebut pengambilalihan Balai-balai raya oleh kerana khususnya saya menyentuh Sabak Bernam di bahagian lain saya tidak berani menyentuh. Oleh kerana kita lihat ada daripada Balai-balai raya yang didirikan tanah persendirian dan ada juga pihak-pihak tertentu tanpa segan silu menampal papan tanda untuk Balai JKKK di tanah tersebut ataupun di bangunan tersebut dan apa yang mengecewakan saya lihat kalau dahulu dikatakan Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menggunakan kepentingan untuk Balai raya untuk kepentingan Politik tetapi saya lihat DUN Sabak ada daripada kalangan Ahli Jawatankuasa JKK bukan setakat digunakan Balai raya untuk kepentingan dia tetapi digunakan untuk tempat tinggal. Jadi saya mohon penjelasan tentang perkara ini.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Terima kasihlah. Kalau nak kata kroni katalah. Kalau Puan Speaker tak kata siapa lagi.

**PUAN SPEAKER:** Sila, sila.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Inilah yang saya cuba nak sebutkan dalam dewan inilah sepatutnya kemudahan-kemudahan sebegini digunakan oleh masyarakat setempat untuk program-program pendidikan seperti kelas Pra Sekolah kanak-kanak dan program pembangunan Komuniti seperti Kelas kemahiran dan Pusat Aktiviti Kemasyarakatan seperti mesyuarat dan sebagainya. Inilah yang saya maksudkan bagi memenuhi keperluan fizikal, keperluan akal rohani manusia.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker minta laluan:

**PUAN SPEAKER:** Teratai nak minta mencelah macam mana Sg. Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Saya ucap nak panjang lagi.

**YB PUAN LEE YING HA:** Wanita tak diberi peluang.

**YB PUAN LEE YING HA:** Sg. Air Tawar panjang nak cerita.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tangguh dulu

**YB PUAN LEE YING HA:** Pada lelaki bolehlah.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Bukan kroni. Kini program-program sukar diadakan malah lebih buruk lagi pihak yang mengunci dan mengeluarkan arahan untuk mengunci tidak memakmurkan kemudahan demi kemaslahatan rakyat. Saya lihat pada masa yang sama tiada pula program yang diatur dan di laksana sebagai ganti pengisian yang telah dijalankan oleh penduduk-penduduk sebelum ini dan lebih memburukkan keadaan Balai-balai raya tersebut terbiar dan tidak diselenggarakan dengan baik. Ibarat rumah tidak berpenghuni makin di biar semakin tua dan uzur tunggu masa menyembah bumi. Ada bangunan-bangunan yang tidak bersih, semak samun menyakitkan mata memandang. Bangunan ini sepatutnya perlu dibersihkan, di selenggara dan mana-mana kemudahan yang rosak hendaklah diperbaiki, bil-bil api dan air mestilah dipantau dan dijelaskan untuk mengelakkan tindakan pemotongan. Saya juga khuatir bangunan yang dibiarkan kosong tanpa sebarang aktiviti dan hanya dikunci ini akan mengundang pencuri atau melakukan jenayah harta benda. Usaha perlu dilakukan untuk memelihara bangunan-bangunan tersebut daripada menjadi uzur dan usang. Saya ingin bertanya di manakah letaknya konsep kebajikan dan dari segi pelaksanaan dalam konteks pengambilalihan balai-balai raya tersebut. Adakah ini keadaan atau satu bentuk kezaliman? Pertamanya kezaliman kepada harta benda itu sendiri tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Keduanya kezaliman kepada rakyat. Yang kononnya hendak dibela tetapi disekat keupayaan mereka untuk melaksana aktiviti. Saya rasa dan percaya semua kita faham benar makna keadilan lawan kepada kezaliman. Adil ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Maka sewajarnya kita bertindak adil pada kemudahan awam tersebut dengan menyelenggara dan memakmurkannya, bukan dengan dibiarkan dan dikunci. Saya ingin mengingatkan bahawa janganlah dengan secebis kuasa yang ada atau kerana untuk menghalang aktiviti parti politik yang tidak sehaluan atau operasi agensi jabatan kerajaan peringkat persekutuan, maka kita hendak menyekat dan hendak menutup kemudahan-kemudahan tersebut. Pada hal aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan telah terbukti banyak menghidupkan suasana kehidupan, kemajuan dan pembangunan masyarakat komuniti setempat sebelum ini. Kita mesti ingat bahawa kemudahan awam tersebut ada

yang dibina dengan wang kerajaan persekutuan walaupun atas tanah negeri. Ada juga bangunan yang dibina menggunakan wang kerajaan negeri juga di atas tanah negeri. Memang dalam banyak keadaan tanah hak negeri. Tetapi ada juga pihak selain dari kerajaan negeri yang turut memihak untuk memasuki dan menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut. Nampaknya kerajaan negeri sendiri telah hilang pertimbangan dan budi bicara sebegini. Saya mencadangkan agar satu garis panduan yang jelas dan adil tentang penggunaan kemudahan awam seperti balai-balai raya ini diwujudkan bagi menangani perkara ini dari berterusan menghantui rakyat.

Tuan Speaker, kita sedia maklum bahawa lebih 90% rakyat negeri Selangor kini tinggal di kawasan bandar yang ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Ini meninggalkan lebih kurang 400 ribu rakyat Selangor yang relatifnya tinggal di kawasan desa dan kampung walaupun pada umumnya hampir keseluruhan kawasan negeri telah diresapi unsur-unsur perbandaran. Namun ia tidak harus membuatkan kita selesa, lalu meninggalkan aspek pembangunan desa kerana kita merasakan semua bentuk pembangunan sudah selesai atau hanya menjadi tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita juga jangan hanya memberi alasan dengan menyatakan konflik pentadbiran di antara JKK dan JKPP. Janganlah mula terlalu taksud untuk mengubah kepimpinan kampung, mencatur orang itu, orang ini, atas landasan berpolitik. Namun akhirnya peranan ke amat terhad dan tidak mampu mencetuskan perubahan pembangunan dan pemodenan di peringkat umbi. Saya amat menjunjung tinggi DYMM Sultan Selangor tentang peranan yang harus dimainkan oleh Ketua Kampung dalam menyampaikan dasar-dasar Kerajaan namun apa yang lebih penting mereka mesti dipandu dengan wawasan yang segar untuk kemajuan kampung keseluruhannya dalam bidang ekonomi dan sosial. Saya rasa peranan Ketua-ketua Kampung tidak hanya terhenti setakat membantu pihak-pihak berkuasa sahaja. Soalnya, Apakah perubahan dan lonjakan baru yang boleh direncanakan oleh Kerajaan Negeri melalui JKPP dan Agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri?. Jika peringkat Persekutuan ada gerakan desa wawasan, ada program ekonomi desa, ada program info desa. Apakah agaknya program yang boleh membangunkan dan memperkasakan masyarakat desa Selangor. Kita ada lebih kurang 365 buah kampung tradisional tidak termasuk 78 kampung baru penempatan estet dan orang asli. Apakah program untuk memakmurkan komuniti-komuniti ini.

Puan Speaker, walaupun dalam titah ucapan DYMM Sultan Selangor tidak menyentuh soal keusahawanan secara langsung. Namun saya rasa, saya dapat merasakan perkara ini amat penting kerana ia amat berkait rapat dengan soal penjanaan ekonomi di era kelembapan ekonomi ini. Pada masa yang sama sektor IKS berasaskan makanan yang digerakkan oleh usaha-usahawan misalnya menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya masyarakat desa yang banyak disentuh oleh baginda. Tuanku juga ada menyebutkan bahawa petani kita perlu ditetapkan matlamat menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan yang teras ilmu dengan izin *not like this*. Bagaimana petani kita hendak melaksanakan perkara ini jika kita tidak membangunkan jiwa keusahawanan yang ada dalam diri mereka. Kita sedia maklum bahawa Negeri Selangor kaya dengan produk-produk kecil dan sederhana ada dalam diri mereka. Kita sedia maklum Selangor kaya dengan produk-produk industri kecil dan sederhana. Usahawan-usahawan Selangor giat mengeluarkan produk khasnya yang berasaskan makanan ringan seperti kerepek ubi dan makanan sejuk beku. Pemasaran produk-produk IKS sini bukan setakat di pasar besar seperti GIANT, TESCO dan di pelbagai kiosk di dalam Negara. Tetapi juga telah menjangkau pasaran global. Pasaran global ke Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Timur Jauh.



Usahawan-usahawan yang dilahirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu telah membuktikan mereka telah berjaya jika diberi sokongan dan jika mereka diberi peluang untuk berusaha dan berkembang. Kita pernah berbangga melahirkan 12 orang usahawan kerepek yang jualan setahunnya menjangkau RM200,000 hingga RM5 juta. Ini termasuk 36 usahawan yang menghasilkan produk makanan ringan sejuk beku dan kuih muih dengan nilai jualan terkumpul bernilai RM23.5 juta setahun. 21 syarikat usahawan Selangor yang telah menghasilkan pelbagai produk makanan serta barangan dan penggunaan yang dieksport ke dunia dengan nilai jualan RM89 juta sebulan. Ini pencapaian lalu yang perlu diteruskan dibantu dan disambung oleh Kerajaan hari ini.

Saya sebenarnya amat khuatir Kerajaan yang ada baik tidak mampu untuk meneruskan rekod-rekod ini yang baik ini untuk melahir dan membentuk usahawan-usahawan Negeri Selangor. Hingga kini saya belum lagi melihat secara jelas hala tuju mana usahawan Negeri Selangor ini. Program ini amat penting sebagai alternatif peluang jaya kepada lapisan masyarakat. Kerajaan Negeri seharusnya menjadi usahawan sebagai pilihan khasnya kepada golongan muda. DYMM Tuanku ada menyebutkan program Kerajaan Negeri iaitu Selangor *retrenchment helpline* inisiatif mencari pekerjaan baru dengan majikan yang ada jawatan kosong. Ini adalah pekerjaan makan gaji mengapakah kita tidak mengalih ke sektor yang lebih berdikari bersifat memajukan diri dan pendapatan yang lebih lumayan ini. Cubaan itu saya juga tidak melihat program yang komprehensif susun rapi inisiatif Kerajaan Negeri seperti oleh MECD umpamanya gerakan usahawan program SDSI di peringkat Persekutuan. Kita mahu lihat air tangan Kerajaan Negeri dalam soal pembangunan usahawan ini dan janganlah kita hanya mengharapkan tiub dari pusat sahaja. Ini meliputi soal timbulkan minat usahawan aspek latihan bantuan sama ada kewangan atau mesin dan teknologi serta aspek pemasaran dan pendedahan di luar. Semua ini perlu dirangka dalam satu pelan tindakan usahawan atau *blueprint* dan dilaksanakan dengan cermat serta dipantau biarpun dengan bajet yang kecil. Paling penting akhirnya ada di kalangan mereka bangkit sebagai usahawan baru yang daya maju. Saya harap Kerajaan Negeri dapat mewujudkan iklim yang kondusif di Negeri Selangor ini. Jika tidak dapat menjana atau melahirkan usahawan baru pun apakah inisiatif Kerajaan untuk menjaga dan memajukan perkembangan usahawan yang sedia ada. Ini juga saya belum nampak lagi ada usaha yang jelas bagaimana nak bantu mereka kembang lebih maju. Justeru saya berharap program dialog bersama usahawan-usahawan sedia ada dapat diadakan dari masa ke semasa. Kalau dulu program dialog usahawan ini kita dapat diadakan 3 atau 4 kali setiap tahun tapi sekarang kita belum lagi mendengar program-program ini dapat dilakukan.

Kerajaan Negeri memerlukan maklum balas dan input-input semasa untuk merangka tindakan yang benar-benar membantu mereka berkembang apatah lagi untuk menghadapi senario kelembapan hari ini. Tuan Speaker, sebelum ini 5 usahawan produk kerepek Negeri Selangor dari Daerah Kuala Langat dan Sepang telah menjana pendapatan yang lumayan sekitar RM30,000 hingga RM100,000 seminggu atau pun RM140,400 sebulan atau pun RM1.7 juta ke RM5 juta setahun. Walau bagaimana pun saya mendapat maklumat prestasi dan pengeluaran produk mereka semakin menurun kerana menghadapi masalah yang mendapat bekalan bahan-bahan mentah seperti ubi kayu dan pisang. Kekurangan sebut adalah berpunca daripada kawasan dan tanaman bekalan ubi kayu dan pisang itu sendiri. DYMM Tuanku juga ada menyentuh hal ini dengan mengatakan sektor pertanian adalah penting sebagai sumber bahan mentah kepada sektor perusahaan asas tani seperti industri kerepek ini. Cubalah bayangkan bagaimana usahawan kita nak berkembang jika pada masa sekarang seluruh Negara

hanya ada sekitar 4 ribu ke 5 ribu hektar sahaja tanaman pisang, ubi kayu sedangkan untuk pengusaha yang maju mereka memerlukan sekitar 6 tan lebih sehari bahan mentah dijadikan kerepek untuk satu-satu usahawan memerlukan 6 tan sehari. Saya juga dimaklumkan bahawa usahawan produk kerepek ini memerlukan sekitar 300 tan bahan mentah ubi kayu dan pisang sebulan.

**PUAN SPEAKER:** YB Sg. Air Tawar kena gulung ya.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Ya.

**PUAN SPEAKER:** Ya, dah cukup masa.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Dah cukup masa, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Sri Muda, Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat, Semua Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian. Dalam menyampaikan perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih dan menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor semasa merasmikan Mesyuarat pertama pembukaan kedua Sidang dalam Negeri 10 Mac yang lalu. Tidak dapat disangkal lagi dalam titah ucapan DYMM Sultan ia merangkumi mencakupi penting di seluruh negeri dan mencerminkan keprihatinan tinggi DYMM Tuanku dalam menyampaikan pandangan terus kepada kepimpinan Kerajaan Negeri. Saya ingin berkongsi pandangan pengalaman juga cadangan khusus dalam beberapa perkara yang fikir perlu dilakukan pembaharuan segera di beberapa agensi Kerajaan seperti pentadbiran Pejabat Tanah Daerah dan juga di Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT. Dalam menjalankan amanah yang diberikan oleh rakyat kepada kita saya mengharapkan segala aduan rakyat yang datang kepada kita dan kita mengajukan kepada semua Agensi Kerajaan diambil tindakan segera oleh pihak yang terlibat.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, "*tanda orang munafik itu ada tiga, manakala ia bercakap ia dusta manakala berjanji ia mungkiri dan manakala diamanahkan ia khianat*". Namun setelah setahun Kerajaan Selangor berfungsi saya melahirkan sedikit keresahan dan kekusaran di kalangan rakyat bahawa keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di peringkat yang paling hampir dengan rakyat ini tidak begitu memberangsangkan. Rungutan yang kita terima menggambarkan wujud kecenderungan di kalangan agensi kerajaan ini tidak sealiran visi dan menyokong penuh hasrat Kerajaan Negeri bahkan ada segelintirnya amat lambat bertindak dalam menangani aduan-aduan daripada rakyat. Justeru itu saya tidak mahu kerajaan kita ini dikatakan atau pun dilabel atau digelar sebagai sebuah kerajaan munafik kerana kita gagal bercakap benar kepada rakyat, kita memungkiri tindakan segera dalam piagam pelanggan yang kita dijanjikan dalam tempoh kempen pilihan raya lepas dan kita khianat akan amanah rakyat yang meletakkan harapan yang begitu besar kepada kita. Semuanya ini berlaku kerana kelemahan kerajaan menangani sistem penyampaian perkhidmatan melalui semua agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

YB Puan Speaker, pengalaman saya berurusan dengan banyak agensi kerajaan dalam membantu membanteras kegiatan pengambilan bahan bantuan dan mineral tanpa izin contohnya, cukup mendukacitakan. Ada kalanya meminta bantuan dari agensi kerajaan ini mengambil masa lebih daripada 5 jam walhal jarak dalam Negeri Selangor boleh kita capai dalam tempoh 2 jam sahaja. Ini menimbulkan kecurigaan dan rasa hairan kepada kita. Betapa banyak perkara yang perlu Dato' Menteri Besar kena teliti dan mengambil tindakan segera dalam menanganinya. Dalam program anjuran Kerajaan Negeri sempena Setahun Kerajaan Baharu Selangor, saya sungguh hairan kenapa sehingga ke hari ini tidak kelihatan langsung papan-papan tanda iklan yang memberitahu kepada rakyat akan wujudnya program-program seperti 20 meter padu air percuma, program tawas, program mesra usia emas dan lain-lain program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Saya hairan kenapa program besar dan begitu memberi manfaat kepada rakyat ini tidak diwar-warkan dan tidak dipamerkan kepada rakyat. Saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri dan EXCO berkaitan kita dinilai oleh rakyat hanya kepada apa yang mereka nampak tetapi tidak kepada apa yang kita buat. Adalah lebih baik kita nampakkan dan kita buat supaya rakyat tahu kita melakukan sesuatu yang memberikan keuntungan kepada mereka. Di sinilah sebenarnya peranan PBT saya lihat cukup kurang membantu Kerajaan Negeri. PBT sewajarnya mengambil usaha menyokong penuh usaha kerajaan bukan seperti mensabotaj secara diam-diam dan tidak mengambil tindakan yang pro aktif.

Puan Speaker, bagi Pihak Berkuasa Tempatan jelas organisasi ini merupakan tunjang utama dalam pentadbiran sesebuah Kerajaan Negeri dengan peranan yang begitu mencerminkan imej dalam sesebuah kerajaan. Ini dapat dilihat dengan hubungan rakyat yang terus berkomunikasi dengan PBT dalam menyampaikan hasrat, aduan, kemahuan mahupun keselesaan komuniti. PBT merupakan agensi yang cukup penting apabila menyampaikan mesej serta wawasan Kerajaan Negeri dan ia juga sebenarnya merupakan '*tools*' Kerajaan Negeri dengan izin atau boleh diertikan atau diibaratkan seperti jari utama kepada kerajaan, jari utama kerajaan kepada rakyat. Dalam struktur PBT, Dato' Bandar, Yang Di Pertua merupakan peneraju utama dan corak pentadbirannya akan melambangkan prestasi sesebuah PBT. Seperti yang kita semua sedia maklum bahawa Dato' Bandar atau Yang Di Pertua sering bersilih ganti dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Kerajaan atau Jabatan Perkhidmatan Awam. Kedudukan mereka tertakluk kepada arahan Jabatan Perkhidmatan Awam dan sering dipindahkan ke tempat lain mengikut keperluan semasa. Apabila mereka bertukar disebabkan kenaikan pangkat atau bersara yang tinggal di struktur organisasi PBT adalah para Pengarah yang juga merupakan kakitangan berpengalaman lantikan Kerajaan Negeri. Mereka yang berkhidmat ini adalah di bawah urusan dan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang mana mereka ini berjawatan tetap dan terus tetap tinggal di satu-satu PBT tersebut sehingga pencen serta akan menabur bakti sehingga kekeringan idea di PBT berkaitan. Kita juga sedia maklum semua agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Daerah dan lain-lain pelbagai agensi kerajaan bertukar di dalam organisasi satu Malaysia terutama bagi para pegawai dalam kumpulan A.

YB Puan Speaker dan Ahli Dewan yang dihormati sekalian,

Pengarah-pengarah Jabatan merupakan komponen yang penting dalam struktur pentadbiran PBT kerana ia akan menuruskan dalam dasar serta mengikut arus pentadbiran Dato' Bandar atau yang Di Pertua. Walaupun Dato' Bandar atau Yang Di Pertua sering berpindah termasuk telah juga Timbalan Dato' Bandar atau pun

Setiausaha, para Pengarah yang lazimnya berpengalaman luas ini akan terus tinggal untuk memastikan kesinambungan pentadbiran PBT dan akan terus berterusan di situ sehinggalah mereka tamat perkhidmatan. Aspek ini nampak seperti positif bagi PBT tetapi sejauh manakah keberkesanan serta tanggungjawab dan amanah yang ada pada individu yang bergelar para Pengarah ini. Dato' Bandar atau Tuan Yang Di Pertua ibarat seperti burung hinggap dan Pengarah-pengarah merupakan sarang burung yang penuh berisi. Setelah setahun pakatan rakyat yang mengambil alih tampuk pemerintahan kita dapati ramai sekali para Pengarah ini seperti jinak-jinak burung merpati didekati boleh nak tangkap lari seperti mana disebut oleh Sekinchan semalam, ramai antaranya membina kekuatan dan pengaruh diri untuk melaksanakan agenda peribadi dan kita dapat banyak maklumat yang cukup merisaukan dan lagi merimaskan. Burung hinggap hanya menghisap madu dan terus terbang bila-bila, dan terus terbang pergi bila tiba waktunya. Sarang burung akan terus kekal tetap ada bahkan semakin kukuh bahkan bertambah pengaruhnya. Saya tidak mahu berpandangan negatif dalam memberikan penilaian serta bukan semata-mata ingin menjatuhkan mana-mana Pengarah tetapi niat saya ingin melihat PBT sebagai mata dan telinga serta jari utama kepada Kerajaan Negeri lebih efektif, inovatif dan kembali kepada landasan sebenar sepertimana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam.

YB Puan Speaker, saya berpandangan jika seseorang berada di suatu tempat kerja dalam tempoh masa yang terlalu lama mungkin individu berkenaan akan ketandusan idea serta semakin hilang semangat kerja walaupun mungkin dalam waktu itu mereka juga merupakan satu individu yang cukup berpengalaman dalam semua segi. Dilihat pada implikasi pentadbiran apabila seseorang berkhidmat lebih 5 tahun sebagai Pengarah di mana-mana satu agensi kerajaan atau PBT ini dominasi pengaruh dan anasir ataupun unsur-unsur negatif membangunkan kronisme di persekitaran sedia ada mula berkembang dan merebak walaupun pada masa sama sebenarnya mereka juga mengutip banyak pengalaman. Sebenarnya YB Puan Speaker, tidak sedikit aduan, laporan dan rungutan dari rakyat yang didengari sejak sekian lama dan berterusan sampai hari ini berkaitan dengan Pengarah-pengarah jabatan ini. Justeru itu saya amat berharap Y.A.B. Dato' Menteri Besar, YB EXCO yang berkaitan mungkin boleh membantu mereformasi para Pengarah ini dengan cara dipindahkan ke tempat baru. Kebiasaannya pemindahan ke tempat baru di kalangan para Pengarah yang cukup berpengalaman ini akan menyuntik keazaman untuk membangunkan sesuatu kawasan dan mencurahkan pengalaman yang mereka ada di tempat yang mereka dipindahkan.

YB Puan Speaker, saya ingin berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang objektif kenapa pemindahan ini perlu dilaksanakan. Pertama, ianya mungkin boleh memberi ruang kepada Pengarah yang kaya pengalaman ini untuk membantu membangunkan kawasan PBT yang kurang membangun dengan pengalaman yang mereka ada. Yang kedua, untuk menyuntik semula semangat para Pengarah di mana dengan pengindahan yang dilaksanakan ini akan meningkatkan organisasi daripada segi moral, idea dan juga keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. Ketiga, mengukuhkan hubungan antara PBT dengan pemindahan yang dilaksanakan dengan hubungan baru yang terjalin di antara para Pengarah. Dan yang keempat yang terpenting sekali, kita cuba boleh untuk mencuba mencapai hasrat Kerajaan Negeri dalam melaksanakan '*good government*' dengan izin, kita dapat mengatasi aspek kronisme apabila terlalu lama bertapak di sesuatu tempat.

YB Puan Speaker, cabaran yang sedia ada sekarang adalah sikap setengah Pengarah yang kelihatan mula kurang efisien dan kurang daya saing bagi mempertingkatkan

prestasi PBT yang mereka wakili. Ada sebilangan besar dari mereka ini hanya menantikan kenaikan pangkat sahaja dan tidak mengamalkan sikap pro aktif. Mereka seperti hilang idea untuk melaksanakan visi dan perkara baru kerana sudah terlalu lama di situ bahkan untuk mengatasi sesuatu masalah setempat pun kadang-kadang mereka terpaksa membawa turun Dato' Bandar ataupun Yang Di Pertua ke kawasan-kawasan yang diadakan. Sikap ini merugikan pihak Kerajaan Negeri kerana kebanyakan mereka ini adalah merupakan golongan-golongan profesional yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya ilmu mereka demi kemajuan Negeri Selangor selaras dengan visi menjadikan negeri idaman maju sejahtera dan berkeadilan. Apabila lebih 5 tahun bekerja di satu-satu tempat ramai golongan ini hilang tumpuan dan hanya mengutamakan kenaikan pangkat untuk diri sendiri tanpa memikirkan idea pembangunan setempat. Banyak tempat yang telah diperkatakan, banyak perkara ini yang telah diperkatakan semalam contohnya daripada Sekinchan di mana Pengarah-pengarah ini jika kekal di satu-satu kawasan ia mula menimbulkan perkara-perkara negatif dan tidak banyak sangat membantu kerajaan. Pengalaman setahun kita dalam pentadbiran kerajaan baharu di PBT ini dengan jelas memperlihatkan kelemahan yang perlu diatasi dengan tindakan seberapa segera. Sewajarnya para Pengarah ini berperanan sebagai orang hadapan dan orang harapan Kerajaan Negeri bersesuaian dengan gred mereka yang lebih kurang sama seperti dengan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam di peringkat pusat. Saya amat gusar apabila seseorang terlalu lama di satu-satu tempat pemikiran negatif akan mula timbul kerana penumpuan pemikiran beralih arah daripada memajukan kawasan setempat terarah kepada mengumpul kekayaan peribadi. Ini kerana golongan ini sudah mencongak masa hadapan mereka yang tidak ke mana-mana dan akan pencen di kedudukan tersebut. Ini akan menjana perubahan dari sikap pro aktif kepada pasif yang merugikan pentadbiran Kerajaan Negeri disebabkan jawatan mereka yang tetap dan berpencen.

YB Puan Speaker, oleh itu saya mencadangkan mengelaskan PBT dibuat mengikut kemampuan sepertimana yang saya akan sebutkan ini, di mana dalam kelas yang pertama kita boleh gredkan atau kelaskan PBT A ialah merangkumi PBT, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang. Manakala Gred B, kita agihkan kepada Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Manakala dalam kategori C ialah Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam. Untuk makluman Pengelasan PBT ini dibuat mengikut gred berdasarkan kemampuan kewangan, pentadbiran, kutipan cukai dan juga keluasan kawasan. Dengan menggredkan PBT maka para Pengarah boleh dicadangkan dipindahkan di kalangan gred-gred PBT yang setara dan bersesuaian. Pemandahan di kalangan gred PBT dan yang lain juga boleh dilaksanakan mengikut skim jawatan yang ada serta kesesuaian semasa. Pengelasan PBT merupakan garis panduan dan keputusan berpindah ke PBT lain boleh dilaksanakan mengikut arahan Kerajaan Negeri bagi memastikan kelancaran pertukaran dilaksanakan seberapa segera....seminit lagi Puan Speaker.

Dengan Negeri Selangor mengamalkan tadbir urus yang baik atau '*good governance*' dengan izin maka tibalah masanya PBT juga perlu mengikut rentak ini selaras usaha memantapkan produktiviti PBT kepada rakyat. Kita dapat dilihat di syarikat korporat pemindahan eksekutif, pengurus dan ketua unit adalah telah menjadi suatu kebiasaan bagi tujuan meningkatkan produktiviti. Jadi adalah wajar jika penekanan tadbir urus yang baik ini diterapkan ke dalam PBT bagi mencerminkan Selangor negeri yang

pertama dalam pentadbiran kerajaan baru cara baru dan juga idea yang baru. Dengan cara pertukaran antara Pengarah di peringkat PBT ini sahaja maka hasrat tuanku, Sultan yang menasihatkan supaya PBT terus memberikan tanggungjawab asasnya iaitu menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, pengurusan sampah cekap, pemotongan rumput dengan sistematik dan lampu jalan yang sentiasa berfungsi dapat dilaksanakan. Apa yang lebih penting pertukaran ini akan menjadikan PBT lebih pantas mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima di mana kalau kita lihat sebelum ini aduan yang dikemukakan sejak tahun 2004 pun belum diambil tindakan yang sewajarnya. Mana-mana Pengarah yang gagal mencapai indicator atau pun KPI yang ditetapkan hendaklah dibekukan dari kenaikan pangkatnya sehingga ia mencapai ke tahap yang dikehendaki. Sekali lagi saya ingin merakamkan...

**PUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Muda tolong gulung....

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ucapan terima kasih. Tiga saat sahaja, terima kasih menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah menunjukkan 1.03 minit dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 1.03 tengah hari.**

## Dewan disambung semula

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan di sambung semula. Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Dipersilakan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Tuan Speaker, Rawang ingin menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian. Saya amat berbangga kerana selepas setahun Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor rakyat jelata dengan hampir sebulat suara menyanjung tinggi dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor yang usianya hanya setahun. Menurut kajian yang dijalankan oleh Chinyu yang pada lima ribu seratus empat orang anak Selangor dengan markah purata 7.36 mata telah diberikan kepada kerajaan negeri kini yang sentiasa giat berusaha untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat Selangor. Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan barisan EXCO yang berjaya menjalankan tugas seperti yang telah diamanahkan oleh penghuni Selangor. Namun demikian, pihak kerajaan negeri harus giat berusaha. Dalam kajian tersebut kerajaan negeri turut berpendapat bahawa kerajaan negeri masih lemah dalam menangani masalah isu setempat. Kerjasama antara parti dan Pakatan Rakyat yang lemah turut merisaukan mereka. Sehubungan dengan ini, saya menyeru supaya pihak Kerajaan Negeri menitik beratkan kedua-dua aspek ini yang akan meningkatkan lagi keberkesanan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya amat tertarik dengan ucapan Tuanku dan menekankan demokrasi, yakni rakyat yang menentukan hala tuju masyarakat mereka. Ingin saya tekankan di sini bahawa satu lagi unsur yang penting dalam konsep demokrasi adalah pengasingan kuasa. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya semua pegawai Pejabat Dewan terutamanya Setiausaha Dewan diasingkan daripada Eksekutif (dengan izinnya) iaitu hanya terletak di bawah Dewan dan Tuan Speaker sahaja. Oleh itu saya ingin, dan Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem raja perlembagaan maka demonstrasi dan perasingan kuasa atau dengan izinnya "*subricent of power*" menjadi teras kerajaan Malaysia dan negeri-negeri yang tertakluk di bawahnya. Dalam sistem tersebut kemerdekaan atau defendan dengan izinnya di antara ketiga-tiga eksekutif, ... (dengan izinnya) adalah amat penting. Demi memastikan pengasingan kuasa ini saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat mengkaji dan merombak semula struktur pentadbiran tersebut. Dengan rombakan ini, Dewan dapat memainkan peranan aktif dalam memantau atau *check and balance* (dengan izin) untuk memastikan nilai tadbir urus baik iaitu *good governance* di *practice* kan dalam setiap aspek dalam pentadbiran kerajaan negeri. Dalam usaha ini satu Jawatankuasa Tetap harus ditubuhkan dengan Tuan Speaker sebagai Pengerusi Tetap dan beberapa Ahli Dewan dilantik oleh Tuan Speaker. sebarang pelantikan, pertukaran dan peletakan jawatan Pegawai Dewan mesti mendapat persetujuan Jawatankuasa Tetap tersebut. Dalam erti kata lain, pihak kerajaan negeri hanya berperanan untuk memberi cadangan atau calon sahaja. Selain itu gaji pegawai-pegawai dewan turut diperuntukkan oleh Dewan tetapi bukan dari Kerajaan Negeri. Saya menyarankan kepada Yang Amat Berhormat agar cadangan ini dibincangkan bersama-sama Tuan Speaker. Saya yakin Pakatan Rakyat yang

mendukung sistem demokrasi berparlimen pasti menyokong tindakan ini yang akan memuliakan lagi Dewan Negeri sebagai Penggubal Undang-undang dalam negeri ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam pentadbiran setahun dalam Pakatan Rakyat, Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab dan bertelusan iaitu *accountability and respectivity* (dengan izin) telah diserapkan dalam lapisan pentadbiran Kerajaan. Akan tetapi saya akan mengambil peluang ini untuk menyeru supaya Kerajaan Negeri mengadakan Enakmen kebebasan Informasi dan Makluman atau *freedom of information* (dengan izin) dengan komitmen negeri dengan mara selangkah ke depan mengamal prinsip ketulusan. Enakmen ini adalah penting bagi memastikan rakyat dalam *access* segala dokumen, maklumat yang berkepentingan dan seterusnya mengelakkan penyelewengan dalam urus tadbir dalam Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, PBT dan Pejabat Tanah Daerah merupakan dua agensi Kerajaan Negeri yang amat penting kerana mengendalikan aduan isu setempat dan hal ehwal tanah. Keberkesanan kedua-dua agensi patut dipertingkatkan menunjukkan prinsip kerajaan Pakatan Rakyat yang bersifat bertanggung jawaban. Untuk PBT misalnya, *system STARS online* atau sistem aduan rakyat adalah amat berkesan dalam mencatatkan aduan rakyat tetapi kurang ditekankan kepentingannya. Fenomena yang berlaku sekarang ialah biasanya setelah sesuatu aduan di buat, rakyat tidak dimaklumkan dengan tindakan susulan yang diambil, oleh itu saya menyarankan segala aduan yang di buat oleh rakyat seharusnya dimaklumkan dari masa ke semasa langkah yang diambil oleh PBT baik melalui E-mel ataupun surat menyurat agar rakyat ataupun Kerajaan sentiasa *responsive* terhadap keperluan rakyat. Bila sentuh tentang PBT, ada juga saya mendapat maklumat tentang penyelewengan kuasa yang berlaku di MBSJ yang mana pegawai penguat kuasa dan perlesenan dan YDP sering salah guna kuasa dan berpakat dengan orang-orang tengah serta ahli majlis tertentu sebagai agen memungut *under table money* (dengan izin) untuk pihak mereka dan ini khasnya dilakukan terhadap pengusaha-pengusaha dalam industri rumah urut tradisional, refleksologi ataupun karaoke. Mereka semua ini ada lesen tetapi masa ingin *renew* (dengan izin) lesen mereka tetapi telah diminta *under table money* (dengan izin) oleh mereka-mereka yang disebut di atas. Barang siapa tidak mematuhi atau tidak bayar maka sita akan dilakukan terhadap premis mereka tanpa sebarang budi bicara dan notis pemberitahuan. Dan jumlah wang *under table money* (dengan izin) yang saya dimaklumkan bahawa adalah sekurang-kurangnya 10000 – 15000 ataupun 30000 setahun. Sekiranya fenomena ini tidak ditangani dengan secepat mungkin saya rasa reputasi PBT dan Pakatan Rakyat sekarang akan terjejas. Jadi saya mohon supaya fenomena ini disiasat dengan secepat mungkin dan satu penjelasan harus diberi kepada rakyat, supaya saya juga rasa pengusaha perlukan satu jawapan terus daripada pihak kerajaan. Selain itu, walaupun pemungut pejabat cukai tanah merupakan salah satu punca hasil yang amat penting dalam kerajaan negeri, namun hasil tinjauan saya ke Pejabat Tanah Gombak mendapati banyak lagi permohonan tanah yang tertangguh. Walaupun pihak Pejabat Tanah telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pejabat Tanah setiap bulan bagi mempercepatkan semua permohonan tanah namun kekurangan jawatan S.O. / *Server Officer* (dengan izin) menyebabkan laporan tidak menyebabkan disiapkan dalam masa yang paling singkat. Oleh itu saya minta pihak PTG dan Menteri Besar supaya mengkaji semula nisbah pegawai S.O. yang sedia ada dalam setiap PTG dengan jumlah urusan permohonan tanah supaya keefisienan pentadbiran tanah dapat ditingkatkan. Selain itu urusan kelulusan dan pemeriksaan tanah yang sedia ada juga terlalu tertumpu kepada peringkat barisan EXCO sehinggakan banyak fail bertimbun di peringkat PTG. Saya ingin mencadangkan di sini supaya Ahli Jawatankuasa Tanah diwujudkan semula di PTG agar ADUN di setiap kawasan diberikan peranan untuk memeriksa permohonan tanah dalam Pejabat Tanah dan dengan cepatnya semua



permohonan ini dapat disegerakan. Dan tidak lupa juga dalam Jawatankuasa Tanah ini haruslah dimasukkan pegawai Pejabat Tanah dan pihak-pihak berkenaan supaya urusan tanah dapat dipercepatkan. Syor-syor yang dicadangkan *land task force* (dengan izinnya) khasnya dalam aspek pengintegrasian sistem IT dalam pengurusan tanah perlu diutamakan supaya kerja-kerja di antara bahagian dalam Pejabat Tanah dapat diselaraskan dan rakyat dapat menyemak status permohonan tanah mereka secara *online* (dengan izin). Isu pertindihan tanah juga dapat dikurangkan dengan adanya ketulusan dalam urusan pentadbiran tanah. Rawang juga menyambut baik langkah kerajaan negeri dan mengadakan pakej perangsang yang menggariskan lima bidang utama bagi membantu keadaan ekonomi yang dalam keadaan merunsiung sekarang. Antara termasuklah pembersihan Sungai Klang yang merupakan sungai utama dan paling tercemar di Selangor. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian bahawa kesejahteraan hidup anak Selangor tidak akan terjaga sekiranya masalah banjir tidak dapat diselesaikan. Saya amat bersyukur kerana EXCO Yang Berhormat Gombak Setia telah menjalankan tugasnya untuk berjumpa dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan untuk mendrafkan pelan tindakan banjir untuk jangka masa panjang seperti yang dijanjikan dalam sidang yang lalu. Rawang berharap Yang Berhormat Gombak Setia tersebut agar rakyat Selangor sedia maklum dengan langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri. Namun begitu sebagai penyelesaian jangka masa yang pendek saya mencadangkan agar Pihak JPS atau PBT dapat membersihkan sungai dengan cara berkala. Tujuan kerja ini mengelakkan sungai menjadi semakin cetek ataupun aliran sungai terganggu kerana timbunan sampah-sampah dan pasir sungai. Kejadian ini telah berlaku di Sungai Rawang. Projek pembesaran Sungai Rawang sepatutnya disiapkan pada Disember 2007 telah ditangguhkan kerana kontraktor yang lama tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik. Sehingga kini tiada sebarang maklum balas status projek ini walaupun kita telah menulis surat kepada pihak JPS. Saya berharap projek ini dapat dipulihkan dengan secepat mungkin kerana Rawang juga merupakan di antara kawasan yang terkenal dengan banjir terutamanya pada musim hujan. Langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan keefisienan pengangkutan awam adalah ketara dengan meletakkan pembinaan rangkaian LRT salah satu aspek utama dalam pakej rangsangan negeri. Namun saya ingin mengingatkan bahawa sistem pengangkutan awam perlu ditangani secara holistik dan bukan sahaja tertumpu dalam bidang LRT tapi juga dalam bidang pengangkutan bas. Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri berbincang dengan Syarikat-syarikat bas untuk membajetkan bilangan bas yang berulang alik dari stesen LRT ataupun tempat awam ke tempat kediaman. Konsep bas komuniti dapat diaplikasikan dengan pengambil penduduk-penduduk setempat yang penganggur sebagai pemandu, pembantu bas ataupun konduktor. Selain itu jaringan jalan yang selesa dan lancar amat penting dalam menjayakan sistem pengangkutan awam yang efisien. Rawang bertuah sebagai satu yang semakin membangun dalam projek-projek perumahan dan perindustrian. Tetapi malangnya jalan utama dalam kawasan Rawang tidak pernah dinaiktarafkan sejak tahun 1980an di antaranya termasuklah Jalan Persekutuan dan Negeri yang menghubungkan ... ke Tol Rawang dan dari Tol Rawang ke Bandar Tasik Puteri. Jalan ini adalah sangat penting kerana ia menghubungkan pekan Rawang, sekolah, kawasan perumahan dan kawasan industri Rawang kerana terletak berhampiran dengan lebuh raya. Walaupun kerajaan pusat melalui wakil rakyatnya lepas telah mengumumkan projek naik taraf sejak 20 tahun yang lalu namun sampai sekarang tiada maklum balas daripada Pihak JKR. Saya berharap pihak Menteri Besar dan barisan EXCO boleh membangkitkan isu ini semasa pertemuan dengan Kerajaan pusat dan langkah yang proaktif boleh di ambil bagi mengatasi kesesakan lalu lintas Rawang yang semakin membangun ini. Selain itu Jalan *Waterfall* Rawang yang sangat

sempit sehingga hanya sebuah kereta sahaja yang dapat melaluinya perlu diberi perhatian yang serius. Walhal jalan ini jalan utama untuk penduduk taman-taman perumahan dan kampung-kampung yang berada di sekelilingnya. Jalan ini juga digunakan sebagai laluan pintas ataupun laluan alternatif untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar Rawang. Walau bagaimanapun jalan yang panjang hanya 500 meter ini telah menyeksa penduduk setempat kerana kerap kali kemalangan jalan raya berlaku di selekoh jalan itu. Yang amat mengecewakan walaupun Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa sedar atas masalah ini namun masih tidak tindakan yang pro aktif diambil untuk mencari penyelesaiannya. Sama ada mengadakan perjumpaan dengan penduduk setempat, pengambilan tanah sekiranya perlu ataupun memohon peruntukan kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai langkah dalam menangani kemelut ini. Saya berharap agar selepas Sidang Dewan ini pihak MPS akan bergerak dengan secepat supaya kertas kerja dapat dibentangkan pada MMKN untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam usaha menaikkan Selangor sebagai negeri maju, Kerajaan Selangor telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan IT. Sistem IT yang disediakan oleh Pihak Kerajaan Negeri tidak mungkin dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sekiranya kerajaan tidak menyediakan infrastruktur ataupun kelengkapan yang sepatutnya kepada rakyat. Dengan ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri di bawah ICT memberi kupon komputer kepada pelajar-pelajar Sekolah Rendah khasnya mereka daripada golongan menengah rendah ataupun mereka yang memerlukannya. Langkah ini adalah amat penting bagi merapatkan jurang IT antara Bandar dan Desa. Seterusnya membolehkan maklumat disampaikan dengan cepat dan tepat kepada rakyat serta menggalakkan rakyat jelata menggunakan kemudahan IT dengan semaksimanya dalam kehidupan harian mereka. Akhir sekali Rawang ingin merakamkan penghargaan kepada Pihak Berkuasa Negeri kerana telus dalam menangani masalah setengah masalah di Rawang. Setelah dilakukan beberapa kali perbincangan bersama pengusaha-pengusaha industri Rawang dan EXCO Yang Berhormat Kinrara berkenaan kadar cukai tanah di kawasan perindustrian Rawang yang mana dikenakan kadar cukai berbeza, akhirnya penyelesaian yang diluluskan oleh MTES memuaskan pengusaha-pengusaha industri Rawang dan secara tidak langsung meringankan beban mereka dalam membayar cukai tanah. Kini setelah sentuhan terakhir dalam proses menyediakan kertas EXCO bagi kelulusan MMKN dan kerjasama daripada pegawai-pegawai di PTD Gombak adalah amat perlu untuk melaksanakan keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat MTES. Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Terima kasih Tuan Speaker Kota Damansara ingin menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seperti yang kita menerima berita berkenaan dengan krisis ekonomi memanglah menggerunkan kerana kami mendapati bahawa krisis ekonomi ini berlaku boleh dikatakan setiap sepuluh, dua belas tahun tetapi kita nampaknya tidak bersiap sedia walhal kita tahu akan datang, kalau kita tengok masa-masa yang lepas sepuluh, dua belas tahun akan timbul krisis ekonomi. Ini juga memberi gambaran terhadap kerakusan kapitalis bersaing mengejar keuntungan namun kita masih belum faham ataupun tidak mahu faham dan seolah-olah kita menunggu krisis ini, lepas itu kita kelam kabut. Akibat segala-galanya juga ialah kita merasakan bahawa akibatnya rakyat menderita, rakyat

yang miskin merata, apa tah lagi dengan inflasi yang timbul. Dan kita juga tahu apabila timbulnya krisis ekonomi maka timbullah bagai krisis yang lain dari segi kebudayaan dan kepimpinan sebut sahajalah segala-galanya diiringi dengan krisis ekonomi.

Sebenarnya Tuan Speaker yang kaya sebenarnya terkaya tidak rugi mereka sudah dapat berita lebih awal lagi, ombak tsunami krisis maka mereka menarik wangnya dalam pasaran dan ini menimbulkan lagi masalah kerana orang golongan kapitalis ini lebih senang menggunakan duit orang daripada duit sendiri. Maka itu juga dia akan sama ada dia akan laburkan di tempat lain atau pun dia menunggu kerajaan untuk memberi wang untuk membangunkan ekonomi Negara. Ini yang telah berlaku tetapi pada tiap-tiap krisis ekonomi ini yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin menjadi papa kedana. Golongan kapitalis yang besar dapat bertahan, kapitalis yang sederhana, yang peringkat bawah hancur kerana saingan itu amat hebat menimbulkan masalah kepada diri mereka. Justeru itu juga kita amat risau apabila wang datang daripada tujuh bilion menjadi enam puluh bilion, kita tidak tahu mana duit itu datang, yang lima bilion itu datang dari EPF. Saya sangat kecewa kerana EPF itu adalah wang pekerja sama ada mereka menuntut, memohon kepada golongan pekerja atau tidak kerja sentiasa mengalami tekanan. Di mana wangnya berbilion-bilion mungkin thirtlion dalam bendahara EPF tetapi rakyat masih menderita. Kerajaan boleh meminjam tetapi rakyat sebagai pekerja menderita. Ini adalah satu pemikiran atau pun kerja songsang kerana pengalaman saya cuba mempertahankan golongan pekerja sedih tapi kita tahu berbilion-bilion duit pekerja itu ada disimpan. Kadang-kadang kita rasa bangga kerajaan tidak meminjam dari luar negara tetapi pinjam ke EPF sama ada bayaran itu macam mana kita pun tak fahamlah. Justeru itu juga seperti mana titah Duli menyebutkan kapital kita meningkat 2008 dan 2009. Ada kajian menunjukkan apabila kita kaji daripada ..... antara jurang antara negara yang terlalu kaya dan miskin Malaysia adalah nombor satu dalam Saudi Asia dengan izin dan nombor dua dalam Asian. Ini tidak ada yang harus kita banggakan, kita fikir negara-negara jiran mengalami masalah itu. Bayangkanlah di dalam keadaan sekarang ini betapa susahnyanya dan juga kita dapat lihat kita pernah sebut dahulu apabila wujudnya krisis ekonomi, kita juga bermasalah dengan krisis makanan. Kerana kita sudah lama mengabaikan dunia pertanian kerana kita sanggup membeli di tempat lain, bila berlaku krisis ekonomi memang kita bermasalah dan ini juga kita tahu oleh kerana memberat kepada perindustrian daripada pertanian maka timbullah berbagai-bagai masalah yang telah saya sebutkan tadi. Memang senario dunia pun memang menunjukkan bahawa krisis ekonomi adalah paling teruk semenjak seribu sembilan ratus tiga puluhan lagi. Bermakna seluruh dunia seperti yang diketahui tak kisah Amerika, Eropah, Jepun, China, Rusia, Asia, Australia, Amerika Latin semua juga mengalami tekanan. Masalahnya ialah pembuangan kerja Malaysian ..... Telah ..... ..menjangkakan dua ratus ribu akan hilang kerja 2009 dibandingkan 1998 hanyalah lapan puluh lima ribu Timbalan Chief Tan Sri P. Razak menyatakan lima puluh ribu daripada jumlah sembilan puluh ribu pekerja Malaysia di Singapura sudah dihentikan. Dianggarkan juga dua juta pekerja tidak berdokumen ada di dalam Negara kita selain daripada pekerja yang berdokumen. So ini juga kita merasakan bahawa dasar kita, polisi kita iaitu polisi eksport.... dengan izin hingga menyebabkan kita bergantung sangat kepada Negara asing apabila kita tidak membeli barangan kita, kita tersungkur dan juga kajian ada data menunjukkan empat puluh peratus jatuh. Barang yang tidak orang tak meminta maka itu juga masalahnya kita selalu menceritakan pekerja yang dibuang pekerja. Pekerja yang masih bekerja, pemotongan gaji, pemotongan kurang masa OT dipotong, masa bekerja dikurangkan. Banyak golongan pekerja mengharapkan kepada OT, *overtime* untuk hidup, bayangkan tidak ada *overtime* bagaimana mereka hendak hidup, hendak membayar sewa rumah

dan berbagai lagi kerana kita lebih memikirkan dibuang kerja, yang masih bertahan bagaimana kedudukan mereka. Itu harus kita ambil kira kerana saya merasakan bahawa mereka amat menderita dan juga sekarang ini boleh dikatakan bank mengejar mereka, Along mengejar mereka, kadang-kadang dia minta meminjam daripada Along dan datang kepada kami, kami juga susah bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Satu lagi juga dalam keadaan seperti ini masalahnya penduduk-penduduk rumah, projek penduduk rumah ialah PTR rakyat mereka juga mengalami masalah lama dah saya sebutkan bahawa mereka tetap diabaikan. *List* walaupun telah saya sebutkan patut dibaiki, baik sekejap dan lainnya tidak dibaiki bangunan itu dah nampak macam hutan dah tidak dicat, sewa rumah daripada satu dua puluh empat kepada dua ratus lima puluh kita janjikan untuk menurun kepada satu dua puluh empat. Majlis Bandaran masih *charge* dua ratus lima puluh kerana tidak dapat arahan dari Lembaga Perumahan untuk menurunkan. Saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil kira perkara ini kerana apabila tertunggak mereka panik. Kalau dibuang tempat perumahan bagaimana kedudukan mereka dan juga tertunggak hanya kami dapat melakukan adalah memohon kepada Majlis Bandaran untuk bertolak ansur untuk membayar tunggakan dalam pecahan-pecahan tertentu tetapi mereka tetap takut dan itu sahaja Majlis Bandaran perlu buat, boleh buat, yang boleh mengarahkan adalah Lembaga Perumahan dengan kerjasama EXCO untuk menurunkan satu ratus dua puluh empat, mereka sudah ada data-datanya bukan tidak ada, data-datanya kita berharap percepatkan lagi kerana isu ini telah keluar dalam surat khabar saya pun dah buat *statement* terhadapnya kerana saya gelisah bila datang apa alasan yang hendak diberi kerana sudah diberitahu bahawa akan diturunkan satu ratus dua puluh empat. Juga saya merasakan bahawa dalam keadaan seperti ini pengalaman saya tidak kira Lembaga Zakat ataupun Jabatan Kebajikan bila rakyat bermasalah kami menulis penduduk datang kepada kami dua tiga bulan tidak ada dengar khabar. Ada yang dah bayar lepas itu berhenti begitu sahaja, mereka lapor kepada kami nak hantar anak sekolah macam mana saya kena panggil. Tetapi cara yang menjawab itu *this no* ..... Dengan izin. Untuk menyelesaikan membantu penduduk ini kalau kita kaji dari segi apa yang ada di dalam Lembaga Zakat dan Jabatan Kebajikan, kalau ikut syarat-syaratnya sepatutnya Selangor tidak ada orang miskin. Tetapi pada pandangan saya bahawa *this no*..... dengan izin maka itu timbul masalah pada penduduk-penduduk kerana ramai penduduk miskin di dalam kawasan Kota Damansara. Kita juga merasakan bahawa wang di pakej rangsangan yang diutarakan oleh Kerajaan Pusat memang kita alu-alukan. Soalnya bagaimana ia diagihkan, adakah untuk orang-orangnya sekali, ya. Masa dulu begitulah walaupun banyak mana datangnya 60 bilion ini pun saya tak tahu. Ya timbul-timbul dah ada enam puluh bilion, kalau ada kita berharap digunakan dengan sebaik boleh supaya rakyat tidak menderita dalam keadaan sekarang ini yang mengatakan melampaui 19 darjah punya *depress*. Dan saya percaya sejak tahun dulu Kerajaan Negeri Selangor dah menyuarakan terhadap krisis ini cuba kita bersedia agar tidak menghadapi dengan seolah-olah kita tidak bersedia dengan tekanan krisis ekonomi ini. Ada juga nak memberi *training*, memberi duit, *training* selepas *training* apa jadinya, ada kerja atau tidak sebab sekarang tidak ada kerja. Ya mungkin kita kata *training* itu untuk masa akan datang. Yang masalahnya sekarang selain daripada *training* apa yang harus kita lakukan pada mereka, yang menderita pada masa sekarang ini. Ada beberapa cadangan yang saya ingin ajukan satu itu kita ingin tubuhkan tabung pembuangan pekerja kalaulah sebenarnya Kerajaan Pusat mendengar cadangan MTUC ..... Menyatakan satu ringgit untuk pekerja, satu ringgit datang daripada majikan. Kita sudah ada wangnya berjuta untuk membantu tabung pembuangan pekerja. Saya juga berharap Kerajaan Negeri juga boleh melakukannya supaya rakyat kita sentiasa keadaan mereka terjamin. Dan ini harus dilakukan masa keadaan ekonomi kukuh,

selalunya bila dah kukuh semua mengejar keuntungan rakyat tetap menjadi mangsa pada zaman kegemilangan ekonomi dan juga masa krisis ekonomi. Kita wujudkan peluang pekerjaan dengan wang yang ingin diberikan aturkan wang itu kepada badan-badan tertentu supaya mereka boleh mengagihkan seperti JKR, Lembaga Perumahan Negeri, Majlis Tempatan dan Agensi-agensi Kerajaan untuk mengagihkan kepada rakyat-rakyat yang memerlukan daripada badan-badan tertentu yang kita tidak tahu salurannya ke mana dan akhirnya kita dengar duit dah habis. Yang satu lagi adalah laksanakan dan dimintasikan gaji minima, ada yang menyatakan bahawa orang-orang pekerja asing tidak patut dapat gaji minima. Oleh kerana tidak ada gaji minima maka pekerja asing dan tempatan sentiasa ditindas, kerana tidak ada gaji minima dan Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengadakan gaji minima dan juga kami memang mengharapkan bahawa gaji minima ini akan dilaksanakan dalam syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan Negeri, JLC. Rombak skim pinjaman kerana ada yang meminjam bank kerana tidak dapat bayar sudah *blacklist*, pinjam tempat lain tidak ada. Dan kita mengharapkan dapat menanggungkan atau membekukan ataupun mengurangkan bayaran dalam keadaan yang tertekan seperti ini. Juga kita mengharapkan beri tanah kepada rakyat ini untuk pertanian. Mana tahu tanah kosong yang tidak mengganggu pembangunan tertentu dan mungkin jangka masanya 5 – 6 tahun lagi nak dibangunkan kita beri pada mereka untuk bercucuk tanam dengan adanya Jabatan Pertanian dan juga perikanan kita cuba juga memikirkan. Dan paling-paling teruk kalau berlaku biarlah ada catuan, kupon ke '*fruits basket*' ke untuk menampung mereka yang susah kerana kami dapat ada yang memang miskin sangat memang tidak ada duit, nak makan pun tidak ada, ada yang suami lari tidak tahan, ada yang ibu yang masih hamil, suami lari dan kita kena berhubung dengan hospital untuk cuba bertolak ansur supaya dia dapat melahirkan anaknya dan keadaannya terkawal. Dan juga kami mengharapkan jangan turunkan cukai korporat, bila kita turunkan cukai korporat nak naikkan balik cukup susah. Kalau kita turunkan cukai korporat cukai yang lain itu akan diperah pada rakyat-rakyat jelata. Maka itu juga kita tidak senang dengan GST '*Good Services Tax*', penswastaan juga untung kaya, '*Free Trade Agreement*' juga, kerana '*Free Trade Agreement*' dengan Amerika dan mana-mana saja '*it's a another former coller organisation*' kerana kita menjadi hamba kepada mereka, mereka menentukan segala-segalanya dari segi mereka boleh masuk tender, kita kena beli alat-alat ubatan mengikut spesifikasinya maka itu kita berbalik kepada negara yang di '*colorize*' dengan izin. Tuan Speaker, berkenaan dengan pembangunan telah saya katakan kita ambil iktibar dari krisis ekonomi ini khususnya dari *cycle* yang sentiasa berlaku ini tiap 10 – 12 tahun dan kita tahu kaitan dengan masalah-masalah yang lain kita harus bersedia mungkin 2019 akan satu *round* lagi krisis ekonomi apa yang harus kita lakukan bagaimana kita nak bersedia supaya bila berlaku kita '*in good standing*' dengan izin. Saya juga memuji dari segi kerajaan negeri merakyatkan ekonomi Selangor yang memang ada sosial dan aspek ekonomi bagaimana kita nak mengimbangkannya hanya saya harap-harap sangat supaya kita menjiwai apabila kita mengatakan sosial ini kerana lebih senang kita terpengaruh dengan ekonomi kerana boleh buat kira-kira, sosial macam mana kita nak buat kira, *cost of living* ke, *living standard* dan seterusnya. Kerap kali pada masa-masa yang lepas aspek sosial ketinggalan yang saya mengharapkan apabila kita mengatakan merakyatkan ekonomi Selangor betul-betul kita berbuat begitu, betul-betul kita ambil kira masalah rakyat kerana mereka adalah tulang belakang kepada ekonomi negara dan mereka juga adalah pekerja kerana yang bekerja adalah rakyat dan yang bekerja menampung yang tidak bekerja tidak kira dia muda, anak ataupun yang tua. Satu lagi adalah berkenaan dengan pembangunan adalah problem birokrasi, saya dapati bahawa birokrasi ini menebal apabila mereka sendiri tidak faham dasar hala tuju kita. Bila mereka tidak faham hala tuju kerajaan birokrasi itu menjadi '*monster*' dengan izin

bermakna banyak lapisan nak berjumpa dengan siapa pun susah kerana tidak hala tuju kerana birokrasi tujuannya adalah untuk memperlicinkan dasar-dasar arahan hala tuju kerajaan negeri. Ini juga saya merasakan bahawa harus kita mengambil perubahan dari segi minda mungkin masa dulu senang kita dah mengatur, pagi apa kita patut buat, tengah hari apa kita buat, bila kita nak balik tetapi apabila dengan kerajaan baru kena ubahkan keadaan mengatur langkah dan kita berharap birokrasi kita lebih dinamik untuk cuba perubahan jangan kita cuba kekalkan yang lama hingga melembapkan pertumbuhan kerajaan negeri. Juga telah saya sebutkan bahawa biarlah kita imbangkan sektor perindustrian dengan pertanian supaya tidak timbul masalah yang berlaku yang penting juga adalah ketegasan politik, adakah kita mempunyai ketegasan politik untuk melakukannya. Adakah kita sanggup menentang arus kerana kita mengasihi rakyat kita, kita sanggup kerana kita mengatakan bahawa biarlah rakyat itu menjadi paksi di mana yang lain berputar kepada rakyat. Kita tidak mahu berbalik kita berputar kepada keuntungan dan kerakusan. Pilihan raya tahun yang lalu telah memberikan gambaran peranan rakyat, tugas kita adalah untuk memperkasakan lagi rakyat hingga mereka dapat menentukan siapa pemimpin yang mereka mahu kerana itulah warisan yang dapat kita beri kepada mereka supaya anak cucu mereka lebih tajam memilih pucuk pimpinan. Satu lagi Tuan Speaker, ini masalah masyarakat orang asli telah disebutkan titah Duli tentang orang asli dan saya amat bangga kerana memanglah pengalaman saya semasa saya belajar kedoktoran di US dapat melihat masyarakat '*Red Indian*' satu masyarakat yang sungguh gagah bermaruah dan apabila orang-orang tetamu datang mereka berjoget-jogetlah dengan gendang dan seterusnya *they were destroy*' ...

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah sampai.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Boleh saya berhenti ke atau ada satu dua minit? Boleh saya minta dua minit, dah nak habis dah.

**TUAN SPEAKER:** Satu minit saya bagi.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Ok. Dengan itu juga saya dapat melihat masalah di Australia semasa saya mengajar di sana. Di Malaysia saya pernah duduk dengan orang pendalaman dua minggu, mengkaji *medical study* dan juga baru-baru ini pergi ke Batang Kali, Kg. Songkok mereka nak bercucuk tanam tapi mereka telah mohon tidak dapat-dapat juga dan apabila kita mengambil pembalakan kita menghapuskan budaya mereka. '*If we take it* dengan izin *if we take it your culture you are nobody*' maka itu mereka tersasar '*we should appreciate them*' dan kerana mereka telah lama disini dan apabila kita duduk bersama dan kita mengkaji hidup mereka bukan dengan kaca mata kita tetapi dengan kaca mata budaya mereka sendiri '*then we will understand their problems*' kerana kita menggunakan kaca mata budaya kita nampaknya semua salah. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sg. Pelek untuk menyembah ucapan terima kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Keamanan, kemakmuran, kesejahteraan memang ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam titah ucapan dan amat dipentingkan. Jadi dalam setahun ini apa yang saya nampak di negara kita sejaknya

2008 iaitu satu tarikh yang saya rasa semua orang di dewan ini tidak akan lupa 8 Mac 2008 sehingga hari ini setahun

**TUAN SPEAKER:** Tarikh keramat... ya tarikh keramat semua tidak boleh lupa.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Jadi bukan saja di dalam dewan rasa saya di luar dewan ini pun tidak lupa. Bagi saya setahun ini yang saya nampak keadaan kemelut politik di negara kita baik di negeri Selangor, di negeri perak negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat memang berlakunya kucar-kacir khususnya di Perak. Jadi demonstrasi-demonstrasi masing-masing telah menyebabkan bagi saya pelabur-pelabur asing *stop*, berhenti dari melabur di negara kita. Suasana keadaan ini nampaknya ...

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, nak minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai nak minta laluan? Ya boleh tak? Ya, silakan.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Sg. Pelek. Saya cuma nak tanya Yang Berhormat Sg Pelek siapakah itu yang menjadikan Negara kita kucar-kacir.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tadi saya kata masing-masing mengadakan demonstrasi. Tetapi setahu saya lebih banyak demonstrasi yang dibuat oleh Pakatan Rakyat daripada Barisan Nasional.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Pelek, Sg. Pelek siapa itu, Batu Caves nak minta laluan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Adakah Sg. Pelek yang saya agak pelik ini bermaksud juga dengan kes Sg. Panjang yang di Pulau Pinang yang dibawa oleh polis. Adakah Sg. Pelek juga menghina ketua sendiri?

**YB TUAN YAP EE WAH:** Soalan ini bila Sg. Panjang ada tanyalah Sg. Panjang, jangan tanya Sg. Pelek sebab orang Sg. Pelek ini memang pelik nak jawab jawapan. Bagi saya Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi saya gambaran yang ada di negara Malaysia memang orang luar nampak kucar-kacir. Pakcik saya duduk di Singapura semasa dia datang ke rumah saya dia tanya saya 'Yap you sebagai seorang ...

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia minta laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Baru saya nak *start* saja dah mula macam ini. Ok tak pe bagi laluan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya rasa apa pendapat Yang Berhormat Sg. Pelek bukannya masalah utamanya apabila tindakan pihak-pihak tertentu tidak mengiktiraf hak kebebasan berhimpun secara aman itu yang merupakan punca masalah negeri seperti Amerika dan sebagainya juga orang berhimpun tetapi tidak menimbulkan masalah kerana itu dilihat sebagai satu hak asasi mereka.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Bagi saya yang lebih arif untuk mengadakan atau memberikan permit berkumpul itu adalah pihak polis bukan Yang Berhormat dari saya. Jadi tanyalah soalan itu dengan polis. Jadi pakcik saya datang ke rumah saya bila dia

tanya saya, saya pun hairan dia tanya 'Yap *you* takut tak? Saya pun tanya kenapa takut. *You*, Ahli Yang Berhormat tau, awak mungkin tidak tahu peristiwa 513 satu tarikh lagi yang saya nak sebut ini, tapi itu sudah lepas kalau a..a..a.. ini memang orang yang tanya saya pakcik saya dia tanya. Jadi saya bagi tahu dia 513 itu 13 Mei itu dah lain dah. Sekarang di negara Malaysia ini masih di bawah *control*. Jadi tak ada masalah jangan risau. Jadi apa yang saya nak sampai adalah orang luar daripada negeri Malaysia ini negara kita ini mereka tengok Malaysia ini memang tidak tenteram, memang tak aman, jadi ada tak, tanyalah diri sendiri keadaan suasana macam ini jejas ke tidak keadaan ekonomi walhal sekarang kita menghadapi kegawatan ekonomi, krisis ekonomi dunia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sabar, nanti baru saya bagi. Ok duduk sekarang. Jadi selepas tarikh 308, keluar lagi satu tarikh 916. Saya ingat ini. Sekinchan macam selalu pergi ke tempat beli itu nomborlah bukan ekorlah. Saya masih ingat Sekinchan mesyuarat yang pertama kata *special draw* tidak boleh ada. Ok itu cuma apa saja. Satu tarikh lagi iaitu 916 yang saya tahu 916 bagi masyarakat Cina ialah emas tulen yang masyarakat Cina saya rasa dia tahulah. Emas tulen tapi ini tarikh ialah 16 September, ini lagi satu tarikh yang di war-warkan oleh Pakatan Rakyat yang akan memerintah Malaysia ini. Dalam mesyuarat sidang dewan yang lepas, saya sudah cakap di sini, macam ini juga dan macam ini juga tadi semua bangun nak hentam saya, tak ada masalah.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sabar, sabar duduk dulu. Jadi tarikh itu sudah lagi satu perkara yang berlaku maksudnya Barisan Nasional kena buat kerja menjaga rakyat di samping kena jaga Pakatan Rakyat untuk mengambil kuasa persekutuan ini. Hei, tengoklah. *Steady* sikitlah. Kan negara kita sekarang menghadapi kegawatan ekonomi. Jadi kena jaga sana, kena jaga sini.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan, minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Duduk, duduk.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Nantilah. Sabar, sabar. Orang muda ni memang tak boleh sabar. Ok. Selepas 916, lagi ada nombor. Sekinchan, 204. Tarikh 4hb Februari 2009.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, sudah agak jauh la. Tolong sentuh titah ucapan Tuanku. Nanti Tuanku murka. Tak sentuh pun langsung. Terus masuk kepada tajuk.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, semua tarikh ini.....

**TUAN SPEAKER:** Nanti dulu. Saya nak ingatkan peraturan 36 (ii) kena bercakap tentang tajuk ini. Sekarang ini kita bahaskan titah ucapan dan ada tajuknya. Jadi kalau mukadimah pun janganlah terlalu panjang sangat. Saya ingatkan dah jauh sangat jadi saya tarik balik ke landasan yang betul. Ok silakan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Bagi saya semua tarikh ini merupakan satu tarikh yang akan menjejaskan ketenteraman, kesejahteraan di Negara kita. Jadi selepas



berlakunya kemelut politik Perak salah pulak semua ini kepada Barisan Nasional. Saya nak tanya di sini siapakah orang pertama di sini atau Yang Berhormat pertama di sini yang lompat parti dari parti mana ke parti mana.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker minta laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sabarlah orang muda. Siapa? Kalau tak silap saya jangan kita buka mata cakap yang bukan. Dari Barisan Nasional ke Pakatan Rakyat. Buat masa itu bukan main suka. Sambut dengan meriah. Tetapi apabila dari Pakatan Rakyat pergi ke Barisan Nasional inilah, itulah. Jadi perkara ini adalah perkara yang sama dibuat oleh Pakatan Rakyat. Siapa yang mulakan dulu? Ini yang saya sebut dan tekankan dalam mesyuarat yang lepas. Lima negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat buat kerja elok-elok.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek, Seri Setia nak minta laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya nak teruskan. Nanti baru bagi *you chance*.

**TUAN SPEAKER:** Tapi Sungai Pelek saya nak ingatkan belum sentuh kepada tajuk ni.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Dah sentuh dah.

**TUAN SPEAKER:** Berapa lama ni. Dah sepuluh minit tapi tak sentuh pun. Belum masuk lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sudah masuk. Pelan-pelan masuk Tuan Speaker. Ada mukadimah dia. Pelan-pelan. Ini yang saya belajar dengan Tuan Speaker, kena pelan-pelan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek, kalau tak masuk tajuk nanti saya hentikan. Dah sepuluh minit sila masuk tajuk.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Jadi apa yang saya sebut tadi masing-masing tunjuklah kebolehan. Baik kerajaan Negeri baik kerajaan Persekutuan supaya kita dapat dipilih dalam pilihan raya yang ketiga belas. Jangan salahkan ini, salahkan itu. Tentang politik lompat-lompat. Ini tak elok. Lagi satu hal yang saya nak sebut di sini, di dalam dewan yang mulia ini, bila saya nampak insiden di Bukit Lanjan ini saya memang sakit hati. Bukit Lanjan saya beliau merupakan seorang mangsa kerana kalau tak silap saya kerana pergolakan parti politik dalaman dan bukan Barisan Nasional.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek. Peraturan Tetap 36 (9). Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa Ahli-ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain dari kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri ataupun kerajaan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Baik Tuan Speaker. Saya cuma kesian kat dia kena jadi mangsa politik.

**TUAN SPEAKER:** Saya dah kata jangan sentuh perkara ini kerana ia menyentuh peraturan tetap.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Berbalik setahun Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor ini, yang saya nampak ketara memang semua orang nikmati...

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Minta penjelasan sikit ada tak Yang Berhormat Sungai Pelek kesian dengan Altantuya kerana kena bom.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya belum benarkan *you* terus saja haa. Tuan Speaker saya belum benarkan. Berbalik kepada satu tahun pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor yang ketara dan saya ucapkan terima kasih 20meter *cube* air itu saya *free* pakai. Ok, hentam kuat sikit. Benda yang betul saya puji. Yang salah saya memang hentam. Jadi mengenai tabung Mesra Usia Emas bagi saya sebagai wakil rakyat borang kita pun tak boleh dapat. Apa yang di bincang dalam kalau tak silap saya di dewan ini 3500 untuk setiap mangsa atau setiap orang Tabung Mesra Usia Emas tetapi apabila melaksanakannya sekarang hanya dapat 1000 apabila seorang meninggal kemudian dapatkan dokumen-dokumen dapat lagi 1500. Janji 3500 sekarang keluar 2500. Betul ke tidak tu? Jadi saya memang tidak seronok pasal apa yang di cakap dengan yang dibikin tak serupa. Lagi satu ialah borang. Borang untuk mengisi ini. Tak ada wakil rakyat kita yang dapat di pejabat kita cuma pejabat DUN penyelaras walaupun dia bukan wakil rakyat dia ada. Dia yang pergi isi. Wakil daripada wakil rakyat atau bapa angkat Barisan Nasional ini, wakil daripada wakil rakyat EXCOLah. Barisan Nasional ini pergi bagi, ambil gambar untuk publisiti. Ini salah tak? Penyalahgunaan kuasa tak? Tidak. Saya sebagai mengamalkan satu parti atau kerajaan yang adil dan saksama samalah bagi semua orang buat kerja yang sama tak ada hal. Bagi saya ini memang untuk mencari kepentingan politik. Saya faham. Bukan saya tak faham.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Sri Muda nak minta laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ok. / rehat sekejaplah. Tanya banyak sikitlah.

**TUAN SPEAKER:** Penat sangat ke? Silakan Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Pelek cakap tadi seolah-olah menuduh Pakatan Rakyat mengamalkan memberi atau mendapatkan borang berasaskan kepada politik kepartian. Tetapi tidakkah Yang Berhormat Sungai Pelek sedar bahawa untuk mendapatkan pinjaman Tekun pun mesti mencatatkan borang keahlian UMNO no berapa dan sebagainya. Tolong jelaskan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Setahu saya dan saya pernah tandatangan borang pinjaman Tekun datang PAS saya tandatangan. Tak ada nombor UMNO pun. Mungkin ada nombor PAS saya tak tahulah nombor ahli itu.

**TUAN SPEAKER:** Bagaimana Sungai Pelek, Sekinchan nak minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Biasalah kawan lama.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tak apa semalam dia bagi saya.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak minta pandangan daripada Sungai Pelek. Bagaimanakah dengan langkah kerajaan pusat, Kementerian Kerja Raya sedangkan kita rakyat Selangor kita bayar cukai satu tahun kita bayar 34% cukai pendapatan.

Kenapa Kementerian Kerja Raya batalkan projek yang mendatangkan manfaat pada rakyat di Klang ini Jambatan Nombor Tiga. Kenapa dibatalkan? Sepatutnya kalau nak diikutkan nak jaga semua yang dicakapkan oleh Sungai Pelek sepatutnya kena bagi. Kenapa dia tak bagi? Saya nak minta pandangan. Apa pandangan Sg. Pelek?

**YB TUAN YAP EE WAH:** Jawapanlah. Jangan pandanganlah. Jawapan saya pergilah tanya Menteri JKR. Sebab saya bukan Menteri JKR. Tak dapat jawab.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam titah ucapan DYMM Sultan Selangor juga menyatakan bahawa kerajaan negeri harus berbelanja dengan berhemah, berjimat cermat. Mentadbir urus dengan baik tetapi bagi saya kereta rasmi yang dipakai oleh EXCO, saya bukan kata tak boleh dan bukan saya cemburu. Satu biji RM150ribu kali dengan 15 biji RM2,250,000.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat penjodoh bilangan untuk kereta biji itu silap.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Biji tak boleh, buahlah.

**TUAN SPEAKER:** Buah betul. Saya cuma betulkan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kerana bagi tunjuk ajar. Tambahan pula kereta itu *tinted*, TV. Setahu saya *tinted* RM2000 sebiji kereta. Satu keretalah. Oh ya, satu buah kereta. TV RM20,000 satu buah kereta. Campur campur kali kali semua jumlah kereta semua yang dipakai RM2,580,000. Setahu saya *tinted* dan TV ini oleh masing-masing atau sesiapa yang pakai kereta rasmi itu. Betul ke tidak Tuan Speaker saya pun tak tahu. Memang kereta rasmi itu boleh dibeli *without the accessories* dengan izin jadi kalau bolehlah memang tak banyak sangat kalau RM2,000,000 tu bagi kerajaan Negeri Selangor memang bukan banyak. Tetapi saya masih ingat lagi satu. Sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Sikit-sikit kita belanja tu lama-lama bukan jadi bukan tau, jadi lombong. Saya masih ingat itu. Kadang-kadang saya tak pasti itu kereta EXCO kita ke tidak, kereta rasmi ke tidak, bawak pula keluar dari negeri Selangor.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Bagilah *chance*. Tadi tak bagi *chance*.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ok. Bagi you *chance*.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Sungai Pelek. Saya nak bertanya apakah pendapat Sungai Pelek tentang apa yang dilakukan oleh Menteri Besar yang lama? Ketua Pembangkang yang tidak disokong tadi tentang apa yang beliau buat semasa menjadi Menteri Besar dulu apabila membeli beberapa biji kereta menggunakan dana anak syarikat kerajaan negeri?

**YB TUAN YAP EE WAH:** Buat masa itu Yang Berhormat saya masih bukan wakil rakyat dan kalau saya ada di sini saya bantah. Kalau perkara itu betul, kalau perkara itu buruk sangka atau tak betul, *sorry* lah. Macam apa yang di cakap oleh Teratai semalam. Apa yang dia cakap betul.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat masa sudah sampai. Tetapi memandangkan ada banyak gangguan tadi saya bagi lagi dua minit.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Banyak kawan-kawan yang nak buat pertanyaan atau mencelah. Jadi bagi masa lebih sikitlah.

Selepas 8 Mac 2008 saya nampak surat khabar seorang EXCO kata 500,000 untuk setiap ADUN tak kira dari Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional. Kita adil saksama kepada semua wakil rakyat di Negeri Selangor. Saya sebagai wakil rakyat tetapi saya tak pernah terima pun satu sen. Walhal saya memohon bukan saya tidak memohon. Saya mohon peruntukan itu untuk bagi kepada PUSPANITA.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker tak bagi saya masa lagi jadi orang muda ini sila duduk dulu. Jadi apa yang dicakapkan di dalam surat khabar itu, dengan apa yang dibuat itu, cakap tak serupa bikin. Sehingga hari ini setahu saya kawasan saya DUN saya 375,000 telah dibelanjakan dan saya nampak dalam surat khabar juga kepada agensi yang berniaga pun ada. Jadi ada tak ini penyalahgunaan kuasa.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah sampai Yang Berhormat. Saya dah bagi *extra* dua minit.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tapi Tuan Speaker banyak orang tanya tadi.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku sila duduk. Sungai Pelek sila duduk. Saya dah bagi masa lebih. Terima kasih. Ya, Taman Templer.

**YB DATO SUBAHAN BIN KAMAL:** *Bismillahi rahmani rahim*. Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Tuan Speaker terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya turut terlibat untuk ucapan menjunjung kasih dan membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Belas Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang Di Pertua Tuan Speaker,

Dalam titah ucapan tersebut baginda telah menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik atau dengan izin *good government* dalam semua pelaksanaan ditugaskan proses membuat keputusan bagi Negeri Selangor. Baginda juga memandang *serious* terhadap permasalahan rakyat terutamanya dalam usaha mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kebajikan. Perkara ini baginda menitahkan supaya Kerajaan Negeri memberi tumpuan lebih bagi memastikan prestasi ekonomi yang terus stabil meningkatkan kualiti hidup rakyat. Memberi perubahan kepada pembangunan modal insan dan pendidikan yang cemerlang serta kesihatan yang baik untuk rakyat. Tuan Speaker selaku ADUN Taman Templer dengan rasa penuh tanggungjawab saya ingin membangkitkan beberapa perkara berikut yang berkait dengan strategi bagi merealisasikan agenda merakyatkan ekonomi Selangor, khususnya yang melibatkan Kawasan N15 Dewan Undangan Negeri Taman Templer.

Pertama penyelesaian masalah penempatan semula Setinggalan Bukit Botak, Selayang. Kedua pembasmian wabak denggi ke arah meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup rakyat. Ketiga pencegahan dan membendung masalah jenayah bagi menjamin keselamatan rakyat. Keempat penyediaan kemudahan rekreasi yang boleh di akses dengan mudah oleh rakyat.

Tuan Speaker, isu berkaitan penempatan semula setinggalan Bukit Botak, Selayang yang melibatkan 1,364 keluarga telah berlarutan hampir 10 tahun. Sehingga kini kemelut ini semakin sukar untuk dirungkaikan. Nasib mereka harus dibela supaya mereka mampu hidup selesa sebagaimana ahli masyarakat yang lain. Ke arah penyelesaian masalah yang dihadapi satu Jawatankuasa Pembangunan Setinggalan Botak Peringkat DUN telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh saya sendiri di kawasan berkenaan. Di sini saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri melulus dan memberi terus lot tanah berkenaan kepada bekas Setinggalan Bukit Botak yang sepanjang pengetahuan saya telah pun membayar premium tanah terlibat. Nama Namun nama minta maaf nama bekas setinggalan yang terlibat haruslah disahkan oleh Pejabat Tanah Daerah Gombak dan Majlis Perbandaran Selayang. Saya amat berharap agar dilema yang dihadapi oleh rakyat lebih 10 tahun ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Speaker, dalam ucapan saya yang saya mengambil bahagian hampir setiap kali persidangan diadakan, setiap kali saya mengungkit masalah Bukit Botak. Saya tahu kerana sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab yang dipilih oleh rakyat tidak kira sama ada apa fahaman politik rakyat tersebut mahupun mereka ini kaum Cina, India ataupun Melayu tetapi setiap kali saya masuk ke dewan isu utama isu pokok yang saya selalu bangkitkan adalah isu penyelesaian setinggalan Bukit Botak. Tetapi hampir setahun Kerajaan Pakatan Rakyat telah menjadi Kerajaan Negeri Selangor. Saya seronok mendengar sahabat saya daripada Bukit Antarabangsa sahabat lama saya juga bekas rakan sekerja saya di Kementerian Kewangan beliau dengan begitu bangga mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyelesaikan 68 masalah penduduk di Kampung Berembang. Alhamdulillah saya cukup seronok, seronok bila mendengar apa yang dimaklumkan tersebut tetapi bagi saya takkan satu masalah sahaja yang dapat diselesaikan. Walhal isu rumah itu pun baru dijanjikan. Tetapi saya berharap sangat dengan ikhlasnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan secepat mungkin berikanlah mereka tempat yang selesa, tempat yang boleh dipanggil rumah. Tetapi dalam isu Bukit Botak ini setiap kali saya membangkitkan isu ini tetapi nampaknya EXCO yang juga kawan saya maklumkan masalah ini akan diselesaikan. Tetapi hampir setahun penduduk di situ makin semakin hari semakin lama terpinga-pinga kerana tidak tahu hala tuju apakah nasib yang bakal menimpa mereka.

Tuan Speaker, biarlah saya memberi sedikit kronologi Bukit Botak Selayang. Tuan Speaker pada tahun 1986 kelulusan EXCO Kerajaan Negeri telah meluluskan secara *blanket approval* 1,634 lot tanah keluasan 2,200 kaki persegi setiap lot kepada 1,634 penduduk setinggalan bancian STG dan Z dan manakala rumah pula hendaklah dibina sendiri oleh pemilik tanah. Tahun 1990 perpindahan fasa pertama seramai 270 keluarga telah pun memperoleh lot-lot tanah mereka di Kampung Bendahara iaitu fasa pertama kawasan projek penempatan setinggalan Bukit Botak mengikut pelan gazet 1986. 1996 ketua-ketua beberapa penduduk di situ telah menubuhkan satu jawatankuasa penempatan semula setinggalan. Tetapi akhirnya pada 1999 Kerajaan Negeri Selangor dan MTES telah meluluskan pemberimilikan tanah kerajaan seluas 32 ribu 3.299 ekar 32.99 ekar kepada sebuah syarikat yang dipanggil Delpury Corporation

Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan penempatan semula setinggan Bukit Botak Selayang. Pemberi milikan tanah kerajaan seluas 162.76 ekar kepada setinggan-setinggan yang layak mengikut bancian terkini Pentadbir Tanah Daerah Gombak bukannya mengikut bancian STG dan Z seperti kelulusan EXCO 1986 dengan keluasan 2,200 kaki persegi setiap lot bagi tujuan pembelian pembinaan rumah di bawah program tersebut dan pelantikan Delpury Corporation Sdn. Bhd. sebagai kontraktor untuk projek tersebut.

Tahun 2000 surat tawaran April 2000 lebih 1,000 penduduk setinggan Bukit Botak telah menerima surat tawaran dari Pentadbir Tanah Daerah Gombak memaklumkan supaya penduduk menyertai program pembangunan rumah semidi. Penduduk juga disyorkan supaya membayar bayaran komitmen 1,000 ringgit setiap orang kepada Delpury Corporation Sdn Bhd. sebagai syarat untuk menyertai program tersebut. Pentadbir Tanah juga mengingatkan iaitu mana-mana penduduk yang gagal membuat pembayaran tersebut boleh digugurkan nama mereka dari mendapatkan lot tanah projek tersebut. Tahun 2000 juga sedangkan lot-lot tanah belum diukur lagi secara tergesa-gesa surat telah pun diedarkan memaklumkan kepada penduduk iaitu Pentadbir Tanah Daerah Gombak akan mengadakan cabutan undian lot tanah pada 22 Disember 2000. Cabutan undian lot pula hanya untuk penduduk yang bayar bayaran komitmen 1000 kepada Delpury Corporation Sdn. Bhd.

Yang Kedua mereka yang menerima jempunan hanyalah segelintir sahaja. Tahun 2003 Puan Speaker sekitar Mei 2003 hanya 1,064 penduduk yang telah pun mampu membayar komitmen 1,000 ringgit kepada Delpuri Corporation dan telah membuat cabutan undian lot tanah tahun 2000 sahaja untuk menerima borang 5A daripada Pentadbir Tanah Daerah Gombak bagi tujuan pemberi milikan tanah. Yang anehnya yang anehnya pada tahun pada tahun 2006 dalam satu surat yang diedarkan ataupun pada 2006 satu salinan surat MPS ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 7hb. April 2006 yang mana MPS mengesahkan iaitu Delpury Corporation Sdn. Bhd. tidak mempunyai pengalaman kerja, juga tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk melaksanakan projek tersebut.

Puan Speaker, sebenarnya perkara ini sering saya bangkitkan kerana tidak kira siapa memerintah ketika itu dan sebagainya bagi saya sebagai wakil rakyat kawasan saya, saya hendak masalah ini diselesaikan. Saya nak bertanya bagaimana Delpury Corporation boleh diberi satu kerja yang begitu besar, walhal Majlis Perbandaran Selayang sendiri yang mengakui bahawa syarikat ini tidak layak untuk menjalankan tugas tersebut. Sekian lama saya menimbulkan masalah ini, tapi nampak. Biar saya habiskan dahulu takut momentum saya hilang ya.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ah tak bagi.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Kejap lagi kejap lagi. Jadi yang menjadi anehnya sehingga ke hari ini masalah ini masih tidak dapat diselesaikan. Saya nak tahu juga saya nak tahu juga siapakah yang sebenarnya di belakang Delpury Corporation. Kalau ada mereka yang menyalahgunakan kuasa yang telah menyusahkan rakyat di kawasan saya maka mereka ini perlulah diambil tindakan yang setegas-tegasnya hampir setiap kali saya berjumpa dengan EXCO yang berhak menjalankan kerja ini tetapi sehingga ke kini beliau masih maklumkan kepada saya masih dalam tindakan. Masih dalam tindakan. Saya berharap sangat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau boleh selesaikan masalah ini dengan segera. Yang

kedua rakyat di kawasan saya juga telah dijanjikan oleh PKNS untuk dibayar sewa sebanyak 300 ringgit sebagai gantian ataupun sebagai imbuhan kerana perpindahan yang dilakukan. Tetapi baru-baru ini difahamkan pemberian sewa itu telah diberhentikan dengan serta merta. Ini menjadi masalah besar kerana kebanyakan mereka ini adalah daripada golongan yang mendapat pendapatan bukan sakaar 1,500 ringgit ke bawah tetapi kebanyakan mereka hanya mempunyai gaji sebanyak 7 ataupun 8 ratus ringgit sahaja dan mempunyai ramai anak-anak yang bersekolah. Saya berharap sangat supaya Kerajaan Negeri mencari formula lain, walaupun mungkin dikatakan tidak mahu PKNS menanggung kerugian yang besar. Saya berharap perkara itu dapat dipertimbangkan balik. Kalau boleh sehinggalah rumah ini dapat diselesaikan dengan cepat. Saya berharap agar Kerajaan Negeri mencari formula lain. Tidak kira apa formula asalkan rakyat di kawasan saya yang juga menjadi rakyat Negeri Selangor dapat imbuhan daripada Kerajaan Negeri untuk mengurangkan beban mereka.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang demam denggi, nyamuk aedes. Saya berharap EXCO yang saya bangkitkan isu tadi dengan izin *nothing personel* tetapi hanya saya sebagai wakil rakyat yang begitu gusar dan risau dengan keadaan yang berlaku di kawasan saya khususnya di daerah Gombak. Bilangan kematian akibat penyakit denggi dan penularan wabak demam denggi amat membimbangkan semua orang. Sepanjang tempoh Januari hingga Februari 2009 di daerah Gombak sahaja terdapat 551 orang mengidap penyakit denggi dan 67 denggi berdarah.

Sebenarnya maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi betul. Tetapi bukanlah *current* bukanlah setakat hari ini kerana maklumat yang diberikan itu adalah fakta yang didapati daripada Jabatan Kesihatan. Saya berharap sangat dalam keadaan hari ini dengan berlakunya satu wabak yang begitu serius. Saya berharap sangat EXCO yang dipertanggungjawabkan saya tahu beliau membuat kerja Alhamdulillah. Tapi saya memohon jasa baik beliau supaya turun ke padang berjumpa dengan kawasan-kawasan yang ada penyakit ataupun demam denggi yang begitu serius, contohnya di Sungai Tua walaupun bukan kawasan saya, saya tempat kawasan sahabat saya baru ini saya telah menziarahi satu kematian di situ di mana sebenarnya kematian di daerah Gombak bukan tujuh tetapi lapan, minggu lepas saya berjumpa dengan keluarga yang meninggal dan saya risau kerana di Hospital Selayang itu sendiri ramai lagi orang di kawasan tersebut iaitu di Kampung Sungai Tua yang telah mendapat penyakit demam apa ni demam denggi. Saya berharap sangat bahawa perkara ini dipandang secara serius kerana rata-ratanya satu masalah besar yang kita hadapi masyarakat mengetahui tentang demam denggi ini kita melihat pengiklanan dan sebagainya, kita menunjukkan gambar kita pergi ke longkang kotor, kita mengutip sampah dan sebagainya. Sebenarnya secara rasionalnya saya bukan doktor tetapi sebenarnya denggi ini ataupun aedes ini tidak boleh hidup dalam air kotor. Ini masalah besar, dia hidup di persekitaran kita, dia hidup di tempat kita basuh kain, tempat kita basuh pinggan mangkuk dan sebagainya kerana itu saya sendiri mengambil inisiatif, inisiatif di kawasan saya menubuhkan satu jawatankuasa sukarelawan yang dipanggil suka yang melibatkan pelajar-pelajar kolej-kolej universiti untuk turun ke padang untuk memberi maklumat tentang bahayanya demam denggi ini ataupun nyamuk aedes ini kepada masyarakat setempat. Saya amat tertarik dan amat setuju dengan pandangan beberapa Ahli Berhormat dari contohnya daripada Teratai dan juga daripada Sri Muda dan juga daripada Sekinchan, orang senior tetapi apabila bercakap kita mengkritik, yang salah kita kata salah, yang betul kita betulkan. Bagi saya mungkin sahabat saya daripada Sri Muda mungkin segan silu dan mempunyai budi bahasa dan berlapik percakapannya tapi

bagi saya, saya nak bercakap terus terang, sebenarnya PBT *failed*. Bagi saya di kawasan saya Majlis Perbandaran Selayang, saya amat terkejut, saya tidak ada apa-apa personal tetapi saya sebagai wakil rakyat yang dipertanggungjawabkan saya akan bercakap sehinggalah satu perubahan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana bagi saya langsung tidak nampak batang hidung YDP itu sendiri walaupun beliau berada di Dewan hari ini tetapi saya amat sedih kerana sebagai wakil rakyat tanpa mengira politik saya turun ke padang membantu tidak kira siapa pun fahaman politik mereka tetapi nampaknya bukan sahaja kita orang politik bermain politik tetapi pegawai-pegawai kerajaan dah mula bermain politik. Bagi saya sepatutnya apabila ada kematian yang berlaku merekalah yang pertama turun, bukan pegawai, bukan teknikal pegawai teknikal tetapi YDP itu sendiri perlu turun melihat apa yang berlaku di kawasan tersebut sehingga kini saya langsung tidak nampak batang hidung YDP itu sendiri. Tuan Speaker, Puan Speaker saya berharap sangat jangan lah kritikan saya ini dianggap peribadi bukan tetapi di dalam Dewan yang mulia ini kita berhak bercakap untuk kepentingan rakyat, kalau tidak bercakap di sini di manakah perlu kita bercakap. Bagi saya, saya cukup seronok apabila saya mendengar wakil rakyat daripada Teratai dan juga Sri Muda dan Sekinchan mengkritik PBT perlu kita sepakat, perlu kita sepakat kerana rasionalnya apabila kerajaan Barisan Nasional menerajui kerajaan sebelum ini, polisi-polisinya betul, saya berani bercakap tak ada masalah, polisi-polisinya betul tetapi akhirnya perlaksanaannya memang gagal, PBT langsung tidak menjalankan tugas maka rakyat yang berada di jalanan, mereka yang biasa berada di rumah dan sebagainya dipersalahkan kerajaan, kerajaan siapa dia, kerajaan yang memerintah ketika itu. Ini masalah besar yang saya nampak, kerana itulah saya berharap sangat Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya mengambil kira pandangan saya supaya satu langkah drastik diambil untuk memantau tentang kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Yang Dipertua-yang Dipertua Majlis-majlis Perbandaran PBT-PBT sekalian. Saya berharap juga EXCO PBT supaya bantulah supaya memantau kerana kalau tidak saya berharap dan mencadangkan lantiklah YB Sekinchan untuk menjadi EXCO Setinggalan. (Dewan bertepuk). Dah dua kali saya bercakap, penggal lepas saya bercakap kali ni pun saya bercakap kerana saya tengok cara dia cukup lantang dan beliau saya yakin kerana saya tengok caranya macam *taiko*, kerana PBT ni *taiko* yang kena pegang. Maka saya berharap sangat supaya ada perubahan untuk melantik beliau. Puan Speaker, perbandingan tentang kes denggi ataupun kematian pada tahun 2008 sebanyak lima kes yang telah berlaku di daerah Gombak. Pada tahun ini...

**PUAN SPEAKER:** Taman Templer, masa sudah cukup.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Dua minit lagi.

**PUAN SPEAKER:** Tak ada siapa mencelah sebenarnya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Dua minit lagi.

**PUAN SPEAKER:** Jadi awak memang dah dapat sepenuh masa dua puluh minit.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Gulung, gulung ya. Saya juga pada tahun ini setakat Mac telah ada lapan kematian. Masalah ini cukup masalah besar. Akhir sekali sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini berharap Yang Berhormat daripada Bukit Lanjan akan kembali ke Dewan kerana apa yang berlaku kepada beliau ini kami di sini pun tidak merasa simpati dengan apa yang berlaku kepada beliau dan berharap beliau turut balik kepada Dewan kerana tidak ada apa yang perlu



dimalukan dan saya sebagai juga Pengerusi Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor terima kasih kerana banyak isu-isu yang telah kita bekerjasama untuk selesaikan untuk kepentingan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Seri Setia, silakan Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** *Assalamualaikum* dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Seri Setia untuk turut serta di dalam perbahasan usul ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, teguran Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan prinsip asas Negara kita iaitu Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen terus dipertahankan, harus diambil maklum oleh semua. Keistimewaan Raja Berperlembagaan sebagaimana yang telah diamalkan di Negeri Selangor dan Malaysia ialah kita mempunyai Ketua Negeri yakni Duli Yang Maha Mulia Tuanku menjadi payung kepada rakyat menaungi institusi-institusi *executive legislative* dan perundangan. Sebagai Ketua Negara Duli Yang Maha Mulia Tuanku melangkaui kepentingan parti-parti politik. Kalau kita lihat kepada era kegemilangan Islam, Sultan atau Raja menjadi penaung kepada institusi ulamak, sarjana dan karyawan. Kita boleh mengambil contoh yakni peranan yang dimainkan oleh Sultan Mansor Shah sebagai payung Negara dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Justeru sikap pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional yang tertentu dalam keghairahan mereka untuk merampas kuasa sanggup membelakangi undang-undang, membelakangi Perlembagaan Undang-undang Tubuh Negeri jelas merupakan satu pencabulan kepada sistem Raja Berperlembagaan. Kita harus ingat Perlembagaan dan Undang-undang Tubuh itu hanyalah dokumen menggariskan kuasa dan tanggungjawab sang pemerintah dan yang diperintah. Sebagai dokumen Perlembagaan dan Undang-undang Tubuh ini tidak ada apa-apa kuasa sakti melainkan pemimpin dan rakyat sendiri menerima pakai apa yang telah digariskan oleh dokumen tersebut. Oleh itu menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia meletakkan kewajipan menerima keluhuran perlembagaan mengatasi kepentingan sempit politik mereka demi kesejahteraan dan kemakmuran Negara. Sikap membelakangkan Perlembagaan dan Undang-undang Tubuh bukan sahaja berlaku di Negeri Perak sebagai mana dibahaskan di dalam Dewan semalam, malah ianya turut berlaku di Negeri Selangor Darul Ehsan. Bila mana BN tidak dapat menculik, merasuah dan mengancam wakil rakyat di Negeri Selangor seperti di jiran kita di Perak, mereka menggunakan pula Suruhanjaya Pilihan raya dan Majlis Keselamatan Negara sebagaimana yang telah dibongkar oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa semalam. Jika dahulu Pakatan Rakyat boleh menghormati Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung ketika BN memerintah tetapi hari ini apabila BN pula merasa menjadi pembangkang mereka menubuhkan JKPP dan tidak dapat menghormati prinsip asas perlembagaan Negara kita. Tuan-tuan yang saya hormati sekalian, kuasa Raja Berperlembagaan merujuk kepada ruang lingkup perlembagaan. Prinsip keterbatasan kuasa raja ini bukanlah baru malah ulama Nusantara sendiri Bukhara Al-Jauhari telah menekankan prinsip raja yang adil dan ehsan dalam ruang lingkup syariat dalam kitabnya *Tajusaslatin*. Pokok rumbia tumbuh dalam perigi, terasa bayu teramatlah nyaman, taat setia tak berbelah bagi, Raja-Raja Melayu pelindung Perlembagaan. Yang Berhormat Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Seri Setia, Sungai Pelek nak mencelah.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya bagi peluang, sebagai orang muda saya bagi peluang kepada Sungai Pelek.

**PUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tadi saya bagi jugak kan. Satu. Saya keliru sedikit la. Sebenar siapa yang tak mengikut perintah Sultan di Negeri Perak sedangkan sekarang kan Sultan sudah mengumumkan Kerajaan Negeri Perak itu kerajaan Barisan Nasional yang memerintah. Jadi saya agak keliru sedikit lah Seri Setia cakap pasal tak ikut dengan apa yang kehendak Sultan, jadi boleh lebih jelas sikit siapa tu. Ok terima kasih.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Pelek. Yang saya rasa yang saya timbulkan ialah tentang isu perlembagaan, itu fokusnya. Kita tidak mahu menyorok di belakang istana dan sebagainya dalam usaha merampas kuasa. Kalau tadi Sungai Pelek menyebut nombor-nombor loteri, sembilan satu enam dalam isu sembilan satu enam kita cukup jelas, kita melakukan tawaran secara terbuka, kita ingin buat undi percaya di dalam Dewan, kita berjanji untuk bubarkan Dewan Rakyat dalam satu tahun sekiranya kita mendapat kuasa. Ini berbeza sekali dengan rampasan kuasa secara haram yang berlaku di Negeri Perak. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sebagaimana yang dititahkan oleh Tuanku Selangor tidak dapat lari daripada menghadapi krisis ekonomi global pada tahun ini, apatah lagi respons Kerajaan Persekutuan terlalu hambar dan kita pula mewarisi kepincangan pengurusan Kerajaan Negeri daripada kerajaan yang lama. Namun demikian, saya yakin Negeri Selangor akan bangkit daripada krisis ini dengan lebih kuat bukan sekadar mengatasi kemelut ekonomi politik perkauman yang ada pada hari ini tetapi turut mengambil peluang untuk menyelesaikan dan mengatasi isu-isu dasar yang telah mencetuskannya. Semua maklum, Selangor merupakan negeri yang paling kaya, paling maju di Malaysia, namun kemiskinan masih wujud. Di sebalik perkembangan masyarakat yang mencapai tahap kosmopolitan kadar jenayah, rasuah dan masalah sosial juga semakin menular. Kita tidak ketandusan anak-anak Selangor yang berbakat dan berpendidikan tetapi perkara-perkara ini telah menjauhkan mereka dari turut melibatkan diri mereka dalam arus pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan. Ada yang melihat kelemahan-kelemahan ini merupakan satu sumpahan bahawa Selangor tidak akan dapat memenuhi potensinya meskipun dengan hasil mahsul yang melimpah ruah. Ramai yang merasakan cabaran yang dihadapi oleh Selangor adalah terlalu besar dan terlalu banyak tetapi kita harus ingat Selangor bukan lahir dalam kesenangan dan di sebalik cabaran-cabaran ini anak-anak Selangor enggan menyerah kalah. Nenek moyang kita datang dari seluruh penjuru Nusantara. Mereka merupakan pelayar-pelayar hebat dari Sumatera dan Sulawesi atau Sekinchan mungkin dari Jawa. Mereka juga mungkin buruh-buruh dari China dan India, mencari kehidupan yang lebih baik untuk keluarga mereka. Kesemua daripada mereka memilih untuk datang ke Selangor dan menjadikan Selangor tempat tinggal mereka, tidak kira kaum atau agama mereka menjadi anak Negeri Selangor. Nenek moyang kita menempuh cabaran-cabaran yang lebih besar, jika tidak lebih besar daripada apa yang kita hadapi pada hari ini. Tetapi dalam menghadapi cabaran tersebut mereka tidak menyerah kalah, mereka berusaha dengan kesabaran dan kegigihan yang menggambarkan keperibadian istimewa anak Selangor di Malaysia. Kemewahan yang dinikmati Selangor kini adalah warisan pengorbanan titik peluh mereka. Kita tidak boleh mengkhianati sumbangan mereka dan dengan gagal untuk menghadapi cabaran yang ada di depan kita hari ini. Kita tidak boleh mementingkan pertelagahan remeh temeh adalah satu penghinaan kepada nenek moyang kita sekiranya kekayaan negeri ini tidak dapat dinikmati oleh semua anak-anak Selangor. Inilah cabaran yang terhidang buat Selangor malah untuk seluruh Malaysia. Sekiranya kita dapat memulihkan negeri kita seluruh Negara Malaysia akan mengikut jejak langkah kita. Selangor boleh mendepani

zaman dan Selangor boleh kembali gemilang. Jika dahulu nenek moyang kita menunjukkan keberanian mengharungi lautan dan ancaman lain bagi membangunkan sebuah negeri, kita khususnya generasi muda, jangan pandang rendah generasi muda sebagaimana Sungai Pelek, mesti menunjukkan keberanian mencipta sesuatu yang baru sebagaimana saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam. Oleh itu marilah sama-sama kita tunjukkan satu komitmen untuk membina Selangor yang baru, marulah kita mengetepikan rasuah yang telah lama merugikan negara kita yang tercinta ini sekian lama. Marilah kita menghulurkan tangan kepada anak-anak Selangor yang telah dipinggirkan dalam apa juga cara, marilah kita memperbaiki infrastruktur melahirkan pentadbiran yang *inclusive* dan efisien serta memerangi jenayah yang mengganggu ketenteraman agar keluarga kita dapat menikmati kehidupan yang lebih baik yang sememangnya menjadi hak mereka. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Seri Setia ingin menjunjung kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap masalah jenayah di Selangor yang begitu serius. Semua sedia maklum bahawa Polis merupakan institusi di bawah Kerajaan Persekutuan, walau bagaimanapun isu jenayah ini memerlukan penglibatan semua pihak bukan Polis semata-mata apatah lagi dalam menghadapi krisis ekonomi hari ini yang pasti mengeruhkan lagi kadar jenayah. Oleh itu peranan Pihak Berkuasa Tempatan teramatlah penting daripada dua aspek. Pertama, Pihak Berkuasa Tempatan boleh membentuk Pasukan Polis Bantuan atau *Auxiliary Police* dengan izin. Beberapa Ahli Majlis MBPJ telah pun membangkitkan perkara ini dan sedang dibincangkan di peringkat Majlis. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan Polis Bantuan ini dari sudut perundangan dan sekiranya dilakukan memberikan sokongan sepenuhnya agar ia berjaya. Ini dapat mengatasi masalah kekurangan Pegawai Polis yang di hadapi oleh Polis Diraja Malaysia. Antara masalah utama jenayah ialah psikologi masyarakat yang ditakutkan dengan berita-berita sensasi tentang jenayah dan merasakan tidak ramai Pegawai Polis yang ditugaskan untuk memantau keadaan tersebut. Dengan bertambahnya anggota beruniform menerusi Polis Bantuan, orang ramai tidak, setidaknya-tidaknya akan merasa lega dengan peningkatan *credibility*, dengan izin, pihak Polis.

Kedua, PBT dapat mengambil tindakan pro-aktif bagi mengatasi masalah vandalisme di samping mempertingkatkan penyelenggaraan prasarana asas khususnya seperti perhentian bas, lampu jalan dan penyelenggaraan taman permainan sebagaimana yang telah dititahkan oleh DYMM Tuanku semalam. Saya ingin merujuk teori *broken windows*, dengan izin yang digunakan bagi membanteras jenayah di New York pada tahun 1980-an dan 1990-an. Sebelum itu, jenayah meningkat dengan begitu tinggi di New York tetapi kadar jenayah telah jatuh merudum bermula pada tahun 1980-an. Dengan mengguna-pakai teori *broken windows* ini, jenayah dilihat sebagai kegagalan menangani masalah-masalah kecil seperti grafiti atau vandalisme yang sebelum ini mungkin tidak dipandang serius tetapi mereka melihat grafiti dan vandalisme ini merupakan gambaran keruntuhan fabrik sosial dan menular menjadi jenayah yang lebih serius seperti masalah dadah dan seterusnya bunuh, samun dan rogol. Penduduk juga menerusi Rukun Tetangga dan Persatuan Penduduk perlu memainkan peranan aktif. Di kawasan Seri Setia, saya boleh memberi contoh, Rukun Tetangga SS5D, Kelana Jaya yang aktif dengan aktiviti rondaan malam dan lain-lain lagi. Saya sendiri turut bertindak menyertai rondaan cegah jenayah di sebelah malam bersama mereka. Saya juga menganjurkan dialog membanteras jenayah bersama masyarakat, PBT dan Polis. Dan saya yakin wakil-wakil rakyat Pakatan Rakyat tidak ada masalah dalam isu ini meskipun wujud perbezaan politik dan sebagainya kerana wakil-wakil rakyat Pakatan, saya percaya meletakkan kepentingan rakyat mengatasi fanatik kepartian.

Seterusnya YB Puan Speaker, DYMM Tuanku turut menyentuh usaha mengembalikan kegemilangan pasukan merah-kuning yang pernah menjadi kebanggaan Selangor pada suatu masa dahulu. Alhamdulillah, kita dapat lihat prestasi *Red Giants* pada tahun 2008 agak baik. Walau bagaimanapun, tahun ini kita mesti menunjukkan keupayaan memenangi Piala Malaysia sebagai bukti kejayaan kita. Tapi di sebalik objektif jangka masa pendek ini.....

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Speaker, Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Silakan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Ia, boleh? Terima kasih. Saya nak bertanya kepada YB Adakah YB tahu bahawa sebelum ini hampir 4 tahun polisi pengurusan pasukan bola sepak Negeri Selangor di mana kita tidak mengambil pemain import tetapi kita mendidik anak-anak muda daripada umur 18 tahun untuk bermain dalam *Super League* hampir 4 tahun. Jadi hari ini, pasukan Negeri Selangor merah-kuning menjadi kuat kerana polisi terdahulu, pengurusan terdahulu di mana saya sendiri pernah menjadi Penolong Pengurus di mana anak-anak muda telah diberi pendedahan begitu awal dan hari ini hampir 4 tahun mereka telah matang menjadi pemain-pemain yang hebat dengan tidak ada pemain-pemain import maka menyerlahlah pasukan merah-kuning. Jadi bukanlah kerana pengurusan baru tetapi pengurusan sebelum ini. Terima kasih.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tidak kiralah sama ada pengurusan baru atau pengurusan lama. Kita sama-samalah berterima kasih kepada sesiapa sahaja yang bertanggungjawab untuk memajukan bola sepak di Negeri Selangor. Tapi hari ini, ia merupakan tanggungjawab di bawah pemerintahan baru dan kita harus ambil tanggungjawab tersebut. Sebab itu, di sebalik objektif jangka masa pendek seperti memenangi Piala Malaysia. Kita harus melihat prestasi bola sepak Selangor sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada prestasi bola sepak negara. Kita sedia maklum, prestasi bola sepak negara sejak selepas zaman Allahyarham Mokhtar Dahari teramatlah menyedihkan. Hubungan masyarakat setempat dengan pasukan bola sepak juga semakin longgar. Kalau di Britain dahulu, kita lihat satu hubungan yang begitu akrab di antara masyarakat setempat dengan pasukan bola sepak yang diwakili mereka tidak kira sama ada pasukan tersebut pasukan hebat ataupun tidak. Saya boleh bercakap daripada pengalaman kerana saya bekerja di *Stamford Bridge, Chelsea FC* pada waktu itu. Kini kita lihat kebanyakan yang mengikuti pasukan Selangor cumalah golongan pekerja yang majoriti umumnya masyarakat Melayu semata-mata. Golongan profesional tidak kira Melayu, Cina atau India yang pernah mengikuti Selangor dahulu kini lebih tahu perkembangan *Red Giants*...dengan izin, *Red Devils*, dengan izin berbanding dengan *Red Giants*. Kita perlu memperbaiki sistem *feeder*, dengan izin kepada pasukan bola sepak negeri daripada peringkat paling awal agar sampai ke peringkat akar umbi jika kita cuma fokus kepada pasukan *senior* tanpa memperbetulkan asasnya, masalahnya tidak selesai. Kalau betul peranan yang telah dimainkan oleh YB Taman Templer sebentar tadi, ini mungkin antara sebab kejayaan pasukan Selangor pada hari ini. Tetapi yang pentingnya, pemain-pemain bola sepak mesti diajar gaya hidup yang sihat termasuk sistem pemakanan yang betul, kaedah senaman dan penguasaan kemahiran asas. Aspek-aspek ini semuanya kelihatan seakan-akan tidak berjaya ditekankan pada hari ini. Lihat sahaja bagaimana negara-negara seperti Jepun dan Korea yang pernah menjadi budak belasaan dalam bola sepak dunia ketika pasukan Malaysia agak hebat sudah boleh bersaing di Piala Dunia pada hari ini. Dan

saya mengambil satu contoh bagaimana *Everton Football Club* telah memperkenalkan *Healthy School Buzz Programme*, dengan izin di Britain. Menerusi program yang dilaksanakan dengan Majlis Bandaraya *Liverpool*, Pihak Korporat dan juga *Everton*, jurulatih dari *Everton* bersama pakar-pakar senaman dan kesihatan melawat sekolah-sekolah di *Liverpool* khususnya yang menghadapi masalah sosial dan sebagainya untuk mengajar kanak-kanak bukan sahaja kemahiran bola sepak tetapi juga kepentingan mengamalkan senaman dan pemakanan sihat. Kanak-kanak begitu sukakan program ini kerana penglibatan bintang-bintang bola sepak mereka menerusi *Everton FC*. Kini saya difahamkan *Everton* menawarkan program yang sama di Malaysia, saya fikir ada baiknya Persatuan Bola Sepak Selangor dengan kerjasama penaja utama Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan mempertimbangkan *Health Buzz* ini bagi masyarakat-masyarakat seluruh Selangor khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan juga kawasan-kawasan flat kos rendah dan setinggan. Bukan sahaja kita dapat mencari pemain-pemain baik yang mungkin tidak dikesan dalam sistem yang sedia ada tetapi ia juga dapat memperkenalkan amalan sihat untuk anak-anak tersebut. Kita mungkin boleh juga menggabungkan program ini dengan sebuah program sukan perpaduan. Situasi mencabar, ia saya boleh bercakap tentang flat kos rendah misalnya kawasan Desa Mentari. Baru-baru ini ada kes bunuh yang sudah menjadi kelaziman bagi kawasan seperti Desa Mentari di Seri Setia. Masalah yang sering berlarutan ialah masalah-masalah kecil tetapi ia menjadi isu perkauman kerana tidak dapat ditangani dengan baik dan situasi persekitarannya yang tidak mengizinkan. Bukankah baik sekiranya kita melaksanakan program *Health Buzz* ini di mana setiap pasukan bola sepak. Minta maaf, adakah baik, bukankah baik sekiranya kita laksanakan program di mana setiap pasukan bola sepak atau futsal memerlukan penyertaan kedua-dua atau ketiga-tiga kaum yang utama di kawasan tersebut agar mereka dapat kenal-mengenali antara satu sama lain. Suatu masa dahulu, bola sepak menampilkan tokoh-tokoh seperti Ghani Minhat, Santok Singh dan Soh Chin Aun dan sebagainya dan pernah menjadi wadah penyatu-padu masyarakat. Dengan mendekati golongan kanak-kanak dan remaja dengan bola sepak kita dapat melahirkan generasi baru yang bersatu-padu dan penuh dengan semangat muhibah sebagaimana saranan DYMM Tuanku. Oleh itu, Seri Setia ingin menyatakan ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas ucapan DYMM Sultan semalam. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Puan Speaker?

**PUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Terima kasih, Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Subang Jaya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Dalam ucapan Tuanku, Tuanku prihatin terhadap Orang Kurang Upaya dan warga emas. Di satu sesi dialog yang diadakan di Subang Jaya beberapa bulan yang lalu, golongan OKU telah meluahkan kehendak mereka mendapatkan *sticker* tempat letak kereta percuma yang boleh diguna pakai di seluruh Selangor dan bukan sahaja di satu kawasan PBT. Saya hendak bertanya bilakah cadangan ini boleh dilaksanakan kerana cadangan ini bukan sukar untuk direalisasikan dan boleh mengurangkan beban dan kesukaran kepada golongan OKU. Pihak PBT dan agensi Kerajaan Negeri juga harus memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan OKU kerana OKU mempunyai banyak bakat yang boleh menyumbang kepada pembangunan Negeri. Untuk menjadi Kerajaan prihatin, semua pihak mesti mula mengambil langkah memperbaiki infrastruktur ataupun kemudahan awam bagi pihak OKU. Mungkin Dewan yang mulia ini pun, boleh mengambil langkah

pertama di mana golongan OKU boleh mempunyai access ke dalam Dewan ini. Tanah juga harus diberi kepada pihak NGO yang membela dan memperjuangkan hak OKU ataupun warga emas untuk mereka membina Dewan Komuniti bagi kegunaan aktiviti mereka dan bukan bagi tujuan komersial. PBT juga harus mengambil langkah pro-aktif dan memasukkan keperluan merizabkan unit-unit di bawah bagi pembangunan perumahan bertingkat untuk OKU dan warga emas dalam syarat kelulusan pembangunan khususnya dalam kelulusan Kebenaran Merancang. Kes terkini di Subang Jaya merupakan satu Kebenaran Merancang yang telah diberi oleh Jawatankuasa Perancang Negeri kepada satu pemaju di tapak tanah Telekom. Bagi pihak penduduk, saya merakamkan rasa kesal terhadap keputusan ini kerana ia tidak prihatin terhadap masalah trafik, tempat letak kereta dan keamanan penduduk di kawasan perumahan. Bangunan perniagaan 9 tingkat boleh diluluskan di hadapan rumah orang, bukankah ini satu pembangunan yang tidak terancang? Bagaimanakah tanah untuk utiliti ataupun infrastruktur boleh ditukar kepada bangunan perniagaan. Pernahkah pendengaran awam dibuat untuk tukar guna tanah sebegini? ADUN dahulu dalam satu keratan surat khabar bertarikh Jun 2008 telah mengatakan bahawa selama beliau berada di kawasan Subang Jaya sebagai ADUN, beliau tidak pernah mengadakan *conversion* untuk tujuan ini. Saya pula diberitahu oleh pihak MPSJ bahawa *conversion* sudah dibuat. Jadi siapakah yang sedang bercakap benar? Siapakah yang tipu Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang? Saya meminta barisan EXCO mengkaji semula keputusan ini untuk mengelakkan kes ini menjadi satu *precident* yang memudaratkan di mana tanah utiliti Telekom, TNB dan SYABAS boleh dijual kepada pemaju lain untuk bangunan komersial. Satu lagi hal di Subang Jaya, MCA di kawasan Subang Jaya telah menggunakan tanah simpanan agama untuk membuat *business* tadika dan walaupun diberi amaran daripada EXCO untuk tidak memperbaharui TOL mereka, Pejabat Tanah Petaling telah melanggar arahan EXCO dan memberi TOL kepada mereka untuk tahun 2009. Satu lagi kes tanah, saya meminta Kerajaan Negeri buat siasatan terhadap tanah ini, HSD 216593, pajakan selama-lamanya ya. Lot PT 56732, syarat nyata mengatakan tanah ini hendaklah dimajukan sebagai rancangan perumahan usaha sama dengan Kerajaan Negeri tetapi setahu kita tanah ini telah digunakan untuk pembangunan oleh seorang pemaju, Westcourt Corporation Sdn. Bhd. tanpa sebarang usaha sama dengan Kerajaan Negeri. Bagaimanakah ini boleh terjadi? Selain itu, ADUN-ADUN di kawasan MPSJ juga menerima satu aduan bahawa seorang bekas Pengarah MPSJ yang telah diarahkan oleh EXCO untuk berpindah, *transfer* ke Pejabat SUK masih lagi bekerja di Pejabat asalnya di MPSJ dan menggunakan komputer di MPSJ. Oleh kerana perkara ini amat luar biasa, saya ingin tahu adakah ini fenomena biasa di dalam sistem urusan Kerajaan? Sebagai sebuah Kerajaan prihatin, kita seharusnya cuba sedaya upaya untuk meringankan beban rakyat memandangkan ekonomi Negara sedang merosot. Malangnya tiba-tiba berlaku kenaikan cukai pintu berkali ganda dan mengeluarkan kompaun maksimum sampai RM25,000.00 di kawasan operasi MPSJ iaitu di kawasan Seri Kembangan. Isu ini telah barangkali dilaporkan di media dan dimainkan oleh pihak pembangkang. Ia telah menjejaskan nama baik Pakatan Rakyat dan sampai hari ini, perkara ini masih belum dapat ditangani dengan cara yang baik. Kita minta penjelasan?

*Industrial Park Management Committee* (IPMC) telah diarahkan untuk ditubuhkan di semua PBT untuk membantu pelabur tempatan dan pelabur asing di Selangor. Namun, ini tidak diambil serius oleh segelintir PBT. Saya menggesa semua PBT memberi kerjasama menjayakan Jawatankuasa IPMC ini dengan mengadakan lebih kerap, lebih banyak mesyuarat untuk mengatasi masalah pelabur-pelabur memandangkan masalah ekonomi sekarang. Cukai taksiran, bolehkah kerajaan negeri mengkaji semula kadar

cukai taksiran terutamanya bagi kawasan perumahan kos sederhana ataupun kos rendah. Ini boleh membantu meringankan beban mereka terutamanya mereka yang masih perlu menyumbang kepada kos penyelenggaraan bulanan kepada agen. Saya juga meminta EXCO Infrastruktur mempertimbangkan bantuan kewangan kepada PBT dalam menangani kesesakan trafik di kawasan bandar terutamanya di Subang Jaya.

Ahli Majlis, saya menyeru supaya pemilihan semula Ahli Majlis dijalankan dengan lebih telus lagi seperti mengadakan *interview* dan pilihlah orang yang betul-betul mempunyai masa untuk berjumpa dengan penduduk. Ahli Majlis yang sibuk dengan kerja Parti Politik tidak harus dipertimbangkan kerana mereka tiada masa menjawab telefon, menyemak e-mel ataupun kurang inisiatif dalam menyelesaikan masalah penduduk. Segelintir Ahli Majlis MPSJ walaupun telah diberi *laptop* dan diberi amaran, masih lagi tidak menjawab e-mel. Saya menekankan sekali lagi, pilihlah orang yang betul-betul berjiwa rakyat dan mempunyai masa dan kesabaran berkhidmat. Sama juga dengan semua Pegawai Kerajaan yang mempunyai e-mel, jadikanlah ia satu tabiat untuk membalas e-mel jika kita nak majukan Selangor sebagai Negeri IT. Jawatankuasa Penduduk, saya juga menggesa PBT menukarkan polisi mereka sekarang yang melantik Ahli Majlis sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk. Kebanyakan masa Ahli Majlis dibazirkan untuk pengurusan aktiviti penduduk dan Ahli Majlis kekurangan masa membuat kajian semula polisi PBT. Saya cadangkan jawatan Pengerusi JKP dikembalikan kepada penduduk dan Ahli Majlis dilantik sebagai Penasihat JKP. Ahli Majlis boleh memantau perbelanjaan JKP sebagai Penasihat dan segala perbelanjaan haruslah mendapatkan kebenaran Ahli Majlis. Saya rasa sistem ini tidak akan menyebabkan dengan izin, *conflict of interest*. Saya juga menyeru supaya PBT dan UPEN mempercepatkan prosesewartakan kawasan lapang. Satu kes yang harus disegerakan ialah Taman Subang Ria. Ini kali kedua saya membangkitkan isu ini di Dewan. Satu lagi manfaatewartakan kawasan lapang dengan segera ialah ia boleh mengelakkan kes komplot tanah *land scam* di mana kawasan hijau yang boleh digunakan untuk tujuan *commercial*. Saya juga menyerukan supaya Kerajaan Negeri menambah latihan untuk COB dan menguatkan bahagian ini disemua PBT. Pemerhatian yang dibuat dibeberapa PBT menunjukkan bahawa COB kurang fasih dalam menangani isu-isu *praktikal* yang dihadapi oleh *Joint Management Body (dengan izin)* JMB di projek-projek perumahan. Saya juga ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar apakah hasil siasatan penjualan *Brisdale Holdings Berhad* kepada GMB Construction Sdn. Bhd.? Ramai pembeli tidak tahu siapa yang harus mereka hubungi untuk menangani dokumen perumahan. Saya juga menyeru semua PBT supaya lebih telus dalam pengendalian kes haiwan terbiar. Cara penangkapan yang kejam mesti diberhentikan serta merta jika kita serius dalam menjadi satu kerajaan yang prihatin. Prihatin bukan saja kepada golongan manusia tetapi juga kepada haiwan. Di sini saya ada gambar-gambar yang telah diberi oleh SPCA menunjukkan kekejaman PBT mengendalikan haiwan terbiar. Ini gambar anjing yang badannya hampir terputus dalam dua bahagian kerana cara penangkapan kejam. Gambar ada di sini. Satu lagi anjing ini diheret keluar dari pagar rumah tengok telinga berdarah. Sini ada bangkai anjing yang telah mati. Saya meminta satu *due diligence* dibuat dengan segera terhadap kontraktor yang terlibat dalam penangkapan haiwan liar dan bayaran yang telah dibuat kepada mereka supaya mengelakkan penyalahgunaan bayaran di mana haiwan kepunyaan orang pun ditangkap dari halaman rumah semata-mata untuk membuat tuntutan bayaran daripada PBT. Yang saya dengar mereka tangkap satu anjing di satu PBT tangkap gambar bangkai anjing pergi *claim* PBT yang lain dan gambar ini mereka tukar posisi anjing mati itu *claim* buat *make claim* Laporan polis pun saya ada dekat di sini. Sebenarnya dalam ajaran Islam pun ada mengatakan

bahawa kita harus prihatin terhadap haiwan tapi saya tak nak keliru orang di sini kerana nanti UMNO buat hal saya mainkan ajaran Islam. Saya minta siapa nak tahu mengenai ini boleh berjumpa Yang Berhormat Meru yang memberikan saya ajaran Islam ini.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat bagaimana dengan tikus.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Pihak NGO seperti SPCA yang mempunyai pegawai-pegawai yang boleh diambil sebagai Ahli Jawatankuasa Khas PBT mengendalikan kes haiwan yang terbiar. Saya cadangkan EXCO PBT boleh berjumpa dengan SPCA melaksanakan cadangan ini. Pembaziran. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga telah menyeru supaya semua pihak berjimat dan elakkan pembaziran duit rakyat. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang majlis atau mesyuarat yang dianjurkan oleh Kerajaan, Agensi Kerajaan ataupun PBT haruslah mengurangkan kos tidak payahlah membuat cenderahati khas seperti *goodies bag*, *key chain*, sampai kuih-muih diberi. Makan minum bagi setiap mesyuarat haruslah dikurangkan jika boleh. Perbelanjaan bagi rumah terbuka untuk musim perayaan juga haruslah dikurangkan jika boleh. Beratus-ratus ribu dibayar untuk makanan sahaja. Saya berpendapat ini satu pembaziran dan duit ini boleh diambil membantu golongan orang miskin dan kurang upaya. PBT juga harus mengurangkan pembaziran wang, projek-projek yang tidak banyak membawa manfaat penduduk harus dikurangkan. Seperti yang telah dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa semalam mengenai kes Altantuya yang berlaku di Selangor, kes kematian Kugan juga telah berlaku di Selangor di Subang Jaya. Saya meminta Kerajaan Negeri mendesak Menteri Dalam Negeri memberi penjelasan yang teliti kepada negeri kerana ini menyentuh dan melibatkan imej Negeri Selangor. Fokus Kementerian Keselamatan Dalam Negeri haruslah ditumpukan ke arah menjamin keselamatan penduduk Selangor dan bukanlah bagaimana Barisan Nasional boleh memenangi pilihan raya yang akan datang. Akhir sekali saya cadangkan kepada kawan-kawan pembangkang terutamanya UMNO di sebelah sana untuk hafal teks ucapan Tuanku terutamanya muka surat 50 dan 51. Fotostat kalau tidak ada besarkan muka surat ini dan dengarlah nasihat Tuanku. Baca teks Tuanku sekali lagi kalau masih tidak faham tanyalah Wakil Rakyat di sini percayalah mereka lebih memahami tentang nasihat Tuanku yang mengatakan supaya kita tidak membangkitkan lagi isu perkauman di Negeri Selangor. Dengan itu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Speaker.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Kita bagilah peluang kepada pembangkang. Sg. Burong.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, akhirnya saya dah berdiri banyak kali maklumlah orang di hujung sebelah sini tolong-tolong pandanglah.

**TUAN SPEAKER:** Sebelah sini selalu kosong.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** *Asalamualaikum warahmatullah hiwabarakatu*, salam sejahtera, salam perpaduan. Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Sg. Burong untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di majlis perasmian mesyuarat pada petang kali ini. Sg. Burong menjunjung kasih di atas Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia. Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Selangor telah dalam ucapannya (dengan izin) muka surat



halaman 74 “ Beta juga ingin menyeru kepada semua khususnya pihak Kerajaan Negeri Selangor agar menghormati Perlembagaan Persekutuan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan Undang-undang negara serta akur setiap peruntukan yang telah sedia termaktub kepada undang-undang berkenaan. Janganlah hendaknya ada pihak yang menyalah taksir peruntukan undang-undang tersebut ke arah kepentingan dan manfaat sesuatu golongan tertentu. Kita perlu sentiasa mengangkat martabat persekutuan, undang-undang tubuh Kerajaan negeri Selangor dan Undang-undang negara ke tahap tinggi, segala kepentingan peribadi dan politik masing-masing “. Sg. Burong berpendapat bahawa peringatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah terbit daripada rentetan peristiwa-peristiwa yang berlalu di Negeri Perak Darul Ridzuan. Apabila kerajaan campuran pimpinan Pakatan Rakyat telah tumbang dan kemudiannya bertukar menjadi peristiwa sejarah hitam yang berlarutan menimbulkan kekecohan krisis gangguan ketenteraman awam dan menimbulkan kekacauan. Banyak iktibar yang kita pelajari daripada peristiwa-peristiwa sejarah ini. Pertama apabila pemimpin-pemimpin telah meletakkan amanah dan tanggungjawab. Oleh kerana kerakusan dan tamak kuasa sebahagian daripada pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat bukan semua yang mahu mempertahankan kuasa politik daripada tumbang sanggup melakukan apa cara, Akta matlamat melanggar undang-undang perlembagaan, undang-undang tubuh Negeri Perak dan juga peraturan-peraturan. Kerana tamak dan rakus juga pemimpin-pemimpin ini sanggup melakukan *sentimen*, kebencian dan kemarahan dan membawa rakyat ke jalan-jalan raya, mengganggu ketenteraman awam

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Menimbul kekacauan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia hendak mencelah.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya bagi lepas ini sebab masa saya tidak banyak

**TUAN SPEAKER:** Tapi Sg. Burong saya hendak ingatkan cuba bawa perbahasan semua yang membawa undangan

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** lalah, ini titah tuanku

**TUAN SPEAKER:** Jangan tersasar dengan Dewan Undangan

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya ini insya-Allah tidak sesat saya akan gunakan demokrasi. Ya. Mana tadi. Kerana tamak dan rakus tadi ya telah membakar *sentimen* kebencian dan kemarahan yang membawa rakyat-rakyat ke jalan-jalan raya. Mengganggu ketenteraman awam menimbulkan kekacauan dan huru-hara menghalang laluan akta menghalang laluan Baginda Raja Perak. Kerana tamak dan rakus sebahagian pemimpin-pemimpin ini juga sanggup menderhaka kepada Raja. Sanggup mengancam untuk mengheret Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak ke Mahkamah dan

sanggup mempersoalkan kedudukan institusi-institusi Raja yang telah sedia termaktub perlembagaan hingga akhirnya menimbulkan kekecewaan dan kekesalan di kalangan raja-raja termasuk juga Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Selangor. Pada Mac 2009 dalam majlis perasmian pembinaan semula Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Shah Petaling Jaya. Duli Yang Maha Mulia telah mengatakan rasa kesal kerana kedudukan orang-orang Melayu dan raja-raja Melayu telah dipersoalkan pada hal perkara ini telah dipersetujui sebelum negara ini telah mencapai kemerdekaan dan telah termaktub dalam perlembagaan negeri dan persekutuan. Apa yang sebenarnya berlaku di Negeri Perak Darul Ridzuan ialah sebenarnya apabila kerajaan campuran Parti Pakatan Rakyat oleh kerana menang dalam keadaan tipis hanya melebihi 3 kerusi sahaja. Kerana keadaan itu goyang bila-bila boleh tertukar kerana itu dengan takdir Allah SWT telah berlaku perubahan di Perak dan dalam kes ini juga dengan kehendak Allah SWT Sultan Perak telah memberikan kerajaan itu kepada Barisan Nasional.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Seri Setia bagi lalu

**TUAN SPEAKER:** Minta laluan

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya. Nanti saya bagi nanti hilang macam tadi. Hilang ya. Jadi sebenarnya apabila kita menghormati undang-undang tubuh perlembagaan persekutuan dan sebagainya perkara ini tidak akan terjadi masalah kalau keputusan Duli Tuanku hendak dicabar oleh dicabar dan telah dicabar di Mahkamah dan tidak ada menjadi masalah. Kita menjalankan sistem demokrasi

**TUAN SPEAKER:** Yang berhormat. Saya ingatkan Peraturan Tetap 3.6.1. tajuk ini adalah perbahasan usul menjunjung kasih Sultan Selangor. Jadi tak usahlah yang berlaku di Perak, itu tidak berlaku di Negeri Selangor. Selangor baik, itu tak jadi masalah, jadi tak perlu disebut dah beberapa minit pasal itu.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tak saya hendak menjelaskan

**TUAN SPEAKER:** Mukadimah. Jangan Sg. Pelek dia orang baru. Faham. Tapi Yang Berhormat orang lama apa ni. Saya minta balik pada pokok ya. Balik pada pokok ya .

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker. Duli Yang Maha Mulia telah memperingatkan kedudukan kita supaya kita menjaga perlembagaan Malaysia, undang-undang tubuh negeri Selangor dan juga peraturan-peraturan undang-undang Negara dan kita dapati perkara ini tujuannya adalah untuk memperingatkan kita di Negeri Selangor ini supaya kita jangan melakukan kekecohan di Perak bukannya saya tidak bersetuju kedudukan ini. Apabila berlaku kekecohan di Negeri Perak inilah kalau berlaku di Negeri Selangor maka kekecohan-kekecohan dan ini yang saya implikasi tuan Speaker yang perlu kita ialah kita Ahli-ahli Dewan dalam sistem yang telah dijelaskan dibagi fungsi-fungsinya kita dibagi sistem kehakiman, sistem eksekutif kita ada sistem nurseri. Kalau tiap-tiap Ahli Dewan peranan melaksanakan, memahami, menghayati sistem itu maka peristiwa yang berlaku di Negeri Perak mungkin tidak berlaku.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat masa telah 4.30 petang. Memandangkan ada urusan belum habis jadi mesyuarat ini akan dilanjutkan pada pukul 6.00. petang. Jadi saya meminta kerajaan membawa usul.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan speaker tak bagi ke saya peluang belum habis ni

**TUAN SPEAKER:** Nanti nak lanjutkan masa. Tak, nak lanjutkan masa. Saya nak lanjutkan masa

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ok. Maaf Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ha...

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Maaf Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Sila-sila

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 6.00 petang".

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**. Dipersilakan Sg. Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, Tuan Speaker kerana membenarkan saya menyambung perbahasan. Kita ada sistem dalam sistem yang mengasingkan kuasa *juried executive* kehakiman. Kita sangat berharap supaya kita memahami dan menghayati sistem ini. Kalau kita gagal menghayati sistem ini, ini yang boleh berlaku kekacauan negara. Apabila kita berasa tidak puas hati, apabila kita tidak berasa bahawa apa yang dihajati tidak tercapai, apabila kita tak berjaya meyakinkan perkara-perkara dalam Dewan Undangan dan Parlimen kita mula membawa keluar dan mewujudkan satu suasana seperti adanya sepertinya ada..ada *third government* membawa demonstrasi ke ...nanti, nanti bagi, bagi saya habis lepas itu kalau akhir ada masa Tuan Speaker izinkan saya akan bagi peluanglah kepada Seri Setia. Tuan Speaker kalau kacau boleh hilang idea ha inilah harapan. Saya, saya mengambil berat perkara ini kerana ada kecenderungan hari ini. Saya membawa Usul-usul perkara ini dalam sistem perundangan kita membawa ke jalan raya dan kemudian kita mengajak rakyat supaya kita berdemonstrasi jalan dan hari ini kita berkata pula bahawa kita tak cukup anggota keselamatan sedangkan semua jentera tenaga, *resources* anggota keselamatan kita tertumpu untuk menangani demonstrasi-demonstrasi jalan raya. Apa salahnya di dalam Dewan Yang Mulia seperti ini kita bersidang mengikut jadual yang ditetapkan ada perkara-perkara yang mustahak dan *emergency* membuat notis kepada Tuan Speaker kita panggil Dewan ini. Kita buat sidang Dewan kita bincangkan Usul dan kita buat ketetapan dan kelulusan. Janganlah kerana kita tak berpuas hati kita berhimpun beramai-ramai kalau perkara ini berlaku seperti berlaku di negara jiran kita, kita akhirnya demokrasi ini akan membawa kehancuran.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, izinkan saya teruskan lepas itu saya bagi. Saya bagi Seri Setia, saya bagi sahabat saya Sri Muda.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Peraturan Tetap Sekinchan. Peraturan Tetap 36.1.

**TUAN SPEAKER:** Peraturan Tetap, sila duduk dulu. Sila duduk Sg. Burong. Duduk dulu

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Baik,

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Peraturan Tetap 36.1 seseorang Ahli kena menghadkan percakapan kepada perkara-perkara yang dibincangkan sahaja dan tak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang di bincangkan itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, saya setuju dengan Sri Muda, Sg. Burong saya setuju dengan Sri Muda. Masukkan tajuk jangan demonstrasi sahaja. Jangan polis tidak cukup itu semua masalah Kerajaan Persekutuan. Jadi kita sekarang bincangkan masalah Selangor.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, ini peringatan DYMM Tuanku.

**TUAN SPEAKER:** Betul, nanti dulu saya belum habis, saya beritahu yang demonstrasi UMNO buat juga.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya tak kata apa yang UMNO, Barisan

**TUAN SPEAKER:** Nanti, nanti dulu yang buat demonstrasi ini semua pihak ada Barisan Nasional ada, ya Pakatan pun ada jadi ia Tuanku dah buat pesan jangan buat lagi di Selangor, jangan kita buat yang Perak itu dia Sultan lain jadi janganlah bincang Perak, yang ini Selangor ini, Selangor dah pesan jangan buat demonstrasi jangan buat demonstrasi.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, nampaknya Tuan Speaker saya dulu belajar dari Tuan Speaker, saya dulu duduk sana melihat mana Tuan Speaker duduk sini. Kita bagilah keadilan jerit, jerit Tuan Speaker dah duduk bagi peluang saya bercakap perkara yang berkaitan dengan Negeri Selangor yang dibangkitkan oleh DYMM kita supaya kita di dalam Dewan supaya berasional matang. Sesuatu dan jangan menjadi emosi saya nak bangkitkan dan kita bersidang mengikut kuasa undang-undang yang ada dalam peruntukan untuk kita. Ini saya ingin memperingatkan saya bagi demonstrasi Tuan Speaker saya tak pergi perjalanan serik. Dulu masa Datuk Seri Anwar, saya *student* dia pemimpin bawa saya pergi demonstrasi perjalanan masuk Masjid Negara, Masjid Negara tercemar dengan peristiwa-peristiwa ini saya tak mahu perkara ini dan kita berharap mengajar generasi muda kita supaya kita melakukan perkara-perkara yang boleh menjaga keharmonian ketenteraman Negara ini.

**YB TUAN AMIRUDIN SHARI:** Tuan Speaker, minta laluan bagilah saya .. saya nak minta ulasan dari YB Sg Burong tentang Sg. Panjang yang ditahan oleh pihak polis kerana terlibat perhimpunan haram Pulau Pinang.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, kalau siapa di tahan oleh apa pihak Keselamatan beliau akan bertanggungjawab siapa-siapa malah bukan Sg. Panjang kita tahu ramai pemimpin-pemimpin dari Pakatan Rakyat, Pandamaran beritahu saya asyik turun naik, turun naik ke Mahkamah oleh kerana demonstrasi perjalanan tak serik ke? Apa yang terdapat daripada ini di sini kita bincang hal-hal isu Negeri keamanan kesejahteraan mengatasi masalah keselamatan ekonomi adalah lebih baik daripada kita membazirkan masa tenaga kita dan tenaga anggota keselamatan negeri kita semata-mata untuk kita mencapai nafsu matlamat kita. Ini Tuan Speaker ini yang saya nak peringatan kepada Ahli-ahli Dewan kita. Di Negeri Selangor kalau boleh di bawah pimpinan Menteri Besar YAB Menteri Besar Pakatan Rakyat kita tunjukkan satu modal yang baik. Mengapakah ini yang saya nak sampaikan jangan janganlah Tuan Speaker saya hanya 10 minit banyaklah perkara yang saya ingin nyatakan.

**TUAN SPEAKER:** Saya tak cakap apa pun, jangan kata tersekat, ha jangan tuduh Tuan Speaker. Saya cuma berikan peringatan. Sila ..

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih atas peringatan Tuan Speaker itu. Sebenarnya Tuan Speaker peringatan saya dah fahamlah dan saya tak lari dari trek itu sebenarnya ha itu tapi inilah dia kita bersama-sama jadi bahan renungan iktibar. Saya bukan sahaja nak beri span antarabangsa tetapi antarabangsa taring apabila berlaku peristiwa di Perak semua dilontarkan kesalahan kepada Barisan Nasional seolah-olah UMNO buruk tapi sebenarnya ini lompat batu mengatakan orang UMNO Barisan Nasional dulu menggunakan perkataan tu yang hari ini menyatakan nak sebut mengatakan Barisan Nasional merampas kuasa kudeta dengan izin apa makna kudeta mesti ada tentera senjata ha ini kita kena faham

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi dah balik Selangor sekarang pergi pulak ke Perak. Balik Selangor, balik Selangor.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sebab, sebab Tuan Speaker, antarabangsa hak bercakap. Seri Setia berhak bercakap bagilah Sri Burong bercakap sekali kita cakap ini.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi peluang tapi cakaplah Selangor, asyik Perak.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ialah ini nak balik Selangor. Saya nak menegaskan saya nak kata Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana dialah yang budaya lompat melompat parti melompat parti inilah yang menjadi masalah di Negeri Perak sehingga saya nak Pengerusi DAP sendiri telah rakyat. Parti saya nak *code* ya nak *code* Anwar has *Created A Lot Of Trouble In This Country*. Anwar Ibrahim harus bertaubat.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Siapa yang bercakap, siapa yang bercakap, inilah budaya lompat melompat.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak tanya, siapa yang memulakan budaya lompat melompat kalau kita lihat sejarah kejatuhan Negeri Sarawak 1990an, kejatuhan Kerajaan Negeri Kelantan 1970an, Kerajaan Negeri Sabah 1990an. Siapa yang mulakan.

**TUAN SPEAKER:** Er, jangan cakap sampai Sabah, Sarawak. Cakap Perak dulu.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya bukan Wakil Rakyat pada masa itu. Sejarah pun kata Datuk Seri Anwar Ibrahim banyak mainkan peranan ini. Sewa kapal terbang ramai-ramai kempen dekat situ nak cakap antarabangsa tapi dia tak ada di sini. Berlaku *enough trouble* hampir kita dulu terjerumus dengan ekonomi banyak lagi kawasan saya pun belum sempat bercakap pasal agama. Inilah cara-cara kita dulu kalau tidak hancur berhutang dengan IMF kalau kita dengar cakap Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ha rasuah kita cakap rasuah antarabangsa nak telanjang takut dia telanjang besok. Orang ambil gambar pula lagi susah.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Minta laluan Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya tunggu dulu Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Peraturan Tetap 36 Perkara 9 dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau sesiapa Pegawai Kerajaan Negeri daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau Pegawai Kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Jadi mana yang tak betul. Mana yang tak betul.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Dia sekarang sentuh pasal dengan Anwar dan Bukit Antarabangsa yang tidak berasaskan kepada tatatertib atau urusan semasa melaksanakan tugasnya.

**TUAN SPEAKER:** Tapi YB bila YB sebut tentang Datuk Seri Anwar semasa beliau menjalankan tugas sebagai Timbalan Menteri jadi semasa beliau UMNO tetapi yang penting semasa beliau menjalankan tugas sebagai Timbalan Menteri jadi itu adalah kelakuan semasa jadi tidak melanggar. Sementara Bukit Antarabangsa juga sebab disebut di sini. Jadi Sg. Burong tidak melanggar Peraturan 39.6.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ia adil terima kasih Tuan Speaker. Saya harap hari ini Datuk Seri Anwar yang telah menjadi Penasihat PKR ini dah bertaubat benar-benarlah. Pengerusi DAP ini mudah-mudahan. Tuan Speaker, Tuan-tuan dan Puan-puan masa sudah sampai. Saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya., Telok Datuk.

**YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Telok Datuk ingin mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih tuanku. Tuan Speaker, orang asli merupakan penduduk yang terawal di negara kita namun juga merupakan golongan yang paling ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Golongan ini masih mundur walaupun negara semakin mencapai kemajuan dalam pelbagai segi. Isu kemiskinan buta huruf dan tahap kebersihan yang rendah sering di kaitkan dengan mereka. Kehidupan mereka bukan sahaja susah malah tiada hala tuju. Tuan Speaker seperti mana dalam titah ucapan DYMM Tuanku bahawa tanah orang asli sepatutnya dipelihara tetapi malangnya apa yang diketahui oleh Teluk Datuk ialah kerajaan negeri dulu iaitu kerajaan Barisan Nasional telah merampas beberapa tanah orang asli dengan alasan untuk pembangunan sebagainya contohnya bukit komander kawasan DUN Teluk Datuk, walaupun kerajaan dulu memberikan wang pampasan yang berjumlah

lebih kurang RM200 ribu hingga RM300 ribu serta membina banglo-banglo yang baru sebagai tukar ganti dengan tanah yang diduduki oleh mereka yang asalnya lebih kurang seluas 1000 ekar kepada tanah yang dibina banglo itu yang lebih kurang seluas 70 ekar. Adakah kerajaan barisan nasional dulu pernah berfikir untuk kehidupan golongan orang asli ini bagaimanakah mereka hendak menyara hidup sedangkan rezeki telah putus akibat ketiadaan tanah untuk bercucuk tanam. Pemberian wang pampasan adalah tidak begitu praktikal kerana wang tetap akan habis guna suatu hari nanti sebaliknya tanah merupakan aset dan satu jaminan untuk orang asli ini. Walau bagaimana pun wang pampasan yang berjumlah RM200 ribu ini masih belum ditunaikan namun penduduk ini telah menyalahgunakan wang ini dengan mulai berbelanja tanpa kebijaksanaan dan ada setengah pihak yang tidak bertanggungjawab ini memasuki kawasan mereka untuk menjual rokok, malah dadah secara kredit. Tuan Speaker pemborosan ini akhirnya akan membawa parah. Oleh itu Teluk Datuk ingin mencadangkan bahawa kerajaan negeri boleh memberikan wang pampasan tersebut kepada mereka secara bulanan supaya mereka dapat menanggung perbelanjaan harian. Dengan ini kehidupan mereka terjamin dan bebas dari hutang. Selain itu tahap pendidikan mereka juga perlu diberikan tumpuan yang sewajarnya agar generasi mereka tidak terus ketinggalan. Tuan Speaker, menurut sumber yang boleh dipercayai, pelajar di kawasan ini jauh ketinggalan dalam pembelajaran. Fenomena ini amat membimbangkan kerana generasi muda bakal pemimpin negara tiada sesiapa yang patut dipinggirkan dan diabaikan sehingga ketinggalan dalam arus kemajuan. Setiap orang mempunyai hak yang sama untuk masa depan yang cerah. Tuan Speaker isu dadah bukan isu yang baru tetapi hangat kembali dengan paparan di surat khabar *China Press* lebih kurang 2 bulan yang lepas dadah membawa parah. Didapati dua orang pemuda di DUN Teluk Datuk telah membunuh diri akibat terjerumus ke dalam kancap negatif ini. Dua orang pemuda ini adalah berusia dalam lingkungan 25 hingga 28 tahun dan salah seorang daripada mereka merupakan bekas penuntut universiti luar negara. Tuan Speaker, mereka sepatutnya generasi muda yang mempunyai masa depan yang cerah tetapi telah menggadaikan nyawa akibat dadah. Kes ini bukan sahaja menyakitkan hati malah mendedahkan sekali lagi kehebatan dadah dalam memusnahkan kehidupan seseorang dan seterusnya memusnahkan masyarakat dan negara. Itulah sebabnya dadah telah dipilih sebagai musuh utama negara. Tuan Speaker, pada masa kini dadah seperti wabak penyakit yang dahsyat telah merebak ke setiap penjuru walaupun di kawasan kampung masalah penagihan dadah juga menjadi semakin serius. Golongan yang terlebih dahulu menjadi mangsa merupakan golongan remaja. Kurangnya bimbingan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan naif merupakan antaranya sebab-sebab yang menyebabkan mereka terjatuh ke dalam gejala ini. Tuan Speaker, di kawasan DUN Teluk Datuk pengedar dadah bagaikan restoran makanan segera yang membuat penghantaran ke pintu rumah, hanya dengan satu panggilan, dadah akan di hantar terus ke rumah. Apa yang tidak dapat diduga, ialah pengedar dadah telah mempergunakan remaja yang masih mentah untuk membuat penghantaran. Oleh remaja yang ingin cepat atau bersikap naif mudah terpedaya. Fenomena ini amat membimbangkan kerana kemungkinan untuk remaja tersebut menjadi penagih atau pengedar dadah kelak adalah tinggi. Sekiranya itu gejala dadah akan menjadi semakin sukar dibendung, Tuan Speaker, pihak polis ada menjalankan operasi untuk membanteras gejala dadah, namun tanpa penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya mereka yang dibuktikan penagih dadah dibebaskan juga pada akhirnya. Undang-undang gagal menimbulkan perasaan takut di kalangan penagih dadah. Tuan Speaker, didapati pengedar dadah dapat membebaskan diri dalam 3 hari hanya dengan wang jaminan sekadar RM1000 ringgit. Hari ini menunjukkan bahawa gejala rasuah yang tidak ditangani telah menyebabkan gejala dadah lebih sukar untuk dibendung.

Tuan Speaker, kini JKKK Kampung Baru Sungai Jarum DUN Teluk Datuk dalam usaha melancarkan kempen antidadah. Walau bagaimanapun usaha ini memerlukan sokongan dari pelbagai pihak terutamanya masyarakat setempat demi kesejahteraan sejagat. Oleh itu dicadangkan bahawa sebuah *Task Force* anti dadah dapat dibentuk agar kempen antidadah dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Tuan Speaker, tapak pelupusan sampah di Sungai Sidu masih belum dipindahkan ke tapak yang baru iaitu tapak *sanitary landfill* tanjung 12 seperti mana yang dirancang. Dalam titah ucapan DYMM tapak *sanitary landfill* tanjung 12 ini dijangka siap dalam bulan Jun 2009. Untuk makluman semua, sebenarnya tapak ini dapat disiapkan lebih awal tetapi disebabkan kerajaan dulu, kerajaan Barisan Nasional telah gagal untuk mengemukakan *enviromental impact assesment*, dengan izinnya *AIA Report*. Laporan ini mengambil masa 6 hingga 9 bulan untuk disiapkan. Oleh itu kerajaan kini terpaksa membazir kan masa untuk menjalankan penilaian ini. Projek yang tergendala ini menunjukkan kelemahan dan kurangnya efektif kerajaan dulu dalam melancarkan projek-projek baru. Tuan Speaker sebahagian daripada projek adalah membuka jalan yang sepanjang 15 km untuk sampai ke tapak pelupusan ini. Untuk pengetahuan semua, Teluk Datuk terjumpa papan tanda yang didirikan oleh pihak JKR di tapak tersebut yang menunjukkan bahawa projek ini projek kerajaan barisan sebenarnya dimulakan dari 21hb. September 2006 dan siap pada 20 hb. Disember 2007. Saya tunjuk gambaran. Namun adalah amat kecewa kerana projek ini langsung belum dimulakan dalam tempoh ini. Walau bagaimana pun Tuan Speaker, kerajaan Pakatan Rakyat, tidak menghampakan masyarakat kerana telah memulakan projek ini sejak awal tahun ini, tambahan pula jalan yang sepanjang 15 km ini telah siap separuh, oleh itu Teluk Datuk menyeru agar projek ini dapat disiapkan secepat mungkin supaya penduduk kampung Sungai Sidu yang selama ini menjadi mangsa pencemaran dapat terlepas dari mimpi buruk ini. Tuan Speaker isu seterusnya yang ingin Teluk Datuk bangkitkan ialah banglo EXCO Kerajaan Negeri yang terletak di Seksyen 7, Shah Alam. Tuan Speaker, kos pengurusan 10 unit banglo tersebut didapati tidak sewajarnya. Teluk Datuk difahamkan bahawa kos pengurusan sebulan adalah setinggi RM162,000.00 bermakna RM16,200 bagi setiap unit banglo. Tambahan lagi kos kawalan serangga perosak adalah sebanyak RM35,000 sebulan. Kos pembersihan dan landskap pula sebanyak RM40,000 sebulan. Dan kos-kos lain yang tidak sewajarnya sehingga setahun kita kena bayar RM2 juta. Angka-angka tersebut menunjukkan bahawa pengurusan yang tidak cekap malah membazirkan wang rakyat oleh pihak kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu Teluk Datuk mencadangkan bahawa siasatan dibuat atas syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengurusan banglo-banglo tersebut agar tidak wujudnya unsur rasuah dan pengurusan yang lebih cekap dengan kos yang sewajarnya dapat diwujudkan. Tuan Speaker, isu terakhir yang ingin saya kemukakan dengan tunggakan cukai tanah. Terdapat sebanyak RM800 juta cukai tanah tertunggak. Daripada jumlah ini terdapat kira-kira RM200 juta adalah tunggakan anak syarikat Kerajaan Negeri. Hal ini memang sukar difahami kerana kebanyakan anak syarikat tersebut mendapat untung besar tetapi gagal menjelaskan cukai tanah. Fenomena ini memang tidak sihat jika dibandingkan dengan kerajaan Johor yang langsung tidak mempunyai masalah ini. Oleh itu Teluk Datuk ingin mencadangkan bahawa tindakan yang tegas diambil ke atas pihak yang menunggakkan cukai tanah. Hal ini kerana kebanyakan pihak yang tertunggak bukannya tidak mampu membayar cukai tetapi tanpa penguatkuasaan yang sewajarnya oleh kerajaan. Perkara ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Untuk mengelakkan tunggakan terus bertambah sehingga sukar dikutip balik kelak. Selain itu terdapat banyak pihak pemaju pangsapuri dan kondominium yang gagal membuat permohonan satu *title*. Fenomena ini bermakna kerajaan gagal mengutip hasil yang lumayan setiap tahun. Oleh itu Teluk



Datuk mencadangkan tindakan yang tegas diambil ke atas pihak pemaju tersebut seperti mengeluarkan borang 6A atau di senarai hitamkan. Sekian , terima kasih.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Tuan Speaker .....

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada Kuala Kubu Baharu untuk membahas titah ucapan Tuanku. Tuan Speaker, berkenaan perkembangannya pertumbuhan ekonomi merupakan elemen terpenting bagi kemajuan semua sesebuah negeri dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Selangor sebagai sebuah negeri maju dan ke hadapan di negara dia merupakan penjana kepada pertumbuhan ekonomi negara. Menurut kadar ekonomi Negeri Selangor akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara ini. Dalam menghadapi krisis kelemahan ekonomi ini Kerajaan Selangor harus bergerak pantas, cekap dan terkedepan bagi membuat perancangan dan strategi serta tindakan-tindakan bagi menjana pertumbuhan ekonomi dapat berkembang dan dikawal. Persepsi umum mengetahui dan semua rakyat tahu sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor yang lalu kurang perhatian di ambil bagi merancang pertumbuhan ekonomi negeri dan rakyat. Apabila berlaku kelemahan ekonomi sekarang Kerajaan Pakatan Rakyat sibuk dengan isu remeh temeh antara isu-isu sentiasa menyalahkan atau menuding jari kepada kerajaan terdahulu apabila ada masalah yang tidak dapat di selesai dibangkitkan oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang jari itu menuding kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan khususnya PBT. Baru-baru ini, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah mengumumkan sebanyak 50 bilion.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, minta laluan.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** 50 bilion

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu, Ah! Kampung Tunku minta laluan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Kuala Kubu Baharu. Setujukah Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu dengan saya bahawa tugas kita sebagai Kerajaan ataupun tugas sesebuah Kerajaan itu apabila menghadapi masalah ianya perlulah menerangkan masalah itu kepada rakyat. Tentang punca dia dan cara-cara penyelesaian yang ada supaya rakyat boleh tahu dengan selengkap-lengkapnyanya dan setelus-telusnyanya tentang masalah itu. Bukan kita nak, setujukah Yang Berhormat dengan saya, bukan kita nak menuding jari kepada sesiapa pun. Tadi Yang Berhormat Taman Templer pun menyatakan sesuatu yang tidak kena dengan YDP kita. Jadi kita lah, biarlah kita berdebat secara rasional.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Pun saya belum habis ucapan saya, jangan merajuk. 50 bilion bagi pakej merangsang ekonomi negeri Selangor. Walaupun dia agak lewat dan merupakan *rubber stamp* kepada perangsang ekonomi negara pusat tetapi inilah ada satu tindakan yang baik untuk rakyat Selangor. Setuju tak? Pengumuman ini merupakan satu propaganda lah boleh dikatakan. Apabila pusat, Kerajaan Pusat umumkan 60 bilion untuk merangsang ekonomi, saya soalan tu bagaimana negeri Selangor dapat sumber 50 bilion sama ada dalam negara atau pun luar pihak ataupun IMF seperti yang berlaku dalam krisis ekonomi negara pada tahun 1997 di mana mantan

Menteri Kewangan sekarang merupakan penasihat kepada Pakatan Rakyat tentu ada memainkan peranan. Kerajaan Negeri perlu menyatakan terperinci kerana dia hanya kalau tidak dia akan menjadi retorik politik semata-mata. Sektor mana akan wujudkan 150 ruang pekerjaan kepada rakyat negeri. Sekiranya ini adalah satu kenyataan yang benar Kuala Kubu supaya memohon Menteri Luar Negeri Dato' Sri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar supaya boleh tangguh penarikan permit pekerja luar seramai 70,000 kalau tidak nanti kekurangan sumber pekerja matlamat kita tidak akan tercapai kerana Pusat. Pusat hanya boleh memperuntukkan 60 bilion tetapi negeri sudah 50 bilion, hebatnya memang hebat. Konsep yang ada baik tetapi persoalannya Kerajaan Negeri Selangor bagaimana digunakan sebaik-baik untuk rakyat yang berkesan dan efektif. Bukan satu janji kosong. Rancangan ekonomi ini tidak menguntungkan rakyat kerana bidang yang beri penyertaan dan penguntungan kroni dan kumpulan-kumpulan tertentu yang berpentingan dengannya seperti pemulihan dan pembersihan sungai Klang, keluasan sistem pengangkutan bandar, Kuala Kubu berharap peruntukan ini tidak akan disalurkan kepada kroni dan kumpulan seangkatan. Rakyat terus dibebani dengan kos pengangkutan yang tinggi. Rakyat terus ditindas kerana penggunaan terbuka kepada rakyat bawahnya. Ketika menaik taraf industri air, menaik taraf industri air pembaharuan aktiviti di bandar rakyat meragunya tiada perinci golongan sasaran rakyat mengenai terutamanya kepada golongan peniaga kecil di luar bandar menjadi tanda tanya. Pembangunan semula projek rumah terbengkalai, peruntukan ini harap dapat digunakan sebaik-baik bukan membantu kroni tertentu sahaja. Jika rangsangan ekonomi ini merupakan rangsangan ekonomi propaganda politik ianya merupa agenda rangsangan ekonomi mengaburi mata rakyat kerana sejauh mana pelaksanaannya merakyatkan ekonomi atau meranapkan ekonomi rakyat matlamat tidak akan dicapai. Seperti janji dalam manifesto Pakatan Rakyat di PRU Ke 12, sepatutnya kadar cukai pintu diturunkan. Kadar lesen peniagaan termasuk pelbagai cukai di bawah pihak kuasa tempatan diturunkan barulah dikatakan membantu rakyat. Kelemahan ekonomi menyebabkan pendapatan rakyat berkurangan hasil penurunan cukai duit di poket rakyat dapat bertambah tapi kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar seorang peniaga korporat yang berjaya saya yakin Yang Amat Berhormat tahu bagaimana cara untuk mencukaikan rakyat dengan kekalkan kadar tafsiran untuk rumah 9 %, untuk perniagaan 12% tetapi menaikkan penilai tanah, nilai tanah tu, penilaian tu di naik. Kuala Kubu telah menerima ramai aduan berkenaan perkara ini di kalangan premis-premis. Janji manifesto pilihan raya Pakatan Rakyat akan menurunkan kadar cukai pintu ianya hanya janji kosong merupakan satu slogan untuk memancing undi sahaja. Tidak ada rangsangan bagi menambah pendapatan rakyat seramai rakyat bawahan. Rakyat luar bandar, rakyat miskin, industri IKS tidak ada rangsangan untuk menjana sektor industri yang terjejas di Selangor. Kerajaan Selangor ini di bawah Pakatan Rakyat hendak memandang kepada keseluruhan rakyat bukannya segelintir sahaja yang berkepentingan bukannya ada agenda tersembunyi.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, isu pasir. Pasir merupakan komponen terpenting kepada kerja-kerja pembinaan. Berikutan kadar harga pasir tertinggi sekarang di Semenanjung ialah telah menimbulkan banyak isu kecurian. Di Negeri Selangor pengeluaran pasir hanya dimonopoli oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Kerajaan Selangor harus mengambil inisiatif turunkan harga pasir dan meluaskan pembelian secara terbuka dan telus. Difahamkan Kumpulan Semesta hanya membayar royalti, hari ini sehingga hari ini sebanyak 3 juta sedangkan pada awalnya sebanyak 150 juta dijanjikan dan diturunkan kepada 50 juta. Penurunan ini disebabkan berlaku kecurian pasir yang tidak dikawal. Banyak berlaku kecurian, kesukaran, pembanteras pembanterasnya sukar dilakukan kerana ia dilindungi oleh orang-orang politik.

Pengusaha pasir dan pengangkutan majoriti terdiri daripada masyarakat Cina. Ramai pengusaha pasir dan pengangkutan tidak dapat menjalankan kegiatan ini kerana ianya di monopoli oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dan terpaksa menampung kos pengurusan yang begitu tinggi. Golongan masyarakat inilah yang sedia dilupakan sepatutnya Pakatan Rakyat harus sedar masyarakat inilah yang telah beri sokongan kepada Pakatan Rakyat mereka sepatutnya diberi perhatian tetapi sikap Kerajaan Pakatan Rakyat melupakan mereka pada pilihan raya yang akan datang sudah tentu mereka tidak akan menyokong Pakatan Rakyat. Ini lah akibatnya kerugian kepada rakyat. Rakyat terpaksa menanggung dan pihak-pihak yang berkepentingan mengaut untuk hasil kegiatan mencuri pasir. Rakyat tahu Menteri Besar kita sebelum ini adalah seorang ahli peniaga. Saya ada baca surat khabar daripada China Press memang tengoknya, rumahnya besar dibina dengan penuh tradisi dan budaya Melayu yang kalau tengok rumah, tiang rumahnya ukir, ukirannya dengan sebatang pokok dengan izin, *I am so admire*, kalau saya mampu saya pun nak bina sebuah rumah tapi dengan tradisi Cina.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu, Kuala Kubu Baharu, Yang Berhormat Batu Caves nak minta laluan.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Ok.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Tuan Speaker, Kuala Kubu Baharu. Pelbagai tuduhan yang dihantar atau dibuat dalam bentuk generalisasi awam sila khususkan. Pihak yang berkepentingan itu siapa? Adakah mana-mana ahli pimpinan politik di sini di kalangan pimpinan Pakatan Rakyat ada kepentingan dengan Kumpulan Semesta. Sila buat bukti jangan sebut ada kepentingan dengan orang politik ke orang politik sebelah sana jugak. Sebab yang curi pasir daripada rekod yang kita tengok banyak daripada pimpinan sebelah sana dan kemudian tentang rumah Menteri Besar, ini hal peribadi, dia dapat hasil daripada kerja yang dibuat sebelum jadi Menteri Besar. Dia tak ada jadi Menteri Besar baru beli rumah baru di Glemarie (tepuk meja).

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Hah! lagi seorang pemuda merajuk pulak. Saya belum habis ucapan saya. Nanti.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Ini bukan merajuk tapi nak minta penjelasan.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Nanti, nanti dulu belum sampai lagi. Nanti, nanti. Saya tidak mempertikaikan bahawa kekayaan Menteri Besar itu adakah datang daripada politik? Tidak. Itu sebab tadi saya sebut dia adalah seorang usahawan, peniaga yang berjaya, seorang korporat. Boleh membina rumah seluas tiga suku ekar di Bukit Damansara. *I'm admire dengan izin, I'm admire. I'm not condemning MB. I'm admire him.*

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, *admire or you are admired.*

**YB TUAN WONG KOON MUN:** *Anywhere.*

**TUAN SPEAKER:** Tak, tak tolong betulkan sebab Yang Berhormat sebut *I'm admired.*

**YB TUAN WONG KOON MUN:** *Admire.*

**TUAN SPEAKER:** *I'm admired.*

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Yes

**TUAN SPEAKER:** Siapa, kamu *admire* ke kamu rasa *admired*.

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Dua-dua boleh

**TUAN SPEAKER:** (Ketawa)

**YB TUAN WONG KOON MUN:** *Both the same. Don't worry, don't worry is't the same.* Sama jugak.

**TUAN SPEAKER:** Kena-kena ikut kursus Inggerislah ni.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tapi saya tahu dengan kekayaan Menteri Besar dia tidak akan curi apa-apa hasil daripada Negeri Selangor. Saya yakin, tetapi malangnya baru-baru ini ada laporan kehilangan dua buah mesin pasir. Hah! ini ada berkaitan tapi tu bukan Menteri Besar ada berkaitan dengan saudara Menteri Besar. Saya minta penjelasan bagaimana beliau boleh terlibat sendiri dalam aktiviti mencuri pasir tersebut. Dilaporkan beliau pernah mempunyai pejabat khas di tingkat 5, bangunan SUK. Kenapa, apa tugasnya? Kerajaan Pakatan Rakyat perlu serius menurunkan kadar harga pasir. Harga pasir merupakan harga yang tertinggi di Semenanjung Malaysia selain daripada Negeri Sabah kerana kenaikan harga pasir memberi kesan seperti berikut. Kenaikan harga bahan pembinaan. Kenaikan harga rumah. Membebaskan rakyat. Kadar pinjaman tinggi, faedah tinggi kerana kenaikan kos pembinaan akibat harga pasir yang tinggi di negeri ni pembelian daripada luar dilakukan oleh pemaju hartanah. Contohnya membeli daripada negeri Perak. Berlakunya kes kecurian pasir yang meluaskan contohnya di SKC Bernam. Kenaikan kos pengangkutan, pengaliran trafik bertambah di jalan awam terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya. Kerosakan jalan, kos pembaikan jalan tinggi, kos meningkat, pembaziran wang rakyat, mengganggu pengguna jalan raya mereka kenderaan besar kerana mereka terpaksa menggunakan kenderaan yang besar kerana agak jauh daripada hasil pasir tu. Saya amat bersetuju Yang Berhormat Bukit Antarabangsa bahawa salah satu faktor kebaikan projek LRT yang dicadangkan dalam merangsang projek kerana gas toksik itu berkurang berlaku pencemaran alam sekitar tu kurang tapi bagaimana kalau pengangkutan pasir jauh daripada negeri jiran. Kerugian kepada rakyat dan hasil negeri. Satu mekanisme terbaik hendaklah di ambil segera bagi menangani isu pasir ni. Mengambil langkah yang baik terus tidak monopoli dapat mengelakkan kerugian berterusan rakyat dan negeri Selangor.

Isu Kerajaan Tempatan. Tidak dapat dinafikan pergerakan kepada kemajuan dan pembangunan negeri di sokong oleh sesebuah kerajaan tempatan yang telus, cekap, berwawasan dan berdaya maju, Di Negeri Selangor, peranan yang dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan antara menyumbang kepada kemajuan negeri dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Tidak dinafikan juga sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri kelembapan pergerakan pihak PBT begitu ternyata. Saya amat setuju perbahasan Yang Berhormat Teratai, Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Subang Jaya begitu terasa dan dilema yang beliau sedang hadapi oleh PBT. Bagaimana kami sebagai pembangkang? Banyak isu yang

timbul dari isu pelantikan Ahli-ahli Majlis kurang berperanan. Ahli-ahli Majlis sebagai contoh, Ahli Majlis Hulu Selangor yang mengawal selia kawasan Kerling yang berada di bawah kawasan Majlis. Ahli Majlis berkenaan tidak pernah turun padang ke kawasan pemantauannya. Bagi meninjau masalah penduduk dan menjaga penjaga di kawasan berkenaan. Beliau hanya berada di Petaling Jaya. Turun apabila menghadiri mesyuarat penuh Majlis di Kuala Kubu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Teratai nak minta laluan.

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta satu soalan sahaja.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Ok.

**YB PUAN LEE YING HA:** Bagaimanakah Yang Berhormat tahu Ahli Majlis tidak turun padang. Adakah kerana Yang Berhormat tidak turun padang. Jadi dia tidak tahu siapa tak ada turun padang.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Saya memang seorang wakil rakyat. Rumahnya di kawasan DUN. Saya selalu berada di kawasan saya yang saya dapat aduan daripada orang kampung-kampung daripada Kerling. Itu sebab saya tahu kerana saya banyak *network* tu. *Network* akan bagi maklumat kepada saya. Ini untuk baik. Ini untuk baik PBT ni untuk baik untuk Kerajaan, saya bukan kritik kalau saya busuk hati saya tak akan sebut pada hari ni. Betul tak? (ramai-ramai kata betul). Betul hah!. Bagaimana penduduk atau peniaga mahu mengadu masalah kepada seorang Majlis kalau Ahli Majlis itu tidak di setempat. Sentiasa menimbulkan pertelagahan sesama sendiri terutamanya pembahagian kerja-kerja kepentingan kelompok. Lebih utama kepada kepentingan rakyat. Semasa memerintah Kerajaan BN dahulu, elaun Ahli Majlis sebanyak RM300.00 kini Kerajaan Pakatan Rakyat telah menaikkan kadar kepada RM700.00. Memperuntukkan sebanyak RM5,000.00 setiap Ahli Majlis untuk membuka Pusat Khidmat Ahli Majlis tapi nampaknya hanya hari perasmian Pusat Khidmat sahaja dengan tarian singa selepas itu tidak ada. Kerajaan Pakatan Rakyat membelanja kira-kira 1.44 juta untuk membuka Pusat Perkhidmatan ni. Itulah satu langkah membazir wang rakyat. Sedang apa peranan mereka? Pada zaman BN, kediaman Ahli Majlis menjadikan Pusat Khidmat bahawa semua kalangan rakyat boleh jumpa Ahli Majlis bila-bila masa sahaja di rumah Ahli Majlis. Isu pelantikan Majlis yang bermasalah tidak terus menyebabkan banyak perkara kepentingan rakyat tergendala. Masalah penolakan kerja-kerja seperti pembersihan longkang, memotong rumput, lewat mengambil tindakan, menyebabkan keadaan semak, longkang tersumbat dan bau berlakunya pembiakan nyamuk aedes dan antara menyebabkan menyumbang kepentingan peningkatan tinggi kes-kes denggi di negeri. Ok sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang pada Kajang untuk menjunjung kasih titah ucapan DYMM Sultan Selangor dan memang kita dapati dalam titah ucapan DYMM didapati penuh dengan keprihatinan rakyat. Iaitu satu prinsip sama dipegang oleh Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu kepedulian rakyat dan titah DYMM terdapat juga disebutkan titahnya. Prinsip tadbir urus yang baik, dengan izin *good governance* dan dengan ini Kajang ingin membawa beberapa kes di mana perlu Kerajaan baru kita, iaitu selepas satu tahun ingin meneliti dan seharusnya meneliti kes-kes sebegini memastikan keadilan ditegakkan dan juga lebih penting prinsip tadbir urus

yang baik diteruskan. Kes yang pertama berkaitan dengan alam sekitar. Iaitu kita nampak walaupun ada, adanya dasar pembangunan mampan Kerajaan yang lepas tetapi dalam projek-projek yang dijalankan seperti yang kita nampak di Bukit Antarabangsa, di sebelah Cheras, di Sungai Jernih, Sungai Putih Cheras dan juga di Kajang banyak kes-kes yang berlaku misalnya contoh, baru-baru ini saya, Kajang selaku PAC iaitu *Public Account Committee Chairman* dengan izin telah melawat ke kawasan hutan simpanan yang seluas 202 hektar dan kelulusannya memang diberi pada tahun 2006. Ini juga disebut oleh Kampung Tunku semalam dan kes begini pertimbangan tidak diberi walaupun ianya hutan simpanan yang merupakan satu kawasan tadahan. Kawasan tadahan bagi Sg. Jeloh, Hutan Simpanan Sg. Jeloh dan kelulusan diberi untuk pembalakan dengan alasan akan PKPS iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor akan mengadakan rancangan tanam getah, ladang getah. Kes ini sama juga berlaku di Batu Arang, di Hutan Simpanan Batu Arang dan keluasannya masih saya tidak dapat tapi ia memang lebih luas daripada yang berlaku di Hutan Simpanan Sg. Jeloh. Kes-kes seperti ini ia telah dilakukan. Pembalakan sudah hampir habis, ya! habis dibalakan dan bukit hutan simpanan ini sudah tidak wujud lagi. Maka pencemaran akan berlaku, banjir akan berlaku dan banjir yang kerap berlaku di Kajang pada tahun ni dan kita dapat cari sebabnya, salah satu sebabnya memang daripada penebangan pokok-pokok hutan di hutan simpanan ini. Dalam kes sebegini, kita sebagai Kerajaan yang kita berpegang kepada prinsip tadbir urus yang baik kita mesti mencari siapakah yang seharusnya bertanggungjawab dalam kes sebegini. Adakah pejabat, Jabatan Perhutanan, pejabat Tanah, PKPS atau mana-mana pihak yang terlibat. Kita mesti cari siapakah yang membenarkan sesuatu salah laku yang berlaku sebegini yang berlaku bukan sahaja kes ini ada kes-kes yang akan saya bawa nanti. Kita harus teruskan siasat dan cari siapakah yang seharusnya bertanggungjawab akan perkara sebegini.

Seterusnya berkaitan dengan kes orang asli. Memang dalam titah ucapan Tuanku disebutkan penghakisan identiti orang asli sesuatu yang amat menyedihkan dan juga menyeru perlunya mengiktiraf dan memelihara tanah orang asli yang telah dirampas daripada mereka beberapa tahun kebelakangan ini dan kes ini memang berlaku seperti yang dinyatakan oleh Telok Datok tadi di Bukit Komando dan saya ingin, Kajang ingin bawa kes di Bukit Cherakah, tidak jauh daripada kawasan Shah Alam. Kes ini pernah di bawa ke Dewan pada sidang yang lepas dan sama juga kita nampak sehingga hari ini projek di katakan penswastan penempatan semula orang asli. Projek Penswastan Penempatan Semula Orang Asli tetapi sehingga hari ini Eko Asli, syarikat yang bertanggungjawab dengan pemajunya Lebar Daun, lebar Daun yang kedengaran banyak ada kaitan dengan orang politik dan dalam kes ini kita nampak tanah sehingga hari ini seharusnya sudah bina rumah-rumah untuk orang asli. Rumah yang dijanjikan itu, rumah banglo tetapi sampai hari ini semua (batuk) minta maaf. Semua tanah yang digunakan untuk pembinaan rumah baik, rumah apartmen ataupun rumah teres dan juga banglo telah siap dibina dan dijual dan tanah untuk orang asli masih kosong. Tak ada rumah dibina dan orang asli yang ada di situ terpaksa kembali di hutan di Bukit Cherakah untuk duduk dan mencari rezekinya dan keadaan ini amat-amat boleh kata menghina. Menghina pada orang asli kita dan keadaan ini, penswastan oleh Kerajaan kita di tanggungjawab oleh UPEN, saya dengar kata UPEN orang yang, pegawai yang bertanggungjawab telah tidak ada di UPEN lagi telah menjadi CEO sebenarnya di mana syarikat saya tidak tahu. Tapi inilah keadaannya dan keadaan sebegini kita harus dikatakan *follow true* dengan izin. Mencari siapakah sebenarnya bertanggungjawab dalam kes begini. Siapakah yang menyebabkan orang asli sehingga hari ini masih tiada kediamannya. Masih kena tumpang, masih kena balik ke dalam hutan. Jadi keadaan ini kes kedua. Kes ketiga adalah kes berlaku di Sg. Panjang. Kita nampak Sg. Panjang tak

ada. Ini juga kali kedua Kajang sebut di sini, iaitu di Majlis Daerah Sabak Bernam di mana projek dibina di muara sungai Hj. Dorani belanjanya pada awalnya 10 juta tapi akhirnya projek menjadi 29 juta. Kenaikan sebegini tidak dapat kelulusan daripada pihak kewangan negeri dan bagaimana ini boleh dilakukan dan di situ juga ada satu Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pembangunan ADUN. ADUN Sg. Panjang. Jadi siapakah yang seharus bertanggungjawab ke atas kehilangan wang rakyat, iaitu negeri kita yang sudah tak dapat balik dan sehingga hari ini projek ni menjadi satu tanggungan, bebanan pada Majlis Daerah Sabak Bernam dan pihak BPR pada masa itu sudah mengambil fail-fail dan SPRM ke hari ini masih belum memberi apa-apa penjelasan dan tindakan. Maka kita menyeru pihak negeri untuk bertindak. Bertindak dan mendapatkan sesiapa yang bertanggungjawab dalam perkara sebegini Dan di kawasan Kajang, DUN Kajang kita dapat juga satu penganiayaan Kerajaan Negeri terhadap warganya iaitu penduduk di Sg. Chua, Kg. Baru Sg. Chua. Kita dapati pada tahun 1998 sehingga 2000, Kampung Baru Sg. Chua penduduknya lebih kurang 50 keluarga telah dipaksa pindah. Pindah kerana nak bagi laluan kepada Lebuhraya Lingkar Kajang. Projek ini penduduk tidak bantah menyokong projek ini untuk kemudahan, untuk kebaikan penduduk-penduduk di situ. Tetapi dalam kes ini Pejabat Tanah dengan Pejabat Tanah Daerah dan juga terlibat juga negeri dengan kerajaan negeri dan syarikat swasta. Kita nampak ada unsur-unsur mereka bersubahat kerana apabila tempoh pada ketika itu, tempoh pajak, pajakan tanah pada pemilik-pemilik rumah di situ sudah tamat dan mereka sudah memohon, ada yang memohon 2 tahun sebelum itu, ada yang memohon 3 tahun sebelum itu, ada 5 tahun sebelumnya dan sampai tamat tempoh mereka tidak dipanjangkan ini tempoh pajakan mereka. Tidak dipanjangkan mereka ingin sudah bersedia tinggal nak bayar premiumnya tetapi tidak dipanjangkan. Walaupun pada ketika itu kerajaan Barisan Nasional keadaan pada ketika itu telah menjamin penduduk-penduduk pada Kg. Baru bahawa setiap permohonan untuk di memanjangkan pajakan tanah tempoh pajakannya akan dipanjangkan dengan syarat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Tetapi penduduk-penduduk di situ ramai telah dinafikan hak mereka untuk dipanjangkan tempohnya sehingga apabila sampainya masa untuk pembinaan lebuhraya ini. Mereka telah dipaksa pindah dan tidak ada bayaran pampasan mengikut kadar yang berpatutan dan mereka hanya dibayar pampasan kemanusiaan sahaja dan pada ketika itu mereka di janji, mereka sudah di janji juga ADUN pada ketika itu, Kerajaan Negeri juga pada ketika itu untuk memberi sekeping tanah untuk kediaman masing-masing dan sehingga ke hari ini mereka masih tak ada tapak untuk pembinaan rumah. Walaupun di janji beberapa keping tanah untuk pembinaan semula mereka diberi tempoh dikatakan hak milik sementara tetapi masih tak ada tindakan yang seterusnya. Sehingga hari ini mereka tak dapat membuat apa-apa, ada yang masih menumpang di rumah saudara mara, ada yang masih sewa rumah dan mereka telah berjumpa dengan saya sendiri untuk mengadu dan berharap pihak negeri dapat ambil tindakan dengan yang seberapa segera untuk mengatasi masalah ini. Dan ke empat-empat kes yang kita nampak ini kita harus menyusuli sesiapa atau jabatan mana yang bertanggungjawab, pegawai mana yang bertindak sebegini, yang menyebabkan rakyatnya sengsara. Jadi kita harus sebagai kerajaan baru yang bertanggungjawab pada rakyat harus kita bertindak sedemikian dan mengenakan tatatertib ataupun penjelasan yang munasabah.

Tuan Speaker, Kajang juga ingin ambil kesempatan ini untuk mencadangkan beberapa cadangan untuk pertimbangan kerajaan iaitu yang pertama berkaitan peruntukan jalan pembinaan dan naik taraf jalan. Kita tahu MARIS di bawah ada peruntukannya. MARIS untuk peruntukan jalan dan diumumkan baru-baru ini ada peruntukan yang tertentu untuk setiap PBT. Tetapi kita dapati ada masalah yang dihadapi di PBT iaitu

peruntukan itu tidak diturunkan secukupnya. Kajang mencadangkan peruntukan diturunkan mengikut kadar kilometer panjangnya jalan di setiap PBT dan ini untuk memudahkan proses birokrasi, birokrasi tidak selalu tidak perlu dirujuk kepada pihak negeri untuk projek-projek naik taraf juga ataupun memperbaiki jalan di kawasan PBT. Jadi untuk ini selain daripada kekurangan daripada di birokrasi untuk merujuk kepada negeri, pihak PBT boleh berjalan dengan lebih lancar dan juga jimat dari segi masa dan juga kosnya.

Perkara yang kedua berkaitan dengan masalah pelupusan sampah. Kerajaan berpendapat pembukaan *landfill* ataupun *sanitary landfill* seperti yang disebut di Tanjung 12 di Kuala Langat merupakan satu cara yang agak baik. Tetapi cara pelupusan sampah sebegini tidak merupakan satu cara yang paling baik dalam dunia yang moden ini. Kita tidak boleh terus melupuskan sampah secara *landfill* sebegini sahaja. Sebenarnya sampah merupakan satu sumber yang boleh kita kitar semula dan boleh diguna semula. Jadi program kitar semula harus menjadi dasar kerajaan negeri kita. Kita harus mengadakan program-program dan juga komitmen yang cukup tegas dalam mengadakan program-program kitar semula untuk mengurangkan sampah sarap pada puncanya. Ataupun kalau tidak dapat dilakukan dengan secepat begitu, cepat pada puncanya iaitu daripada rumah-rumah kita boleh buat di setiap PBT misalnya di Kajang. Di Kajang MPKj telah mengadakan satu sistem kitar semula dan penjana tenaga iaitu RDF. Jadi ini mungkin boleh jadi satu rujukan pada untuk kerajaan negeri untuk digunakan pada setiap PBT. Dalam rancangan-rancangan pembersihan Sg. Klang iaitu dalam pakej perangsang bagi negeri, Kajang mencadangkan Sg. Selangor yang merupakan satu sungai yang bersejarah berpotensi pelancongan juga dipertimbangkan kerana ia berpotensi untuk diperkembangkan potensi pelancongannya seperti kawasan hutan bakau, ada kelip-kelip di muaranya dan burung-burung air, burung *migetry* yang selalu memang berada di situ dan juga penternakan ikan air tawar dan sangkar di sepanjang Sg. Selangor boleh dipertimbangkan.

Satu perkara yang Kajang ingin bawa yang nampaknya semakin serius yang perlu perhatian khasnya pada EXCO Kebajikan iaitu di Pejabat Kebajikan Daerah. Kita telah dapati pihak Barisan Nasional telah campur tangan dalam urusan kebajikan. Telah diletakkan oleh Barisan Nasional pegawai-pegawai penyiasat di Pejabat Kebajikan dan pegawai-pegawai penyiasat yang tidak terlatih hanya masuk kerana ada agenda politik telah duduk di dalam pejabat dan telah menimbulkan ketidakselesaan pegawai-pegawai yang profesional di Jabatan Kebajikan dan ini telah menyebabkan masalah dan kita harap berharap pihak kerajaan negeri mengambil perhatian ini dan meneliti. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih Speaker, Ahli Dewan yang budiman serta para pemerhati dewan yang setia. Tuan Speaker, Batu Caves ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan ruang untuk menyampaikan sembah dalam debat menjunjung kasih dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di majlis perasmian Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor ke-12 bagi Tahun 2009.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Yang Budiman,



Dalam ucapan yang sungguh komprehensif yang telah ditunjukkan dan yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, kita dapat melihat bagaimana keprihatinan Duli Yang Maha Sultan sebagai penaung dan pelayang kepada bumi Negeri Selangor ini terhadap pelbagai isu merangkumi isu kebajikan, isu ekonomi dan pembangunan termasuklah isu perlembagaan, isu peraturan dan isu-isu yang berkaitan dengan keadaan tatacara dewan dan tatacara Ahli-Ahli Dewan semasa berbahas dan sebagainya. Sikap ini sepatutnya seharusnya harus diberikan pujian dan diberikan sokongan yang sepenuhnya oleh seluruh Ahli Dewan dan seterusnya boleh kita meneruskan usaha pembangunan dalam Negeri Selangor yang mengamalkan konsep merakyatkan ekonomi dan seterusnya menentukan dan memastikan setiap projek dan program pembangunan di dalam Negeri Selangor berasaskan kepada kepentingan dan keperluan kepada rakyat terbanyak dan rakyat sekitar tanpa memilih-milih dan memilah-bilah mengikut warna kulit, mengikut kepentingan ekonomi politik dan juga mengikut kepentingan beberapa pihak tertentu sahaja. Sebab itu dalam ucapan awal yang telah dipersembahkan ataupun dalam titah ucapan ini perkara utama yang disebut di peringkat awal ialah persoalan demokrasi dan persoalan demokrasi yang menyentuh tentang kepentingan kerajaan, pemimpin, wakil rakyat yang dipilih dalam pilihan raya yang lepas supaya menghargai demokrasi sebagai suara rakyat terbanyak. Pembangunan yang ingin direka, program penjanaaan ekonomi yang direka haruslah mengikut kepada keperluan rakyat terbanyak dan juga mengikut kepada semua pihak yang bernaung di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan ini. Justeru bila kita bawa beberapa perkara yang memberikan kebaikan kepada semua ia telah disalah tafsir dan sering kali diungkit dengan persoalan perkauman yang juga disentuh dalam titah ucapan tersebut. Saya nak lihat dan nak bawakan bagaimana pandangan yang telah dibawakan oleh ketua pembangkang ketika beliau berucap mengenai pembahagian 4 juta bagi setiap sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga jenis kebangsaan Tamil dan juga Sekolah Agama Rakyat yang dianggap memalukan dan tidak memenuhi keperluan dan sebagainya. Bagi saya ini satu pandangan yang cukup mereng dan juling dan tidak jelas terhadap apa yang dimaksudkan dengan demokrasi dan keperluan rakyat terbanyak sebagaimana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Keperluan adalah utama bukan ikut populasi kaum sebaliknya Sg. Panjang, mana Sg. Panjang tak ada, tak panjang lagi dah, Sg. Panjang mencadangkan ikut populasi kaum sedangkan kita melihat kepada keperluan. Keperluannya adakah Sekolah Tamil walaupun penduduknya sekitar 0.6 peratus sahaja, Sekolah Agama Rakyat mungkin ada populasi yang banyak tapi keperluannya juga hampir yang sama jadi apakah salah kita memberikan bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sambil memberikan peruntukan 4 juta kepada Sekolah Rendah Agama ataupun sekolah SRA yang ada di Negeri Selangor Darul Ehsan. Malahan kita telah menaikkan gaji-gaji guru KAFA kepada seribu ringgit dan Penyelia KAFA kepada seribu lima ratus ringgit yang tak pernah dibuat dan tak pernah terfikir pun oleh pimpinan Barisan Nasional sepanjang 50 tahun memerintah kerajaan Negeri Selangor ini.

Tuan Speaker, Sidang Dewan Yang Mulia,

Sebab itu bila Duli Yang Maha Mulia Sultan menyentuh tentang perlembagaan, tadi Sungai Burung, Sungai Burung pun dah terbang entah ke mana. Dia nak sentuh saya dengar di luar, dalam titah ucapan yang disebut dan diangkut oleh beliau dengan izin tadi menyentuh agar Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan supaya kita jangan membuat tafsiran terhadap perlembagaan itu ikut suka hati dan ikut kepentingan sendiri tetapi apa yang disebut oleh Sg. Burung itu jelas lari daripada apa yang disebut dalam perlembagaan persekutuan. Benar kita adalah raja berperlembagaan. Apa maksud raja

berperlembagaan? Raja berperlembagaan ini haruslah dipelihara, dijaga, dituruti dan diatur oleh perlembagaan dan undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini sebagai pengatur dan penjaga dan pemuliharaan kepada kemuliaan dan kebaikan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sebab itu bila disebut tentang perlembagaan, tidakkah sedar pihak kerajaan persekutuan dan juga pihak pembangkang Barisan Nasional di Negeri Selangor tentang perkara 10 dalam perlembagaan persekutuan sebagai contoh, jelas tetap bahawa ada hak rakyat untuk berhimpun, hak rakyat untuk menyatakan pendapat, hak rakyat untuk berpersatuan dan sebagainya. Mengapa ini dinafikan dan ini bila kita *extend* sikit, dan bila kita timbang dan lebarkan sikit dalam hak untuk berpersatuan, berparti dan sebagainya dalam soal melompat parti ini cukup jelas ada hak untuk orang memilih parti. Tapi yang jadi isunya di sini adalah bagaimana nak lompat parti sama ada gunakan rasuah atau tawar dengan prinsip dan dasar sebagaimana yang dibuat oleh PAKATAN RAKYAT. Tolong beza Taksin keluar Negara lari daripada Negara beza dengan orang yang berjuang untuk kebaikan Negara dan juga lari daripada Negara. Razak Baginda masuk dalam penjara dengan Anwar Ibrahim masuk dalam penjara mana boleh sama. Ingat semua orang lompat parti sama. Baik saya nak bawak nak sentuh fasal Behrang sebab Behrang masuk Hulu Selangor masih lagi Negeri Selangor dan orang Hulu Selangor nak cerita pasal saya masalah ini jadi saya sampaikan dalam dewan. Sampai sekarang ahli dewan yang melompat tidak berani turun kawasan. Sampai sekarang tidak pernah ada. Tetapi bila wakil rakyat yang lompat parti di Negeri Perak sebagai contoh saya sebutkan, bila masuk PAKATAN RAKYAT dalam tempoh sebelas hari beliau turun ke kawasan disambut oleh 10,000 rakyat yang meraikan dan menyambut kemasukan mereka. Ini beza tentang demokrasi yang disentuh bagaimana *fundamental* dan *vital element* dengan izin ataupun unsur asas dalam demokrasi itu adalah hak dan kuasa rakyat dan juga pandangan yang disampaikan oleh rakyat.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves minta laluan

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Sila

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Batu Caves. Setuju ke Batu Caves dengan saya bahawa kita bercakap tentang Raja Berperlembagaan ini. Ianya sesuatu yang diwarisi bukan kita cipta sendiri. Ianya sesuatu yang diwarisi daripada sistem yang sendirinya mempunyai sejarah selama 800 tahun lebih. Jadi ini bukan sesuatu yang kita cipta sendiri dan ianya perlu mengikut lunas-lunas yang ditetapkan tradisi selama 800 tahun ini. Setuju ke Yang Berhormat dengan saya.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Kampung Tunku yang telah mengingatkan saya sejarah *Gloria revolution* yang berlaku di bumi Inggeris yang telah melakar dan menumbuhkan sistem berparlimen atau pun raja berparlimen tetapi dalam konsep Melayu sebagaimana yang disebut oleh Bukit Antarabangsa dalam buku sejarah Melayu tentang Hang Tuah Paduka Raja dan juga Hang Jebat ada satu kisah lain yang juga menyentuh dan melakar dalam hal ini. Kisah bagaimana perbincangan dan perdebatan di antara Sang Purba, dengan Demang Lebar Daun. Ini tiada kaitan dengan Syarikat Lebar Daun yang dapat banyak kontrak di Shah Alam ya.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang budiman. Tentang perdebatan di antara Sang Purba yang mewakili raja dan juga Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat di mana dalam pertemuan tersebut Sang Purba telah meminta dan ingin menyatakan pandangan Sultan dan Raja dan juga Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat menyatakan kesetiaan kepada Raja dengan *agreement* dan penyatuan dan kesetiaan bahawa rakyat dan juga warga di setiap kawasan dan Negara itu akan patuh dan setia dan taat kepada Raja sekiranya dan selamanya sekiranya Raja dan juga Sultan yang ada di sebuah negeri itu menjaga kepentingan dan hak rakyat dan *agreement* itulah yang dinamakan perlembagaan, peraturan dewan undangan negeri dan seterusnya diinstitusikan menjadi parlimen dan apa yang kita ada dalam dewan undangan negeri.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang setia dan budiman sekalian. Kita lihat Sungai Panjang menyebut tentang salah sangka, buruk sangka dan sebagainya. Tuan Speaker, jangan mencipta perkataan-perkataan yang nampak buruk sedangkan kita ada hasrat yang murni. Tuan Speaker kita berasaskan kepada pengasingan kuasa *judiciary*, kehakiman, parlimen dan juga eksekutif dan pengasingan kuasa yang cukup jelas ini sebagai kuasa apa kuasa periksa dan semak, atau pun *check and balance* dengan izin. *Check and balance* ini maksudnya apa sebab dengan hasrat dan dengan tujuan supaya memeriksa sama ada eksekutif ini berjalan dengan sempurna atau pun tidak. Sebab itu apa yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Dewan PAKATAN RAKYAT hari ini amat berbeda, dan jauh berbeda dengan apa yang diamalkan oleh Barisan Nasional yang hanya menganggu, enggeh, ya ya. Kata mereka selama 50 tahun. Sebab itu bila cakupancarkan banyak program setinggian sifar sebagai contoh yang saya nak bawakan bagaimana disentuh tentang penempatan dalam titah ucapan ini kita melihat kawasan-kawasan setinggian dengan arahan yang secara *verbal* mungkin daripada kerajaan terdahulu terhadap pentadbir-pentadbir tempatan telah mengakibatkan keributan dalam masyarakat. Alhamdulillah, Bukit Antarabangsa menjelaskan tentang Kampong Berembang yang dapat diselesaikan. Namun saya meminta kepada Eksekutif Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk meneliti berbagai isu lain termasuk EXCO yang berkenaan sebagai contoh Kampong Jaya di kawasan Batu Caves, Kampong Temenggong juga di sekitar Batu Caves juga Bukit Botak yang dimaksudkan oleh Templer sebentar tadi yang telah lama tertanggung dan mengakibatkan masalah dan sebahagian daripada mereka telah meninggal dunia setelah rumah mereka dirampas, di roboh secara haram menggunakan manipulasi dan sebagainya untuk memastikan kroni dan syarikat-syarikat tertentu mendapat projek dan mendapat kepentingan dan mendapat untung dan laba yang cukup besar sedangkan ramai penduduk asal dan peneroka Bandar yang menderita tidak dapat meneruskan kehidupan dan terpaksa menyewa rumah sampai ke hari ini.

Tuan Speaker dalam urusan dan juga dalam pentadbiran kerajaan PAKATAN RAKYAT yang mengetengahkan merakyatkan ekonomi negeri Selangor kita telah menjalankan beberapa program seperti Skim Mesra Usia Emas seperti TAWAS dan sebagainya yang pasti dan jelas baik dan hasrat nuraninya. Namun bagi pendapat saya ia perlu dipertingkatkan dari segi penyampaiannya khususnya dalam Skim Mesra Usia Emas sebagai contoh misalnya, kita Kerajaan Negeri seharusnya boleh mempertimbangkan untuk mempercepatkan sumbangan 1,000 ketika dalam hayat warga emas tersebut tak boleh yang 60 tahun kita boleh beri yang 75 tahun ke atas. Bermula daripada 75 tahun ke atas kita terus tanpa tunggu mereka atau warga tersebut meninggal dunia untuk 1,000 ringgit yang pertama. Daripada *statistic* yang telah diberikan seramai 36,500 orang yang telah mendaftar dalam Skim Mesra Usia Emas ini 75 tahun ke atas hanyalah sekitar 29% dan sebagai menghargai jasa bakti setia mereka-mereka warga emas yang

telah menyumbang bakti kepada Kerajaan Negeri Selangor selama ini sama ada yang berkhidmat dalam sektor kerajaan atau swasta dan sebagainya saya rasa ini tidak keberatan untuk teruskan 1,000 ketika hayat warga emas tersebut tidak menunggu waktu mereka meninggal dunia. Mungkin selepas meninggal dunia waris akan diberi satu ribu setengah dan juga ada hasrat untuk menambah lagi 1,000 sebagaimana dalam taklimat yang diberikan.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Budiman, saya nak sentuh tentang bagaimana sikap ketelusan kita dalam mentadbir Kerajaan Negeri dan kita mengamalkan konsep dan perjalanan yang cukup terbuka. Saya cukup tertarik tadi bila Sungai Air Tawar sebut pasal kita tak bagi dewan, kita rampas dewan. Saya nak tanya semua Ahli PAKATAN RAKYAT sepanjang 50 tahun BN memerintah Kerajaan Negeri Selangor ni saya nak tanya Speaker pernahkah memberikan ceramah di dalam dewan milik kerajaan negeri. Dua minggu, tiga minggu lepas pilihan raya Sungai Panjang boleh ceramah di Dewan MBSA bersama pimpinan pembangkang yang lain, kita benarkan tak pernah kita hantar mana-mana pasukan penguatkuasa kunci. Berapa ceramah di buat di Dewan MBSA. Dasar kita cukup jelas rakan-rakan pembangkang, kita tak pernah nak halang, tapi sila rujuk kepada pihak yang berkenaan. Tak boleh buat dewan sebagai bilik gerakan UMNO dan bilik gerakan MCA, dewan ini dewan rakyat orang UMNO, orang PAS, orang PKR boleh guna tapi bayar sewa dan guna. Ini dasar kita, yang dulu dia buat pacak bendera UMNO, pasang label dan papan tanda MCA punya. Mana boleh dah tu duit kerajaan bina tubuh dekat tanah persendirian. Ini sistem kerajaan apa sistem kerajaan rimba.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan terus.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Nak mencelah sedikit. Saya nak mintak penjelasan dan pandangan sikit dari Batu Caves. Terdapat beberapa berlaku seperti di kawasan saya masih sehingga sekarang terdapat balai raya yang dulunya digunakan dana persekutuan dan sebagainya dibina termasuk kutip duit orang kampung bina balai raya tetapi sampai sekarang inilah selepas PAKATAN RAKYAT genap setahun kita memerintah, kita nak ambil balik serah kepada JKKK sampai sekarang pun tak hendak diserahkan balik. Saya nak tanya kepada Batu Caves kenapa wujud masalah seperti ini. Sampai tak nak serah balik panggil *gangster* dan sebagainya. Sekian terima kasih.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Sekinchan terima kasih Sekinchan kerana membangkitkan hal ini. Bagi saya ini satu kaedah politik yang ingat tanah, bumi dan anugerah kepimpinan ini diwariskan terus kepada mereka. Dia ingat ini selama-lamanya boleh jadi mereka. Itu sebab dia fikir bila buat di tanah mereka, buat di tanah-tanah persendirian ini tak ikut *speck* dan sebagainya bina suka hati buat ikut parti sendiri tanpa memikirkan hak dan tanpa memikirkan ruang yang telah ada dalam perlembagaan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi di mana ada ruang untuk hak rakyat untuk tidak mengikut Barisan Nasional dan tubuh parti sendiri.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang setia dan yang budiman. Saya kira hal ini perlu diperbetulkan walau pun ia mengambil masa yang cukup panjang dan lama, saya rasa sistem ini perlu segera untuk diperbetulkan untuk memastikan negeri ini cukup jelas di antara harta awam dan harta persendirian. Cukup jelas di mana harta negeri dan juga harta-harta ahli-ahli politik dan juga ahli-ahli pemimpin. Saya cukup memuji dan menyokong penuh tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mendedahkan atau mengisytiharkan aset. Dan kita pemimpin-pemimpin PAKATAN RAKYAT yang telah diperuntukkan wang tertentu untuk pembangunan mesra rakyat dan program

mesra rakyat sebagai contoh juga akan mendedahkan atau pun mengisytiharkan perbelanjaan-perbelanjaan kita melalui laman web -laman web yang akan diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dalam masa yang terdekat dalam taklimat yang kita berikan dan saya juga nak cabar kepada rakan-rakan Barisan Nasional yang dengar khabar angin lalu, saya pun tak dengar betul ke tak betul dapat peruntukan daripada Persekutuan, Kalau nak sokong ketelusan dan sedia menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda sila umumkan perbelanjaan 300 ke 350 ribu atau satu juta yang diberikan oleh kerajaan Persekutuan kerana kita di Negeri Selangor menyumbang juga lebih 38% saya rasa 20% lebih 28% daripada tax dan juga cukai yang kita berikan dalam Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang budiman. Hari ini saya rasa kita telah menjelaskan beberapa perkara yang penting untuk kemajuan dan pembangunan negeri dan seharusnya kita dalam keadaan yang cukup gawat dan keadaan cukup sempit ini ketika keadaan ekonomi yang cukup menggusarkan dan kita sebagai pimpinan Kerajaan Negeri sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam belanjawan awal-awal lagi tidak menafikan wujudnya masalah yang akan melanda dalam tsunami politik ataupun tsunami ekonomi yang akan menyerang dan telah kita berbanding dengan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa menafikan yang hanya baru beberapa baru mereka umumkan *stimulus package* atau pakej rangsangan untuk menjanakan ekonomi itu pun tak pasti ke mana. Dulu di umum 7 bilion, 7 bilion itu saya tak tahu ke mana tak jelas apa yang berlaku. Sebaliknya kita Kerajaan Negeri merancang secara berhati-hati dengan jelas ada lima program dan sebagainya mungkin kita boleh satukan dan kita boleh samakan untuk kebaikan bersama. Dalam keadaan terdesak ekonomi yang sedang menyekat kita ini seharusnya kita memikirkan beberapa perkara yang mungkin dijadikan *alternative* kepada kerajaan negeri untuk lari sedikit daripada kewangan konvensional menggunakan pakai kewangan Islam sebagai contoh yang mungkin ada kelebihan dan harus diteliti dengan lebih rinci oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO-EXCO Kerajaan Negeri untuk memastikan strategi-strategi yang betul dan tepat untuk memastikan kita bersedia dan mampu untuk melepasi cabaran gelombang ekonomi yang agak menguncup dalam satu tahun, dua tahun, mungkin lima tahun kebelakangan ini.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang budiman, saya menyokong usul yang telah dibuat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Batu Caves. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selama dua hari ini seramai 24 orang ahli telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih Titah Ucapan Sultan Selangor dengan itu saya menutup perbahasan dan pihak Kerajaan akan menggulung perbahasan ini pada hari esok dan memandangkan jam sudah pukul 6.00 petang maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari esok Jumaat 13 Mac 2009 bermula pada 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 6.05 petang.**